

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 77**Khamis****8 Disember 2005**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Kewangan 2005	(Halaman 21)
Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2005	(Halaman 57)
USUL-USUL:	
Menangguhkan Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga Rang Undang-undang Di Bawah P.M. 62	(Halaman 21)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebeaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 54)
USUL-USUL MENTERI:	
Akta Persatuan Pembangunan Antarabangsa – Dana Tambahan Keempat Belas Kepada Persatuan Pembangunan Antarabangsa (IDA 14) Sebanyak USD64,300 (RM244,340) dan Caruman Kepada Interim Trust Fund (ITF) Sebanyak USD11,496.05 (RM43,685)	(Halaman 116)
Akta Tatacara Kewangan 1957 – Penukaran Pinjaman Kerajaan Persekutuan Kepada Malaysian Venture Capital Management Berhad (MAVCAP) Yang Dimiliki Oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) Kepada Ekuiti	(Halaman 119)

Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Integriti - Penubuhan

(Halaman 121)

Akta Kastam 1967 –

1. Perintah Duti Kastam (Pindaan) 2005 (ST.189/2005) -P.U. (A) 208 bertarikh 26 Mei 2005
2. Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.2) 2005 (ST.190/2005) -P.U. (A) 209 bertarikh 26 Mei 2005
3. Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN Dan Tarif Keutamaan Sama Rata (Pindaan) 2005 (ST.191/2005) -P.U. (A) 210 bertarikh 26 Mei 2005
4. Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN Dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (NO.2) 2005 (ST.192/2005) - P.U. (A) 211 bertarikh 26 Mei 2005
5. Perintah Duti Kastam (Duti Anti-Lambakan Sementara) 2005 (ST.193/2005) -P.U. (A) 242 bertarikh 23 Jun 2005
6. Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.3) 2005 (ST.133/2005) P.U. (A) 370 bertarikh 30 September 2005
7. Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN Dan Tarif Keutamaan Sama Rata (Pindaan) (NO.4) 2005 (ST.134/2005) - P.U. (A) 371 bertarikh 30 September 2005
8. Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (No.2) 2005 (ST.194/2005) - P.U. (A) 414 bertarikh 20 Oktober 2005

(Halaman 132)

Akta Eksais 1976 –

Perintah Duti Eksais (Pindaan) 2005 (ST. 135/2005) - P.U. (A) 372
bertarikh 30 September 2005

(Halaman 137)

Akta Cukai Jualan 1972 –

Perintah Cukai Jualan (Kadar-kadar Cukai) (Pindaan) 2005 - P.U. (A) 373
bertarikh 30 September 2005

(Halaman 140)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT**

Khamis, 8 Disember 2005

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Haji Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) butiran-butiran kejayaan kawasan perdagangan “Indonesia, Malaysia, Thailand Growth Triangle” (IMT-GT) sejak ia dilancarkan kepada iklim perdagangan Malaysia; dan
- (b) apakah usaha-usaha kementerian untuk mempopularkan kawasan perdagangan ini di kalangan negara anggota ASEAN yang lain.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato’ Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Dato’ Seri Annuar Musa, Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri Kelantan mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Barisan Nasional yang telah membantu menjayakan Barisan Nasional di N12, Pengkalan Pasir. *[Tepuk]* Terima kasih. Mudah-mudahan pada pilihan raya umum akan datang atau pilihan raya kecil akan datang, kita dapat memenangi semula negeri Kelantan. *[Tepuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, apa kena mengena dengan soalan ini? Adakah soalan mengenai *by election*, kalau ada *by election* saya ada soalan tambahan? Saya ada soalan tambahan berkenaan *by election*, bolehkan saya kemukakan? *[Ketawa]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan, Yang Berhormat.

Dato’ Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, IMT-GT merujuk kepada Malaysia Indonesia Growth Triangle atau pun kerjasama segi tiga pertumbuhan Indonesia, Malaysia, Thailand. Ia merupakan inisiatif Malaysia yang bermula pada tahun 1993, pada asalnya ada 11 negara dan wilayah menjadi ahli IMT-GT. Pada hari ini, 2005, setelah 12 tahun, ada 23 negara dan wilayah menjadi anggota kepada IMT-GT.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kerajaan berpuas hati dengan kejayaan IMTGT dan beberapa projek usaha sama antara wilayah ini telah pun dijayakan. Di antara kejayaan-kejayaan yang telah dicapai termasuklah seperti berikut:

- (i) perkhidmatan udara telah ditingkatkan di kalangan bandar-bandar utama di kawasan ini. Umpamanya pada tahun 1993, cuma ada tiga penerbangan seminggu daripada Pulau Pinang ke Medan, hari ini sudah ada enam penerbangan sehari daripada Pulau Pinang ke Medan;
- (ii) selain itu, beberapa syarikat penerbangan baru telah diwujudkan dan beberapa sektor baru telah mengadakan perkhidmatan di kalangan bandar-bandar utama di kawasan IMTGT;
- (iii) berkaitan perkhidmatan laut pula, sekarang ini ada perkhidmatan feri antara Pulau Pinang dengan Medan. Ini merupakan satu kejayaan IMTGT;
- (iv) seterusnya kita dapat peningkatan mobiliti antara penduduk di kawasan ini. Kita dapati bahawa bilangan pelancong antara Malaysia, Thailand dan Indonesia telah meningkat sejak tertubuhnya kawasan ini;
- (v) seterusnya telah terlaksana beberapa inisiatif dalam barter trade di antara Port Klang dan Dumai, sudah ada satu perniagaan barter trade yang begitu berjaya yang melibatkan kira-kira RM800 juta *turned over* setahun.

Ini antara kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh IMTGT dan kita berpuas hati dengan kejayaan ini. Ia merupakan *compliment* atau pun tambahan kepada usaha sama serantau, kerjasama serantau yang kita sedang galakkan di kalangan negara-negara ASEAN dan kita menjangkakan pada tahun-tahun hadapan kerjasama IMTGT ini akan bertambah dan itu dapat memakmurkan lagi penduduk di rantau ini.

Tujuan utama diadakan kerjasama ini ialah untuk meningkatkan pelaburan dan juga perdagangan di antara wilayah dan negara-negara berkaitan. Akhirnya, kita berharap keadaan sosioekonomi rakyat di Malaysia, Thailand, Indonesia akan meningkat dengan peningkatan pelaburan dan juga perdagangan serta pelancongan di kalangan ketiga-tiga wilayah berkenaan.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. *Regional Economic Cooperation* yang ditubuhkan pada tahun 1993 ini bagi tujuan untuk membangunkan kawasan yang dinyatakan adalah satu usaha yang baik dan saya dapat melihat bahawa terdapat beberapa *lead factor*, dengan izin, bagi membangunkan kawasan ini. Bagi negara Thailand, agensi yang mengetuai kawasan tersebut adalah *National Economic and Social Development Board of Thailand*, sementara bagi Malaysia dan Indonesia ia diwakili oleh *Ministry of Foreign Affairs* dan saya juga dapat melihat bahawa *lead country* bagi perusahaan pelancongan dikendalikan oleh negara Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan soalan tambahan, benarkah bahawa hubungan ini, hubungan IMTGT yang dipelopori sejak tahun 1993 ini tidak mendatangkan banyak keuntungan kepada dua negara iaitu Malaysia dan Indonesia tetapi ia lebih cenderung kepada

pembangunan Selatan Thailand yang mendapat keuntungan yang agak besar? Dan, benarkah bahawa dengan adanya agensi yang tidak mempunyai *business-touch* ini, *foreign affairs* menyebabkan kita kurang mendapat keuntungan dan kebaikan daripada kerjasama ekonomi ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Yang di-Pertua, yang pertamanya saya ingin membuat pembetulan yang menjadi '*lead agensi*' dipihak Malaysia ialah Unit Perancang Ekonomi. Wisma Putra, Kementerian Luar Negeri, memang terlibat tetapi sebagai salah sebuah agensi yang membantu Unit Perancang Ekonomi. Oleh itu, kita dapati bahawa bukan saja hal-hal yang berkaitan dengan diplomasi yang diambil perhatian tetapi juga hal yang berkaitan dengan perdagangan dan juga pelaburan serta pelancongan diberi perhatian. Itu sebabnya kita dapati terdapat peningkatan dalam hubungan antara rakyat, antara pelabur dan juga perdagangan antara ketiga-tiga kawasan.

Yang kedua, berkaitan dengan sama ada ia mendapat faedah utama ialah Selatan Thailand, ia tidak benar. Sebenarnya, ketiga-tiga buah negara mendapat faedah yang besar. Dari segi pelancongan, memanglah Thailand menerima bilangan pelancongan yang agak ramai dari negara-negara tertentu tetapi kalau kita lihat secara keseluruhannya, perdagangan, pengangkutan yang saya sebut tadi, berkaitan dengan *barter trade*, aktiviti *barter trade* yang paling cergas sekali adalah antara Dumai dan Port Klang. Sebuah syarikat Malaysia terlibat dalam usaha ini dan ini memberi faedah kepada Malaysia.

Jadi, dilihat secara keseluruhan kesemua wilayah mendapat faedah bukan sahaja Selatan Thailand. Dan, kita yakin bahawa ketiga-tiga kawasan ini akan terus mendapat faedah daripada peningkatan perdagangan, pengangkutan dan juga perhubungan antara pelancong-pelancong di kalangan ketiga-tiga kawasan ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Adakah *Craft Cannel Project* antara pertimbangan atau fikiran IMTGT dan bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi tahu di Dewan ini, krisis Selatan Thailand, dengan yang huru-hara di sana dan masalah yang timbul sudah menjejaskan usaha-usaha IMTGT dalam satu tahun ini.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Yang pertamanya, *Craft Cannel* tidak pernah dijadikan agenda perbincangan dalam mesyuarat-mesyuarat IMTGT. Ia tidak pernah dibincangkan dalam mesyuarat setakat ini. Yang keduanya, berkaitan dengan keadaan keselamatan di Selatan Thailand, memanglah ia memberi kesan kepada usaha-usaha untuk merapatkan lagi hubungan pelancongan dan perdagangan dan juga pelaburan antara Selatan Thailand dengan Utara Malaysia. Umpamanya dalam bidang pelancongan, kita dapati bahawa bilangan pelancong Malaysia ke Thailand sudah merosot, bilangan pelancong Thailand ke Malaysia tidak ada banyak perubahan.

Jadi, kita yakin bahawa jika keadaan di Selatan Thailand lebih selamat, usaha-usaha untuk meningkatkan lagi kerjasama antara Selatan Thailand dengan Utara Semenanjung

Malaysia akan bertambah dan ini akan memberi faedah kepada kedua-dua buah negara di segi hubungan pelancongan, perdagangan dan juga pelaburan.

Datuk Richard Riot Jaem [Serian]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu ada sedikit pembetulan perkataan '*hitam*', tolong potongkan.

2. **Datuk Richard Riot Jaem [Serian]** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan sama ada kementeriannya mempunyai rancangan untuk membantu para pekebun lada '*hitam*' kerana harganya terlalu rendah di bawah kos pengeluaran atau tidak. Kalau ya, apakah rancangan itu, kalau tidak mengapa?

Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat bagi Serian bersama dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Sarikei yang juga dijadualkan untuk dijawab pada hari ini, nombor18.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang pengeluaran lada dunia adalah dianggarkan sebanyak 299,275 tan metrik setahun, manakala penggunaan lada adalah sebanyak 278,163 tan metrik, iaitu pengeluaran adalah lebih dengan penawaran di pasaran dunia dan ini telah memberikan tekanan ke atas harga komoditi mentah tersebut di berapa tahun yang dahulu ini. Penurunan harga komoditi ini telah menjejaskan pekebun kecil lada, terutamanya mereka yang tinggal di luar bandar yang bergantung sepenuhnya kepada tanaman lada sebagai punca utama pendapatan mereka.

Menyedari hakikat ini, kerajaan melalui Jawatankuasa Kabinet mengenai cara-cara peningkatan produktiviti dan pendapatan pekebun kecil komoditi. Pada 17 hari bulan Mac tahun ini telah meluluskan bantuan sebanyak RM84.55 juta bagi membantu pekebun kecil lada yang pendapatan mereka terjejas akibat daripada kejatuhan harga komoditi di pasaran. Bantuan akan diagihkan secara berperingkat-peringkat untuk 5 tahun, iaitu 2005 sehingga 2009.

Jenis bantuan Tuan Yang di-Pertua adalah seperti berikut:

- Memperbaiki kebun lada. Bantuan sebanyak RM6,000 sehektar iaitu purata RM3 sepokok setahun akan diberikan kepada pemohon yang berjaya untuk dua tahun berturut-turut. Keutamaan akan diberikan kepada pekebun lada yang mempunyai 400 sehingga 1,000 pokok lada.
- Jenis bantuan kedua iaitu menanam baru atau semula. Tujuan bantuan ini adalah untuk menggantikan kebun lada yang tidak lagi ekonomi untuk diselenggarakan atau kebun yang diserang oleh penyakit atau makhluk perosak. Nilai bantuan yang dipohon boleh sampai ke RM16,000 sehektar untuk dibelanjakan bagi tempoh tiga tahun iaitu tahun pertama RM8,000. Tahun kedua dan ketiga

RM4,000. Bagi tujuan penanaman baru, keutamaan akan diberikan kepada penggunaan tiang sokongan hidup, tanaman penutup bumi dan keratan lada yang disyorkan.

- Jenis bantuan ketiga ialah bantuan pengendalian tapak semaian. Ini akan diberikan kepada Jabatan Pertanian Sarawak untuk mengurus/mengendalikan tapak semaian untuk pengeluaran keratan lada yang bermutu.
- Jenis bantuan keempat ialah pengeluaran lada tambah nilai.

Tuan Yang di-Pertua: Bantuan.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Ya, bantuan kelima. Jenis bantuan kelima ialah untuk lada tambah nilai di mana lima buah projek akan diberikan kepada kawasan di Bentong, Sarikei, Bintangor, Serian dan Sungai Asap.

Tuan Yang di-Pertua, bagi merangsangkan industri lada di peringkat hiliran, usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan, terutamanya dalam bidang bioteknologi akan dipergiatkan. Bagi peringkat hiliran pula, jemaah pasaran lada hitam sedang dan akan menjalankan aktiviti R&D.

Tuan Yang di-Pertua, itulah usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan untuk menolong pekebun-pekebun kecil yang menanam lada di Sarawak terutamanya. Sekian, terima kasih.

Tuan Richard Riot anak Jaem [Serian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di kawasan Parlimen saya, kalau tidak silap adalah daerah pengeluar terbesar lada di seluruh negara. Jadi sebagai daerah yang banyak mengeluarkan lada, saya amat berterima kasih kepada kementerian kerana telah meluluskan peruntukan sebanyak RM84.55 juta untuk membantu para pekebun lada termasuk di kawasan saya. Sebentar tadi Yang Berhormat Menteri telah menyebutkan bahawa lima jenis bantuan akan diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya nampak yang mungkin tidak dilihat oleh kementerian iaitu satu skim. Saya bandingkan dengan skim yang dipanggil sebagai skim bantuan untuk membantu para pekebun getah waktu harga getah begitu rendah, lebih kurang 15 tahun yang lampau. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam skim bantuan untuk membantu para pekebun getah ketika itu iaitu dengan memberi bantuan atau subsidi sebanyak 30 sen kepada setiap kilogram susu getah yang dijual. Jadi soalan saya ialah.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Richard Riot anak Jaem [Serian]: memandangkan skim seumpama ini tidak termasuk dalam lima jenis bantuan yang telah diberikan itu, adakah kementerian bersetuju dengan saya agar skim seumpama ini dalam mana tidak kurang dari RM1.50 sen diberikan kepada setiap harga lada yang dijual.

Tuan Yang di-Pertua: Kilo, setiap kilo ini?

Tuan Richard Riot anak Jaem [Serian]: Sekilogram yang dijual.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Richard Riot anak Jaem [Serian]: Okey, itu soalan saya. Terima kasih.

Seorang Ahli: Bolehkah subsidi itu diberi?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, subsidi yang disebutkan pada harga getah dan lain-lain tanaman boleh diberikan sebab kita ada mempunyai ses.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tetapi pada industri lada ini kita tidak menggunakan ses. Subsidi ini kenalah datang daripada pihak kerajaan dan saya sudah sebut dalam jawapan saya ialah, kerajaan sudah meluluskan RM84.55 juta untuk menolong industri.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Ya, terima kasih. Tetapi di Pengkalan Pasir tidak ada subsidi lada percuma.

Seorang Ahli: Takziah, takziah. *[Menyampuk]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Soalan tambahan.

Seorang Ahli: *[Menyampuk] [Dewan gamat seketika]*

Seorang Ahli: Takziahlah.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Pengkalan Pasir tidak ada subsidi ini, saya ingat tidak ada. Barangkali terlupa hendak beri subsidi untuk Pengkalan Pasir ini. Ya, soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa] [Dewan gamat seketika]* Soalan tambahannya ialah....

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Silakan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Ini lada, lada

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Mengaku tidak kalah?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: *[Ketawa]* Harga lada itu tahap di Malaysia sekarang ini tidak seimbang. Kadang-kadang harga lebih kurang RM1.00 satu kilo minimum dan maksimumnya pernah berlaku sampai dekat RM8.00 sekilo. *[Dewan gamat seketika]* Baik.

Tuan Richard Riot anak Jaem [Serian]: RM18.00 maksimum dahulu.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: RM18.00? Tetapi persoalan sekarang ini ialah, adakah kerajaan bercadang untuk menahan ataupun mengharamkan lada-lada yang diimport daripada negara luar, kerana saya difahamkan lada-lada yang diimport dari negara luar lebih murah daripada lada-lada yang dikeluarkan oleh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Demikian juga lada kering. Lada kering kalau ditengok *ratio* dia sekarang ini ialah 1:10. Kalau harga lada Malaysia dijadikan lada kering daripada harga biasa RM4.50 satu kilo ataupun RM6.00 satu kilo, ia sudah menjadi

mahal, pengeluaran lada Malaysia ini. Jadi saya harap..... [Disampuk] [Dewan gamat seketika] Ini lada ini.

Beberapa Ahli: [Membuat bising]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Ya. Rakyat Pengkalan Pasir sudah menunggu lada percuma daripada Kerajaan Malaysia. Sekarang dia basikal sahaja percuma, lada belum percuma lagi. [Ketawa] [Dewan gamat seketika]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Kita tidak ada rancangan untuk mengharamkan import sebab pada masa ini kita perhatikan masalah kekurangan di sesuatu tempat itu untuk lada kering itu ialah masalah *distribution* dengan izin, masalah pasaran. Saya harap perkara ini akan dipertingkatkan oleh jemaah pasaran lada hitam itu.

3. **Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan mengapa kementerian tidak menyegerakan mengkomersialkan biodiesel di pasaran tempatan dan antarabangsa di mana harga minyak sawit ialah RM1,300.00 - RM1,500.00 (setan) berbanding harga diesel import RM1,700.00 - RM2,000.00 (setan).

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sungguhpun MPOB telah berjaya menghasilkan teknologi penghasilan biodiesel sawit dan seterusnya berjaya dibangunkan biodiesel sawit sebagai pengganti diesel petroleum semenjak tahun 1996 lagi, akan tetapi usaha untuk mengkomersialkan biodiesel tidak dapat dilaksanakan pada masa itu disebabkan oleh faktor-faktor ekonomi. Sebagaimana termaklum harga minyak sawit adalah tertakluk kepada pasaran antarabangsa. Oleh itu harga biodiesel sawit juga adalah tertakluk kepada harga minyak sawit. Harga minyak sawit yang tinggi berbanding diesel kurang menarik minat pihak swasta untuk menghasilkannya. Berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat, mengapa tidak menyerahkan pengkomersialan biodiesel di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sungguhpun pada masa ini harga minyak sawit adalah lebih rendah daripada harga diesel petroleum sebagaimana contoh yang diberikan oleh Yang Berhormat dalam pertanyaan, untuk pasaran dalam negara, biodiesel masih belum berdaya saing atau *viable* kerana harga diesel petroleum masih lebih rendah berbanding biodiesel sawit kerana diesel petroleum dalam negara disokong oleh pengecualian cukai jualan dan juga subsidi harga. Berdasarkan harga minyak diesel bersubsidi pada RM1.28 sen seliter, harga minyak sawit hendaklah berada di dalam pada RM1,200 setan. Oleh itu, tidak ada insentif atau kelebihan ekonomi untuk menghasilkan biodiesel pada masa itu. Umpamanya, pada masa harga minyak petroleum mentah berharga USD32 setong bagi projek adunan 5% RBD palm olin

dengan petroleum diesel untuk berdaya saing atau *viable* dengan izin. Harga RBD palm olin mestilah pada harga kurang daripada RM884 setan, sedangkan di pasaran sekarang RBD palm olin adalah di sekitar RM1,500 kurang lebihlah dan ada satu ketika sampai RM2,000 setan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, berikutan senario harga petroleum mentah kebelakangan ini melonjak naik sampai USD70 setong dan rancangan kerajaan untuk mengurangkan subsidi untuk minyak petrol dan diesel telah merencanakan cadangan penggunaan biodiesel dan sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, baru ada banyak pihak swasta yang minat untuk menghasilkan biodiesel pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Biodiesel, *biofuel* di Eropah sudah jalan dua, tiga tahun dulu. Ketika minyak kelapa sawit USD450 ke USD600, Eropah telah mengemukakan biodiesel dengan menggunakan minyak sayur-sayuran yang kita tahu harga pasarannya lebih tinggi daripada minyak sawit. Mengapa MPOB, jangan kita jadi hero kampung. Yang kita hendakkan ini, minyak sawit kita akan buat biodiesel untuk eksport ke Eropah. Kalau cerita dekat kampung kita, memanglah tidak boleh naik harga dia. Hanya kita minta, sekarang ini peluang ini ada. Peluang ini ada. 'British Oil Company' sahaja daripada Britain, hari ini sudah menanam *Jatropha* di Madagascar, tanam di Mauritius, ribu-ribu ekar untuk mencari bahan untuk biodiesel.

Kita kelapa sawit ini kita hendak menentukan harga kelapa sawit yang dikeluarkan oleh orang kampung kita supaya harga dia stabil kita tidak hendak lagi turun kalau benda ini kita dapat tumpukan kepada bio diesel dan eksport ke Eropah, insya-Allah pekebun kecil kita daripada sekarang sehingga pada masa akan datang akan dapat harga yang stabil.

Tuan Yang di-Pertua: Ya baik Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Oleh demikian saya berharap, saya berharap MPOB, kementerian janganlah hendak jadi hero kampung kita kena tengok pasaran di Eropah sana supaya dengan harga bio diesel yang begitu tinggi di luar negara pekebun-pekebun kecil kita akan mendapat hasil dia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Beri ulasan Yang Berhormat.

Datuk Peter Chin Fah Kui [Miri]: Ya seperti ucapan dia. Yang Berhormat beginilah, bukan MPOB hendak jadi juara di kampung atau apa. Saya sudah jawab tadi masalah kita hendak menggalak pengusaha untuk buat bio diesel. Kalaulah pengusaha ini dia rasa lebih elok tidak payah dia buat susah-susah untuk dirikan kilang, dia hanya eksport *palm oil* itu dia sudah dapat pulangan yang lumayan sebab itulah dia tidak hendak buat bio diesel. Tetapi sekarang sebab minyak harga sudah minyak *fossil fuel* ini sudah naik barulah dia orang rasa ini sekarang adalah masa untuk menghasilkan bio diesel.

Keduanya Yang Berhormat kita pun ada masalah terima bio diesel yang dibuat *oil farm* dari sawit. Di Eropah Tuan Yang di-Pertua, bio diesel adalah dibuat daripada *rapeseed* atau *canola* dan pasaran di Eropah sekarang terima bio diesel yang dibuat daripada *canola* bukan daripada sawit. Sebab itulah kita ada bantahan atau ada satu halangan bagi kita untuk jual minyak sawit bio diesel daripada sawit.

Tuan Yang di-Pertua: Ada saingan, ada saingan ya.

Datuk Peter Chin Fah Kui [Miri]: Tetapi, tetapi, ya, dengan perbincangan dengan R&D yang lebih sekarang kita bolehlah memberikan satu keyakinan kepada pengguna di Eropah untuk terima bio diesel dari *palm oil*. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya menyokong penuh apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Jasin. Yang saya hairan ialah Malaysia dan Indonesia adalah pengeluar kelapa sawit yang terbesar di dunia dan di Indonesia pun saya difahamkan kebanyakan pengusaha-pengusaha adalah daripada negara Malaysia ini. Tetapi yang saya hairan ialah *humanity find, branding find* itu senang dibuat mengapa kementerian tidak mahu buat? Kalau kita menentukan kalau 50% atau 5% untuk B5 dalam bio diesel yang sekarang ada ini kita akan meningkatkan permintaan sebanyak 500,000 tan setahun. Ini akan deny dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Jasin di mana kestabilan harga untuk pekebun-pekebun kecil ini dapat dijamin di masa hadapan, satu.

Nombor dua ialah kemesraan alam sekitar. Saya berharap saya mahu tanya apakah rancangan ataupun usaha-usaha yang dinyatakan oleh kementerian ini, jangan cakap tentang bio diesel kita eksport di Eropah dan sebagainya. Dasar untuk memastikan bahawa branding find yang dijalankan di negara kita ini. Apakah perancangan daripada kementerian dalam hal ini?

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Menteri jawab.

Datuk Peter Chin Fah Kui [Miri]: Terima kasih. Cadangan itu memang kita sudah umumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Ogos yang lalu. B5 ini akan digunakan tetapi kita perlu pada masa sementara itu kita kena yakinkan pengguna sebab ini B5 walaupun dia 5% sahaja di kalangan pengguna ini dia takut sama ada enjin akan *lose power* atau kurang dia punya daya cepak tidak cepak atau akan ada masalah yang lain. Ini dalam fikiran orang awam so Tuan Yang di-Pertua kita kenalah tahun 2006 kita akan mengadakan satu cubaan di mana tiga kementerian termasuk DBKL untuk cuba secara sukarela supaya B5 ini akan digunakan. Apabila diterima oleh orang awam saya rasa di dalam tahun 2007 ini kita akan melaksanakan sepenuhnya untuk orang awam.

5. **Puan Chong Eng** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan kesan operasi membanteras perbuatan ragut di sekitar Lembah Klang yang telah diumumkan oleh Ketua Pengarah Siasatan Jenayah Bukit Aman pada Jun 2004. Nyatakan bandar-bandar atau kawasan yang mempunyai banyak kes ragut dan jelaskan punca sebabnya serta langkah untuk mengurangkannya. Apakah masalah yang dihadapi pihak polis dalam menjalankan tugas ini.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan nombor lima satu soalan daripada lima tetapi ada lima pertanyaan yang hendak dijawab.

Tuan Yang di-Pertua kesan daripada operasi membanteras jenayah ragut di sekitar Lembah Klang yang telah diumumkan oleh Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Polis Diraja Malaysia pada bulan Jun 2004 yang lalu menunjukkan penurunan iaitu dari 8,489 kes kepada 6,256 kes sebanyak 26.3% atau 2,233 kes turun jika kita bandingkan tempoh yang sama antara Januari hingga Ogos 2004 dan 2005. Daripada perangkaan tersebut negeri yang dilaporkan mempunyai kes tertinggi adalah Selangor sebanyak 1,388 kes, Kuala Lumpur sebanyak 1,211 kes dan Johor sebanyak 858 kes.

Ketiga-tiga negeri ini telah menyumbang 55.2% kes daripada jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan di seluruh negara. Di antara punca-punca yang dipercayai menjadi faktor utama kes ragut adalah pemakaian barang-barang kemas yang terlalu menonjol oleh golongan wanita, membawa beg tangan dengan cara yang memudahkan peragut mengambil kesempatan, berebut-rebut semasa menaiki bas atau berada di tempat sibuk dan sesak, menyimpan dompet di kocek bahagian belakang yang tidak berbutang.

Tuan Yang di-Pertua PDRM telah mengambil pendekatan yang lebih efektif bagi mencegah dan menangkap penjenayah ragut ini seperti berikut:-

- i. langkah-langkah am iaitu dengan mengadakan lebih banyak rondaan pencegahan jenayah ragut di kawasan-kawasan yang dikenal pasti kerap berlaku jenayah ragut;
- ii. mengatur pasukan-pasukan khas untuk melaksanakan serbuan di kawasan-kawasan yang dikenal pasti menjadi tempat di mana mereka yang melakukan ragut secara berkumpulan;
- iii. menambahkan rondaan MPV dan anggota bit di kawasan yang menjadi tempat-tempat orang ramai;
- iv. mempertingkatkan Kempen Kesedaran dan Publisiti kepada orang ramai dalam usaha mencegah kes ragut; dan
- v. bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan untuk menambahkan pemasangan papan tanda dan juga CCTV di kawasan yang sibuk dan kerap berlakunya jenayah ragut.

Langkah-langkah spesifik yang telah diambil oleh PDRM ialah melancarkan Op- panton sejak 19 Jun 2004 bagi menangani kes-kes ragut.

Di antara masalah-masalah yang dihadapi oleh PDRM di dalam menangani kes-kes ragut adalah seperti berikut:-

- i. kurangnya kesedaran orang ramai tentang bahaya kewujudan peragut;
- ii. jenayah ragut merupakan *crime of opportunity* di mana penjenayah hanya menunggu peluang dan kesempatan ke atas mangsa terutamanya wanita yang leka dan juga cuai semasa berjalan;
- iii. mangsa sukar mengecam identiti peragut secara langsung menyukarkan proses penyiasat polis.

Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masalah ragut ini telah menjadi semakin serius. Ia terus mengakibatkan kematian juga. Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri kita lihat kalau ada operasi, ada kesungguhan ia berhasil mengurangkan jenayah ragut ini. Tetapi saya rasa masih ini kesungguhan ataupun usaha ini masih belum sampai ke suatu tahap yang memuaskan di mana kita boleh wanita boleh berjalan di jalan raya dengan selamat.

Di dalam laporan *Royal Commission of Police* telah mencadangkan supaya mengadakan *community policing* iaitu mengadakan polis berjalan kaki ke atau meronda lebih kerap lagi. Saya rasa ini adalah satu cara yang berkesan. Adakah kita bekerja ke arah cadangan ini supaya kita betul-betul menjadikan negara kita di tempat awam suatu tempat yang selamat untuk wanita.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih pandangan yang diberi oleh Yang Berhormat. Kita tidak dinafikan kes ragut memang sukar kita hendak sangka sebab dia seperti yang saya nyatakan tadi ialah *crime of opportunity* kita tidak sangka. Kalau kita letak, memang kita letak polis tetapi orang tidak nampak, kita letak polis pakaian biasa yang ramainya. Kalau kita letak pakaian polis pakaian yang *uniform* pun kita letak juga tetapi banyak kes-kes yang kita tangkap ialah apabila kes-kes di mana polis berpakaian biasa ini yang dapat kita menangkap kes-kes ragut. Sebab itu kalau kita lihat tadi penurunannya telah pun ada sebanyak 2,233 penurunan. maka

Mengenai kematian memang tidak dinafikan tahun lepas ada 6 orang yang meninggal tahun 2004, seorang orang awam. Tahun ini tidak ada yang meninggal mengenai kes ragut juga cedera tahun lepas ada 450 orang yang cedera akibat kes ragut tetapi tahun ini kita dapat kurangkan kepada 204 orang sahaja.

Walau bagaimanapun kes jenayah ini tidak termasuk kes ragut ianya memang sukar kalau kita hendak banteras kalau kita tidak mendapat kerjasama dan kesedaran daripada orang ramai. Kempen-kempen kesedaran kita buat dan juga dengan adanya CCTV sebagai contoh boleh memberikan kesan di mana kita dapat mengesan peragut ini dengan lebih berkesan lagi. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat ada lagi, ada lagi. Baiklah Tebrau.

Tuan Teng Boon Soon [Terbrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri saya rasa kadang-kadang bilangan kes itu turun atau naik bilangan kes jenayah itu tidak semestinya menunjukkan, menggambarkan berapa seriusnya sesuatu kegiatan jenayah itu khususnya dalam jenayah ragut. Sungguhpun kes-kes yang dilaporkan itu menurun tetapi di Johor Bahru contohnya penduduk-penduduk tempatan sudah merasai kebimbangan tentang kes ragut yang bermaharajalela di kawasan bandar sehingga khususnya kaum wanita sudah takut hendak keluar berseorangan ke pasar ataupun membeli belah.

Soalan saya adakah polis pernah menyiasat mengasaskan kemungkinan terwujudnya sindiket ragut. Yang kedua apakah hukuman yang sedia ada tidak mencukupi mempunyai kesan *deterrence* dengan izin jadi untuk menghalang jenayah ragut. Minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tebrau. Memang kita tidak nafikan bahawa angka yang saya nyatakan tadi bahawa penurunan kes ragut ini dapat kita kurangkan. Namun demikian kes ragut masih lagi wujud seperti di Johor. Di Johor pada tahun 2004 ada 1,024 kes tetapi pada tahun ini kita dapat kurangkan 858 kes bermakna turun sebanyak 166 kes. Namun demikian bermakna di Johor masih lagi berlaku kes ragut sebanyak 858 kes tidak berat mana kes ragut tidak berlaku.

Mengenai hukuman kita sedia maklum di dalam kanun keseksaan memang tidak ada kesalahan ragut ini sebab itu saya difahamkan beberapa cadangan telah pun dikemukakan kepada jawatankuasa untuk meminda Undang-undang Kanun Keseksaan ini supaya masukkan kesalahan kes ragut.

Untuk masa ini kita mengarahkan pihak polis untuk mengambil tindakan di bawah Seksyen 392 ataupun 394 Kanun Keseksaan di mana ini kalau dapati bersalah hukuman yang lebih berat kita boleh kenakan kepada kes-kes peragut. Tangkapan yang kita buat kepada peragut juga kalau kita lihat ramai iaitu pada tahun 2004 ada 2,016 tangkapan kita buat dan pada tahun ini ada 1,264. Mengenai sindiket ini kalau kita dapati ada terbukti bahawa ada sindiket ragut maka kita akan gunakan undang-undang Akta Darurat 1969 di mana memang ramai pun kalau yang saya ingat yang setahun ini sahaja tak kurang daripada 20 kes yang kita tahan kerana didapati terlibat dalam sedikit ragut ini, kita tahan mereka tanpa bicara dan mereka ditahan dua tahun di Simpang Renggam. Terima kasih.

6. **Tan Ahmad Shabery bin Chek [Kemaman]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan berapakah jumlah profesor di negara ini. Apakah bentuk piawaian yang dipakai dalam menganugerahkan jawatan tersebut dan apakah Kementerian bercadang mengkategorikan mereka menurut tahap-tahap tertentu.

Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia jumlah profesor di negara ini sehingga Oktober 2005, ialah seramai 1,423 orang ataupun tujuh peratus. Jawatan profesor adalah jawatan yang pelantikannya dibuat berdasarkan kelayakan dan bukan bagi maksud mengisi kekosongan jawatan.

Profesor adalah sarjana yang ilmu dan pengetahuannya mempunyai sifat yang istimewa mutunya. Beliau adalah pemimpin dalam satu disiplin ilmu dan penganugerahannya adalah berdasarkan merit akademik semata-mata. Pelantikan profesor dibuat berdasarkan penilaian yang dibuat oleh profesor-profesor kanan yang berwibawa dalam sesuatu bidang ilmu.

Penilaian ini adalah berdasarkan kriteria seperti mutu dan keistimewaan penulisan dan penerbitan calon tersebut, komitmennya terhadap aktiviti pengajaran, pencapaian calon tersebut dalam bidang penyelidikan, terutamanya dalam penerokaan ilmu-ilmu baru dan penghormatan melalui jemputan, pembentangan penemuan dan kajian mereka di peringkat antarabangsa. Keterlibatan dalam aktiviti akademik seperti menyunting artikel dalam jurnal impak tinggi, sumbangan kepada masyarakat, sanjungan negara serta pengiktirafan oleh masyarakat akademik.

Pelantikan profesor juga selalunya dilakukan setelah penilai-penilai dari dalam dan luar negara yang dilantik untuk membuat penilaian terhadap calon tersebut yang berpuas hati bahawa calon tersebut adalah *authority* dengan izin, dalam disiplin ilmunya. Kementerian tidak berhasrat untuk mewujudkan apa jua kategori kerana seseorang penyandang jawatan profesor adalah seorang yang berilmu dan disiplinnya dalam masyarakat berilmu sesuatu hierarki itu tidak wujud. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kemaman.

Tuan Ahmad Shahbery Cheek [Kemaman]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Satu persoalan yang selalu dipersoalkan ialah tentang integriti seseorang profesor itu yang dikaitkan dengan soal dengan izin, prinsip *good governance* bagi sesebuah universiti dan salah satu daripada prinsip penting dalam apa yang disebutkan *good governance* dalam universiti tersebut ialah prinsip transparensi ataupun ketelusan. Pelantikan profesor ini selalu menjadi kontroversi sekiranya transparensi ataupun ketelusan itu tidak ada.

Ketelusan yang pentingnya ialah apabila seorang itu dilantik menjadi seorang profesor ia mesti memaparkan tentang kebolehan-kebolehan dia, tentang kepakaran dia dalam bidang yang disebutkan itu melalui senarai penerbitan yang telah dicapainya. Jadi, saya nak tanya, apakah cara kerajaan sekarang ini untuk menjamin konsep transparensi ataupun ketelusan ini benar-

benar dapat dilihat oleh semua orang kerana soal akademik ini terlalu dekat di hati kita kerana ini masa depan anak kita dan masa depan negara. Keduaanya, bagaimana dengan adanya universiti-universiti swasta sekarang ini, apakah mereka juga akhirnya akan melahirkan profesor mereka dan apakah bentuk pengawalan yang kerajaan akan lakukan supaya profesor bukanlah satu perkara yang mudah dan murah diberikan kepada seseorang. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai integriti dan juga *good governance* merupakan pemusatan saya pada ketika ini. Kalau dilihat carta untuk memilih seseorang profesor misalnya bahawa seseorang itu jika difikirkan dirinya layak, dia akan membuat permohonan apabila diiklankan kepada dekan. Dekan fakulti berkenaan akan mendapat permohonan itu dan selepas itu akan disemak oleh fakulti yang mengadakan mesyuarat jawatankuasa kepakaran (*professional committee*) atau profesor yang menganggotai jawatankuasa-jawatankuasa itu. Jika dia berjaya, dia akan dipanggil temu duga dan referee ataupun tindak balas/makluman balas hendaklah diperolehi satu daripada profesor tempatan dan dua profesor daripada luar negara.

Tetapi, kalau kita lihat USM misalannya ia mengehendaki tiga-tiga penilai itu datangnya profesor daripada luar negara dan selepas itu barulah dia ditemu duga dan terima laporan daripada pengadil ataupun *reference* daripada luar negara itu apabila lengkap dan apabila dia menunjukkan kebolehan yang telah dinilai oleh profesor-profesor negara barulah dia diterima dan disahkan oleh Lembaga Pengurusan Universiti (LPU).

Jadi, dengan cara itu saya rasakan carta ini telah pun kita buat dan kita pameran dan kita harapkan integriti boleh di atasi. Keduaanya, mengenai IPTS yang menganugerahkan profesor-profesor sama ada kualiti mereka itu setanding, saya berharap bahawa satu kertas pada minggu ini akan dibentangkan kepada Kabinet mengenai MQF dengan izin, Malaysian *Qualification Frame Work*. Apabila Malaysian *Qualification Frame Work* ini setara di antara IPTA dan IPTS barulah kita dapat melihat perkara-perkara ini dapat kita selesaikan. *Qualification Frame Work* ini telah pun diadakan di negeri Eropah, European *Union*, di Amerika, New Zealand, Australia dan walau pun kita menjadi salah seorang daripada jawatankuasa di peringkat UNESCO jadi, MQF ini Insya-Allah pada minggu akan datang akan datang kita akan bentangkan di Kabinet dan kalau diluluskan kita akan dapat sedikit demi sedikit menyetarakan taraf keprofesionalannya daripada IPTA dan IPTS ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Tuan Yang di-Pertua, amalannya ialah selepas seseorang itu mendapat profesor tradisi mengehendaki beliau menyampaikan syarahan perdana sebagai syarahan pengukuhan dan ini penting kerana satunya untuk kenaikan pangkat ke Gred Khas C, D, A hingga ke A. Yang keduaanya, apabila bersara mereka memohon menjadi profesor kontrak dan ini dijadikan pertimbangan sama ada beliau sudah menyampaikan syarahan perdana ataupun tidak sebagai syarahan pengukuhan.

Jadi, Yang Berhormat Menteri, kita dapati bahawa amalan ini tidak selaras, tidak konsisten. Ada universiti yang ketat dari segi peraturannya seperti UKM sesiapa yang hendak menjadi profesor kontrak mestilah sudah menyampaikan syarahan pengukuhan, syarahan perdananya. Tetapi ada universiti lain yang tidak mengenakan syarat seperti ini. Jadi, adakah sudah mendapat perhatian Yang Berhormat Menteri dan kementerian dalam hal ketidakselarasan dari segi tradisi ataupun dikehendaki menyampaikan syarahan perdana sebagai syarahan pengukuhan seseorang jawatan profesor.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasakan perkara ini penting. Saya, sebagai Menteri Pengajian Tinggi pun, sudah pun memberikan syarahan perdana saya sebagai Menteri Pengajian Tinggi yang telah ditonton oleh semua *vice-chancellor*, profesor dan sebagainya dan ada soal jawab tentang perkara ini. Ini kita akan menjadikan ia sebagai satu pengukur (*benchmarking*) supaya apabila seseorang itu telah menerima profesor dia kenalah buat syarahan perdana untuk memperkukuhkan keprofesionalannya dan perkara ini saya akan bawa ke peringkat mesyuarat *vice-chancellor* supaya ini akan dapat dilakukan. Terima kasih atas pandangan ini.

[Soalan No. 7 – Y.B. Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) tidak hadir]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Alhamdulillah. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sebelum saya menyoal soalan, kerana kita akan bersurai pada hari ini, Insya-Allah, saya mohon ampun maaf selama kita bersidang, sekiranya ada terkasar bahasa kepada Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Tuan Yang di-Pertua serta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian juga kepada pihak pembangkang. Saya mengalu-alukan MCA daripada Bangsar yang ada bersama dengan kita pada pagi ini. *[Tepuk]*

8. **Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah rasionalnya dengan melantik Syarikat Pantai Supreme System Sdn. Bhd. memonopoli untuk membuat pemeriksaan kesihatan bagi pemandu-pemandu untuk memperbaharui lesen memandu GDL dan PSV dan mengenakan bayaran sebanyak RM85.00. Apakah klinik yang telah diiktiraf oleh MMA tidak boleh dipercayai menjalankan pemeriksaan yang sedia dijalankan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai yang telah mengemukakan soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan telah mengesan kes-kes laporan pemeriksaan kesihatan palsu yang dikemukakan oleh pemegang lesen vokasional semasa mereka memohon membaharui lesen .

Laporan pemeriksaan kesihatan tersebut di dapati palsu di mana butir-butir pemeriksaan dan pengesahan pemeriksaan tidak dibuat oleh doktor dan tanpa melalui

pemeriksaan yang sah. Bagi memastikan laporan pemeriksaan kesihatan yang sah dikemukakan oleh pemegang vokasional, kerajaan telah mengambil model FOMEMA bagi melaksanakan sistem pemeriksaan kesihatan pemegang lesen vokasional yang dikenali dengan sistem JPJ e-kesihatan. Melalui model ini kerajaan telah melantik syarikat Pantai *Supremme* Sdn. Bhd. untuk melaksanakan cadangan sistem JPJ e-kesihatan iaitu menyediakan saluran rangkaian perkhidmatan secara elektronik di mana semua laporan pemeriksaan kesihatan yang disediakan oleh klinik-klinik dihantar secara *on line*. Dengan cara ini laporan pemeriksaan kesihatan secara manual tidak perlu lagi dibawa oleh pemandu berkenaan kerana rekod pemeriksaan telah dihantar terus oleh klinik berkenaan secara elektronik ke pangkalan data JPJ.

Sehubungan dengan itu isu pengiktirafan klinik tidak boleh dipercayai yang dibangkitkan oleh MMA tidak timbul lagi kerana kerajaan telah mensyaratkan Pantai *Supremme System* Sdn. Bhd. mempelawa klinik-klinik yang memenuhi kriteria iaitu mempunyai kemudahan makmal ujian kesihatan untuk menjadi panel. Pantai *Supremme System* Sdn. Bhd. telah mengiklankan di dalam akhbar-akhbar tempatan untuk menjemput klinik-klinik yang berminat menyertai program JPJ e-Kesihatan. Bayaran yang dikenakan ke atas pemegang lesen vokasional ialah RM85 iaitu kos bagi pemeriksaan perubatan, ujian makmal dan pengurusan. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua ini adalah satu lagi konsep monopoli yang mungkin sekarang ini tidak digemari oleh rakyat Malaysia FOMEMA pun monopoli, yang ini pula monopoli. Kita faham syarikat ini Pantai *Supremme System* Sdn. Bhd. ini adalah anak syarikat Pantai Hospital dan hari ini Pantai itu telah dimiliki oleh rakyat Singapura. Jadi, kita bagi kuasa kepada syarikat Singapura untuk menjalankan sistem pemeriksaan kepada mereka-mereka yang ingin memiliki DGL dan PSV. Okeylah kalau kita hendak *update*kan cara sistem dan mengelakkan penipuan, apa salahnya kita bagi kepada dua, tiga syarikat, pecahkan supaya syarikat-syarikat lain mendapat nikmat. Saya difahamkan perjanjian belum lagi ditandatangani. Jadi, saya memohon jasa baik Yang Berhormat Timbalan Menteri dan kerajaan untuk mengkaji balik dan kalau kita periksa semasa dulu Tuan Yang di-Pertua, biasanya hanya RM40. Ini, dia naik sampai RM85, mungkin kita kata naik RM40. Tapi, bagi pemandu teksi, pemandu kereta-kereta van-van ini, RM40 duit bagi depa. Jadi, mintaklah pihak kementerian supaya mengkaji balik dan berhentilah sistem monopoli sesuatu kepada seseorang. Kita jangan bagi seorang kaya, kita bagi ramai kaya.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setakat hari ini hanya satu syarikat sahaja yang telah mengemukakan cadangan untuk meringankan sedikit beban terhadap JPJ untuk menjalankan tugas memastikan bahawasanya segala pemeriksaan ini dan laporan yang dibuat dengan secara

yang betul, secara yang tidak ada penipuan. Tetapi saya akan mengambil maklum saranan Yang Berhormat itu, walaupun apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat tadi bahawasanya sesuatu perjanjian itu belum lagi diputuskan dan pihak JPJ masih lagi mengkaji berbagai-bagai aspek dalam perbincangannya dengan pihak *Supremme*, tetapi saya akan mengambil maklum saranan Yang Berhormat ini dan saya akan kemukakan kepada pihak kementerian dan juga pihak JPJ.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Gombak.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya kalau kita ingin melakukan pemeriksaan yang komprehensif, yang baik dan sempurna untuk menentukan sama ada seseorang itu benar-benar boleh memandu, saya rasa kosnya tentulah lebih daripada RM85 kerana kalau hanya pemeriksaan fizikal di luar dan pemeriksaan asas seperti *urine* dan sebagainya sudah tentunya tidak boleh menentukan bahawa seseorang pemandu itu benar-benar sihat untuk memandu. Mengapa tidak pemeriksaan pemandu-pemandu ini untuk memperbaharui lesen diberikan atau diserahkan kepada doktor-doktor kerajaan kerana saya rasa dengan cara inilah kita dapat menentukan sebenarnya bahawa pemandu-pemandu itu benar-benar sihat, kerana pada saya dengan bayaran sebanyak RM40 ataupun RM85 pemeriksaannya begitu asas dan tidak boleh menentukan tahap seseorang pemandu itu benar-benar sihat ataupun boleh memandu dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat dari Gombak, itu sebab saya perkatakan tadi masih lagi perkara-perkara seumpama ini dikaji dan diselidik iaitu dari segi kosnya, tetapi apabila kita menengok selama ini pun dia ada sedikit memberi bebanan dalam segi kos kepada pihak-pihak yang telah kemukakan atau disarankan oleh Yang Berhormat tadi. Itu sebab kerajaan memikirkan kemungkinan untuk mengurangkan kos atau bebanan kepada pihak JPJ dan juga klinik-klinik yang terlibat, kita akan mencari jalan untuk memastikan dari segi pemeriksaan terhadap pemegang-pemegang lesen vokasional ini akan dijalankan dan juga kos yang munasabah. Kita akan memaklumkan semula dalam masa yang terdekat ini dari segi keputusan kerajaan untuk menggunakan cara yang telah dikemukakan oleh pihak *supreme*.

9. **Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kerajaan akan memastikan setiap GLC selain berorientasikan keuntungan, juga mempunyai tanggungjawab sosial terhadap nilai budaya dan Dasar Bahasa Kebangsaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri. Dr. Hilmi bin Yahaya]:

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjaga kepentingan dan pulangan pelaburan kerajaan sentiasa

menggalakkan dan memastikan syarikat-syarikat di bawah GLC memperoleh keuntungan dalam urusan perniagaan dan operasi masing-masing. Walau bagaimanapun dalam pada itu nilai budaya timur sentiasa digalakkan terutamanya bagi urusan dalam negeri supaya melaksanakan tanggungjawab sosial korporat-korporat ataupun *corporate social responsibility* dan penggunaan Bahasa Melayu sejauh mana yang boleh. Dalam urusan luar negeri pula untuk meningkatkan tahap persaingan dan kecekapan syarikat, budaya *best practice* dalam urusan perniagaan universal turut diamalkan Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soal urusan niaga ke luar negara itu, saya faham dan kita setuju gunakan bahasa-bahasa lain terutama bahasa Inggeris, kalau Jepun bahasa Jepun, kalau Cina bahasa Cina, bagus. Itu kaedah bagaimana kita hendak mencari keuntungan tetapi apabila kita bercerita tentang dalam negara. Cerita tanggungjawab kepada nilai-nilai budaya, tanggungjawab memartabatkan Bahasa Kebangsaan di negara ini.

Saya lihat Tuan Yang di-Pertua dan semua orang lihat seperti cerita “Indah khabar dari rupa”, “Indah khabar dari rupa” tidak boleh dinafikan. Tidak ada rasa kesungguhan, tidak ada rasa kepunyaan, tidak ada rasa bangga dan ini ada keraguan kepada kerajaan, GLCkah, agensi kerajaankah, ada keraguan kepada kerajaan, sebagai contoh bersungguh-sungguh untuk memartabatkan Bahasa Kebangsaan di negara ini. Walaupun kita laungkan Bahasa Kebangsaan bahasa macam-macam “Indah khabar dari rupa”.

Hari ini di GLC, surat-menyurat, papan tanda, bahasa dalam mesyuarat, dalam negara, *billboard*, *backdrop*, semuanya bahasa Inggeris, seratus peratus orang Malaysia yang hadir. Saya ambil contoh di INTAN sendiri, itu sebab kerajaan tidak boleh lari dari tanggungjawab dan kalau ada orang mengatakan bahawa kerajaan bersama-sama dalam saham menghina Bahasa Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, ini perkara penting dalam Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kerajaan tidak boleh lari nanti akan dikatakan sebahagian daripada menghina bahasa ini. Semalam apabila Sabah BBC bagi jamuan, dijemput beberapa pelajar, profesor daripada universiti Beijing, saya bangga Tuan Yang di-Pertua. Dia gunakan bahasa Melayu, dari negeri China, di universiti Beijing - bahasa Melayu dan dalam syarahannya dia kata dia rasa bangga dapat belajar dan menggunakan bahasa Melayu, bahasa Melayu yang indah, cantik, bersih...

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Gerik, kalau Gerik dia boleh mengulang balik.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, sila ringkaskan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yalah, itulah Tuan Yang di-Pertua dan Setiausaha Parlimen jangan hendak “Menutup bangkai dengan sehelai daun lalang.”

Tuan Yang di-Pertua: Simpulkan dengan satu soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini contohlah, ya...akui dan kerajaan kena bertanggungjawab untuk memartabatkan ini buat arahan, semua orang daripada Selatan sampai ke Utara. Kita tengok sekarang ini papan-papan tanda atau *billboard* ini, semua dalam bahasa Inggeris, apa yang dibeli barang-barang yang diiklankan itu apa? Orang London, orang Amerika, orang German? Tidak, orang Malaysia. Kenapa mesti seratus peratus menggunakan bahasa Inggeris, no siapa hendak tahan ini Tuan Yang di-Pertua? Kalau saya tidak bercakap di Parlimen dan minta maaf Tuan Yang di-Pertua, Parlimen sahajalah yang memerlukan Bahasa Kebangsaan, Tuan Yang di-Pertua jadi kepala, sebab itulah gunakan bahasa apa pun dengan izin, ooh! *[Dewan menjadi riuh seketika]*

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat, baik sekarang... Setiausaha Parlimen boleh jawab...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Parlimen sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua control ini, saya puji-puji ini kalau tidak Tuan Yang di-Pertua bersungguh-sungguh pun aah! Dekat sini bahasa Hindustan, bahasa Tamil, bahasa Cina, bahasa Inggeris boleh digunakan tetapi dengan izin Tuan Yang di-Pertua baru kita boleh gunakan. Tuan Yang di-Pertua, hebat, tahniah.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik Setiausaha Parlimen jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini Setiausaha Parlimen akan jawab, akan jawab semua Tuan Yang di-Pertua, “temberang” punya jawapan untuk melindungi ...

Seorang Ahli: Temberang!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: “Temberang” ...kerana hendak menyedapkan sahaja tetapi jangan ditipu rakyat Malaysia...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, kena tahu...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Penghinaan sedang berjalan kepada Bahasa Kebangsaan dan kalau di Parlimen ini Tuan Yang di-Pertua, kita tidak bersungguh-sungguh hendak memartabatkan siapa lagi..ooh! Siapa lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Ya baik, Menteri jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Baik-baik sedikit Setiausaha Parlimen, baik-baik jawab, kalau tidak tahu, jawab tidak tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia akan jawab.

Dato' Seri. Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih, ahli dari Sri Gading. Memang pandangan Yang Berhormat Sri Gading saya kira tidak boleh dinafikan sebenarnya kerana saya sendiri pun bila menghadiri mesyuarat-mesyuarat memang berlaku campuran bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia memang berlaku. Memang mungkin menjadi kebiasaan kepada pegawai-pegawai kita bila *conduct meeting* atau bila mengendalikan mesyuarat memang begitulah caranya mungkin kadang-kadang dia hendak *express* dan menceritakan tentang pandangan beliau dalam bahasa kadang-kadang teknikal. Maka mereka bercakap dalam bahasa Inggeris dan ini berlaku. Memang arahan sudah ada tetapi setakat ini Tuan Yang di-Pertua, semua surat-menyurat dalam mana-mana kerajaan atau dalam mana-mana jabatan memang dalam bahasa Malaysia, surat-menyurat dalam bahasa lain tidak diterima sebenarnya dan setakat ini saya tidak boleh bercakap lebih daripada itu kerana ini soal dasar kerajaan memang sudah pun ada dasar tetapi masih lagi tidak mengikutinya sepenuhnya. Jadi saya tidak nafikan saya akui kelemahan dalam segi pelaksanaan bahasa Malaysia di seluruh negara sebenarnya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Tumpat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sealiran dengan Yang Berhormat Sri Gading dalam hal ini dan bersetuju sangat di atas cadangan dan pandangan Yang Berhormat Sri Gading tersebut. Syarikat-syarikat GLC ini Tuan Yang di-Pertua, kalau mereka menggunakan hasil daripada penggunaan bahasa Inggeris itu membawa keuntungan yang besar, itu tidak apalah tetapi dalam kes-kes yang jelas seperti Bank Islam yang rugi RM700 juta, MAS hampir RM1 bilion, PROTON dan juga berbilion-bilion ringgit rugi. Parti PAS sekurang-kurangnya kalah hanya 134 undi sahaja. [*Dewan menjadi riuh seketika dengan ketawa*] Tidaklah sampai berbilion-bilion kalahnya.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bersetuju kita mengenakan kepada GLC-GLC ini suatu arahan supaya mereka menyumbang daripada hasil pendapatan mereka misalnya 5 peratus kepada projek-projek dan program-program untuk membangunkan sosiobudaya, untuk membangunkan nilai budaya untuk mempertahankan nilai-nilai dan dasar-dasar kebudayaan negara kita. Sekian terima kasih.

Dato' Seri. Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat berita-berita dalam surat khabar-surat khabar ataupun dalam TV dan sebagainya, memang GLC bergerak cergas dalam bidang-bidang sosial ini mereka memang bagi bantuan sokongan dalam berbagai-bagai cara sama ada kewangan ataupun material dan sebagainya, tetapi semua tidak ada cara formal mereka ada tabung dan sebagainya, di mana mereka hendak *contribute* tidak ada, tetapi masing-masing syarikat ada yang memberi *contribution*. Termasuk juga memberi zakat dan sebagainya, memang berlaku Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekian sahaja sesi jawapan lisan kita pada pagi ini, ada satu pengumuman atau kenyataan daripada Menteri.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi jawab Lisan telah tamat]

USUL

**MENANGGUHKAN BACAAN KALI KEDUA DAN KETIGA RANG
UNDANG-UNDANG DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 62**

- (i) Rang Undang-Undang Makanan (Pindaan) 2005**
- (ii) Rang Undang-Undang Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 2005**

11.14 pagi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, Rang Undang-undang Makanan (Pindaan) 2005 dan Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 2005 yang dijadualkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini sebagai nombor tiga dan nombor empat ditangguhkan bacaan kali yang kedua dan yang ketiga dan dibawa ke mesyuarat yang akan datang.”

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN 2005

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” **[7 Disember 2005]**

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Peraturan Mesyuarat, Peraturan Mesyuarat dahulu Tuan Yang di-Pertua. Kita ada Peraturan Mesyuarat 22 mengenai pertanyaan-pertanyaan. Hari ini adalah hari terakhir dan kita mula bersidang pada 19 September di mana kita ada diminta untuk kemukakan soalan-soalan tarikh *date line* ialah 26 Ogos iaitu 3 bulan setengah dan bukan sahaja ada soalan lisan, tetapi pun bukan bentuk bertulis ialah di bawah Peraturan Mesyuarat 22 Perenggan 4 bahawa, “Seseorang ahli bolehlah bertanya tidak lebih daripada lima pertanyaan bagi jawapan bertulis” dan sampai hari ini yang terakhir, saya belum dapat jawapan kepada semua soalan bertulis yang saya ada kemukakan.

Saya percaya ini Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Parlimen pun bukan semua soalan-soalan yang untuk jawapan bertulis didapati sungguhpun seluruh 275 soalan-soalan untuk jawapan bertulis ada dikemukakan. Tentulah tujuan untuk jawapan diberi dalam sidang ini. Ini sudah empat bulan belum dapat jawapan. Saya rasa ini tidak cekap. Sebenarnya sebelum hari yang terakhir satu mesyuarat, semua jawapan untuk soalan-soalan bukan untuk jawapan bertulis patut diedarkan kepada semua Ahli Parlimen, bukan sahaja kepada Ahli Parlimen yang bertanya tetapi kepada semua Ahli Parlimen oleh kerana ini adalah untuk Parlimen. Bukan untuk Ahli Parlimen yang bertanya sahaja. Saya harap bahawa perkara ini Tuan Yang di-Pertua boleh dibuat satu arahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bersetuju bahawa jawapan kepada soalan-soalan yang berkehendakkan bertulis dapat disegerakan sejauh mana yang boleh. Seboleh-bolehnya dalam sesi itu juga kecuali ada sebab-sebab yang munasabah yang lain dan begitu juga saya akan kena semak ini tapi saya rasa jawapan-jawapan itu juga kalau dapat diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Tertakluk kepada penyemakan saya mengenai perkara ini teratur ataupun tidak. Sekarang saya minta Yang Berhormat bagi Kepong untuk menyambung berucap. Saya bagi lima minit lagi ya sebab sudah dekat satu setengah jam. Bagi peluang kepada orang lain pula.

11.17 pagi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ramai orang yang tidak begitu bersedia untuk perbahasan. Ada Rang Undang-undang Kewangan pinda empat akta dengan hebat, para Yang Berhormat sibuk di luar Dewan tunggu keesokan hari untuk berdebat.

[Disampuk] Tuan Yang di-Pertua,

Dewan memasang hawa dingin

Semua dapat debat dengan bijak

Menteri Parlimen naik angin

Larut lompat ikut jejak.

Seorang Ahli: Ha, Larut!

*[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, ibarat burung dari Jerai, mulut manis jangan dipakai.
[Ketawa] Tan Sri Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tan Sri sudah keluar, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya semalam membahaskan mengenai memperluaskan skop galakan dan potongan cukai untuk institusi pengajian tinggi swasta dan juga IPTA dan langkah ini adalah ke arah yang betul. Saya mencadangkan supaya

pihak kementerian mengadakan pemantauan yang ketat dan memberi satu laporan bagi memberitahu kita di dalam Dewan ini kesan potongan cukai tersebut dengan mengadakan laporan untuk bilangan pelajar termasuk yang kurang upaya yang berada di IPTA, di IPTS dan di seberang laut yang mendapat manfaat daripada pelepasan-pelepasan cukai tersebut. Satu laporan perlu ada kerana ini langkah yang betul, kita hendak tahu kesannya.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi di dalam rang undang-undang ini yang hendak kita sentuh termasuk galakan bagi skim latihan siswazah menganggur dan kajian semula cukai ke atas *beer* dan minuman keras, cukai ke atas rokok, insentif tambahan untuk menggalakkan penggunaan gas asli bagi kenderaan dan sebagainya. Yang penting sekali, Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian hendak meningkatkan *competency* ejen cukai. Ini memang satu langkah yang kita galakan.

Jadi untuk ini, cadangan seseorang yang ingin mengendalikan urusan percukaian dikehendaki mendapatkan lesen ejen cukai. Ini memang satu cara untuk mengenal pasti dan juga memantau *competency* ejen-ejen cukai ini. Saya memang hendak pihak kementerian memperketatkan garis panduan untuk memberi lesen kepada juruaudit. Garis panduan ini mestilah disemak dari masa ke semasa sebab kita mahu semua agen cukai di negara ini mempunyai *competency* yang tinggi. Itu yang diharapkan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini yang akhir sekali kerana ada lima minit sahaja. Pihak kementerian ini menghendaki bilangan saintis tempatan yang bertambah dan dicadangkan elaun cukai pelaburan 100% atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 10 tahun dengan jumlah elaun yang dikurangkan bagi satu tahun tafsiran dihadkan kepada 70% daripada pendapatan *statutory* diperluaskan.

Tuan Yang di-Pertua, yang terlibat ini IPTS dan juga kursus-kursus yang tertentu termasuk bioteknologi, sains perubatan dan kesihatan, biologi, molekular, sains dan teknologi bahan dan juga sains dan teknologi makanan. Kita difahamkan bahawa semua kursus dan bidang ini memerlukan bukan sahaja kewangan yang banyak bahkan juga bilangan saintis, bilangan pakar yang banyak dan setakat ini walaupun kita ada insentif seumpama ini, kita masih mempunyai dan menghadapi kesusahan untuk menarik pihak pakar-pakar ini, saintis dan penyelidik-penyelidik untuk kembali ke Malaysia dan untuk tetap ada di Malaysia kerana insentif di negara-negara lain adalah dari masa ke semasa kita nampak insentif mereka lebih menarik. Ini memang satu....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:fenomenon yang didapati di seluruh dunia di mana ada negara yang mempunyai kelebihan untuk insentif untuk penarikan pakar ini memang mereka lebih maju. Saya berharaplah dengan adanya langkah-langkah sedemikian termasuk cadangan cukai dan pelepasan dan potongan cukai ini, kita dapat menarik lebih ramai para pakar daripada luar dan untuk mengekalkan pakar kita di dalam negara kita. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada dua lagi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga mahu berucap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tidak bangun saya tidak tahulah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Selepas ini!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah. Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

11.23 pagi.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk melibatkan diri bersama di dalam perbahasan berkaitan dengan Rang Undang-undang Kementerian Kewangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan apa yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan semalam adalah mempunyai impak yang besar kepada sistem ataupun pendapatan negara,

saya yakin perkara-perkara yang dilakukan di peringkat pelaksana di dalam dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh kerajaan ini perlulah diberikan perhatian dengan lebih terperinci. Umpamanya saya pernah menyebut di dalam Dewan yang mulia ini tentang bagaimana mereka yang berminat untuk melarikan diri daripada undang-undang ataupun peraturan-peraturan yang dikenakan oleh kerajaan ini dapat bercerita secara terang-terang bagaimanakah cara untuk melarikan diri daripada cukai pendapatan yang dikenakan oleh pihak kerajaan dan kegiatan ini sebenarnya dikongsi bersama oleh kumpulan-kumpulan ini di dalam bentuk sindiket di mana sesetengahnya menggunakan kelas-kelas secara rasmi untuk mengajar pihak-pihak ini bagaimana mereka boleh lari daripada cukai yang dikenakan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu perkara yang saya kira amat serius dan perlu diambil tindakan tegas oleh pihak kerajaan. Yang pentingnya pihak-pihak yang ingin lari daripada dicukai oleh pihak kerajaan ini membayar pula kelas-kelas yang mereka terima bagaimana mereka boleh lari daripada cukai yang dikenakan oleh pihak kerajaan.

Oleh kerana itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin melihat supaya pihak Kementerian Kewangan meletakkan diri mereka sama taraf dengan pengutip-pengutip cukai di negara-negara lain. Tidak kira cukai ini dikutip oleh ejen ataupun pihak kerajaan sendiri tetapi yang pentingnya adalah transparansi kepada sistem kutipan cukai tadi yang tidak meletakkan kejujuran sebagai perkara utama. Kita percaya sistem yang canggih dan sofistikated ini boleh sedikit sebanyak membentuk sikap pegawai-pegawai ataupun pelaksana-pelaksana kepada dasar kerajaan ini.

Saya telah mencelah di dalam perbahasan ucapan Yang Berhormat bagi Kepong, semalam tidak ada idea, jadi saya mencelah bagi sedikit idealah bagaimana pihak kerajaan boleh

mengemaskinkan sistem kutipan cukai negara ini dengan meletakkan pembangunan IT sebagai salah satu daripada kaedah untuk kita mengutip cukai dengan tepat dan cepat.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya sebutkan negara ini mungkin pihak kerajaan tidak begitu berminat bagaimana cara mereka mengutip cukai di negara mereka. Tetapi saya kena sebut kerana kita perlu belajar yang baik daripada negara lain. Umpamanya negara Singapura. Saya mempunyai beberapa orang kenalan dan juga ahli keluarga yang telah berkhidmat di Singapura dan yang peliknya, Tuan Yang di-Pertua, setelah 10 tahun mereka bersara daripada perkhidmatan mereka di Singapura, hari ini apabila mereka masuk ke Singapura, kesannya masih lagi berlaku. Mereka tetap ditanya tentang hutang cukai pendapatan yang dikenakan oleh Kerajaan Singapura 10 tahun yang lalu, Tuan Yang di-Pertua, sehingga menyebabkan mereka terpaksa menyelesaikan dahulu hutang tersebut walaupun nilainya tidak sampai 1 dolar Singapura. Diselesaikan hutang itu, barulah mereka boleh masuk ke Singapura.

Jadi apabila dikaji sistem percukaian digunakan oleh Kerajaan Singapura ini adalah sistem yang benar-benar tidak mempunyai diskriminasi, tidak mempunyai pilih kasih benar-benar *transparent* dan benar-benar meletakkan siapa yang memperoleh keuntungan, siapa yang wajib membayar cukai, wajib membayar cukai.

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: *[Bangun]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya mencadangkan supaya sistem ini diguna pakai. Sistem yang ada ini sebenarnya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sekijang.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih.

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Saya ingin berkongsi bersama dengan sahabat saya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu ini tentang pengutipan cukai ini sebab saya ada satu kejadian ataupun cerita di tempat saya di mana saya tidak tahu bagaimana caranya pegawai-pegawai atau pihak penguat kuasa cukai ini mendapat nama menyelidik kepada individu ataupun syarikat yang mereka kenal pasti sepatutnya membayar cukai ini di mana berlaku di kawasan saya seorang OKU atau orang kurang upaya yang kebetulan orang kurang upaya ini juga menghidap penyakit mental.

Beliau dikenakan cukai hampir RM20,000 yang dikatakan ianya telah membuka sebuah kedai motosikal di Johor baru dan beliau dikehendaki membayar cukai dan dipaksa membayar dan apabila orang ini berjumpa dengan saya, saya hendak menceritakan kepadanya dan hendak berkata kepada dia pun agak sukar.

Jadi, saya dua tiga kali saya bercakap pun dia tak faham, dan saya pun tak faham apa yang dia cakap kepada saya. Jadi, saya tidak tahu daripada mana....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat tak faham, macam mana nak terangkan kepada Tangga Batu? *[Ketawa]*.

Tuan Baharum bin Mohamed: Ini cerita Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Oh, cerita! Cerita

Tuan Baharum bin Mohamed: Jadi, saya nak tahu macam mana cara dia mengenal pasti ini, pegawai-pegawai ini mengenal pasti orang-orang yang sepatutnya membayar cukai. Sebab apabila saya bercakap dengan dia, benda ini boleh diselesaikan di pejabat cukai dan sebagainya, hari-hari dia datang jumpa saya, Tuan Yang di-Pertua. Dia minta saya bayarkan. Jadi, ini mendatangkan masalah kepada saya dan hari-hari dia tunggu dekat tangga pejabat saya dan ini dia kata.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Nasib baik dia tidak datang Parlimen jumpa Yang Berhormat. *[Ketawa]*.

Tuan Baharum bin Mohamed: Kalau dia jumpa saya, senang saya bawa jumpa, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak, kewangan.

Tuan Baharum bin Mohamed: Sebab satu kampung dengan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kementerian Kewangan.

Tuan Baharum bin Mohamed: Jadi, saya ingin tahulah ketelusan, macam mana kita mengenal pasti, sebab apabila kita menghantar surat kepada *income-tax*, sampai hari ini saya tidak dapat jawapan daripada pihak-pihak yang berkenaan. Jadi, saya rasa ini merupakan satu masalahlah. Sebab saya dapati orang ini pun tak pernah keluar dari kawasan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang ini siapa yang berucap?

Tuan Baharum bin Mohamed: ... bandar itu. Saya nak tanya pandangan Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Nak minta pandangan Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Tuan Baharum bin Mohamed: Tuan Yang di-pertua. Sebab mungkin, tempat dia pun ada cerita yang sama. Jadi, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Saya suka juga mendengar cerita Yang Berhormat bagi Sekijang tadi kerana kita percaya setiap sistem yang direka cipta oleh manusia itu mempunyai kelemahan dan kelemahan itu adalah terlalu subjek untuk diperbaiki. Tuan Yang di-Pertua, suka saya kembali kepada cerita bagaimana hutang cukai pendapatan negara Singapura yang

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tak ada berikan apa-apa pandangan?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Saya, saya ada satu isu yang akan berkaitan perkara yang sama. Kerana saya akan bercakap tentang sistem.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab dia sudah bercakap panjang lebar, jawapan panjang lebar.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: *[Ketawa]*. Dia jawab sendiri, Tuan Yang di-Pertua. Jadi,...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kinabatangan bangun, sekali gus, ya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Sekali gus ya? Kinabatangan, kita cakap *slow-slow*.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, memang *slow* ini. *[Ketawa]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Ya, perlahan. Suara Kinabatangan ini *microphonic*.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, sedarkah Yang Berhormat bahawa sistem pemungutan cukai di negara kita pada hari ini hampir-hampir *apply to Singapore* punya sistem? Sebab contohnya, sekiranya bukannya Yang Berhormat. Contohnya, ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak membayar cukai, dan hendak keluar negara, apabila pasport dia *diprint* di komputer maka komputer akan menyatakan dia tidak dibenarkan meninggalkan negara sebab cukai dia belum terbayar. Belum terjawab.

Ini bermakna, sistem percukaian kita telah hampir-hampir menyamai negara-negara maju. Jadi, adakah lagi Yang Berhormat nampak kekurangan dari segi sistem yang ditingkatkan oleh kerajaan ini untuk ditokok tambah. Kalau ada, apakah antara lain, faktor-faktor yang ingin Yang Berhormat sumbangkan untuk membentuk satu sistem yang lebih komprehensif, yang lebih mungkin menjurus ke arah memberi kemudahan kepada membayar cukai dalam masa yang sama, kerajaan menerima cukai yang banyak. Terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya suka ulangi kenyataan saya, yang bukannya sistem kerajaan kita hari ini tidak mempunyai sistem. Kerajaan kita mempunyai sistem. Tetapi yang saya menyebutkan ialah keberkesanan dan kecekapan sistem itu, apabila berlaku kelompok-kelompok mereka yang memperolehi keuntungan cuba lari dari cukai pendapatan. Mengadakan perhimpunan-perhimpunan, kelas-kelas mereka tertentu untuk membincang bagaimana kita boleh lari daripada cukai oleh keuntungan kita yang besar ini? Jadi, perkara ini berlaku secara terang benderang. *In bright day light* dan ianya tidak dikawal.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tuan Yang di-Pertua, kalau macam itu, saya mencadangkan kepada Yang Berhormat supaya mengusul supaya agensi percukaian kita diwujudkan satu petugas khas iaitu dalam bahagian penyiasatan seperti *Spy* untuk memastikan

syarikat-syarikat besar yang sengaja mewujudkan komplot untuk lari daripada cukai supaya mereka dapat dikesan dan ditangkap.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Itu satu cadangan yang baik. Tetapi saya ingin menyarankan itu di peringkat akhir ucapan saya nanti. Oleh kerana Yang Berhormat bagi Kinabatangan ini seorang *mind reader*, dia dah tahu apa saya nak cakap, jadi ucapan Yang Berhormat tadi adalah sebahagian daripada ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya ingin sampaikan di perbahasan pada kali ini ialah tentang bagaimana sistem kutipan cukai ini boleh diambil kira secara pro aktif, boleh dibina secara pro aktif dengan meletakkan unjuran-unjuran apabila seseorang itu memulakan perkhidmatannya di peringkat kerajaan, agensinya serta swasta.

Umpamanya, apabila saya mula berkhidmat sebagai penolong jurutera di dalam Lembaga Elektrik Negara satu ketika dahulu, Saya cuma mengetahui yang saya wajib membayar cukai pendapatan ini setelah tiga tahun perkhidmatan saya dengan Lembaga Elektrik Negara. Apabila dalam jangka tiga tahun, baru saya mengetahui yang saya terpaksa membayar cukai pendapatan, kemudian terdapat pula peruntukan-peruntukan di dalam Perlembagaan kita yang mengatakan jika cukai ini gagal dibayar, saya akan didakwa dan diheret ke dalam penjara, ia telah mewujudkan satu keadaan yang huru-hara di dalam diri saya sebagai seorang yang baru kerja pada ketika itu.

Jadi, saya mencadangkan kepada pihak kementerian hari ini, supaya jika ada pegawai-pegawai kerajaan yang mendaftar diri dan telah memberikan unjuran pendapatan mereka yang boleh dicukai, maka ketika hari lapor diri pegawai tersebut, telah diletakkan satu skim potongan cukai berkala yang boleh dicadangkan kepada pegawai tersebut supaya mereka boleh merangka perbelanjaan mereka berdasarkan kepada pendapatan yang bakal diterima oleh pegawai tersebut. Jadi, perkara-perkara yang memeranjatkan seperti menerima surat amaran daripada Jabatan Hasil Dalam Negeri tidak berlaku.

Dan, ia seterusnya tidak akan menyumbang kepada ketegangan fikiran dan sebagainya dan yang akhirnya akan membawa pegawai tersebut tidak perform ataupun tidak mempunyai prestasi yang tinggi ketika berkhidmat. Jadi, saya nampak jika pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri boleh mengambil kira perkara-perkara seperti ini, saya yakin cara yang sistematik ini akan menyebabkan pembayar-pembayar cukai ataupun anggota-anggota kerajaan ini akan sentiasa patuh kepada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan di dalam ucapan saya pada belanjawan yang lepas supaya pihak Kementerian Kewangan membantu pengusaha-pengusaha, pedagang-pedagang, peniaga-peniaga yang mempunyai pendapatan yang tinggi untuk mempunyai suatu pendaftar tunai ataupun *cash register*. Ini boleh dilakukan dengan cara penswastaan. Tapi saya tidak mencadangkan dengan cara monopolilah. Dengan cara penswastaan di mana pihak kementerian menyediakan *cash register* tersebut dan kutipan semula cukai yang sepatutnya

dikutip. Contoh, saya bagi contoh Tuan Yang di-Pertua, mudah ya? Sepatutnya kerajaan dapat mengutip contohnya pada tahun itu, RM1 juta tetapi oleh kerana sistem yang tidak cekap tadi, kerajaan cuma mengutip RM400 ribu.

Maknanya kita kehilangan lebih kurang 60% daripada cukai yang patut kita kutip. Dan, kita mencadangkan, pihak kerajaan boleh mencadangkan pihak ketiga, membawa ataupun memperkenalkan pendaftar tunai kepada pedagang-pedagang ini, peniaga-peniaga ini, dan jika ada peningkatan di dalam kutipan cukai oleh pihak kerajaan, kerajaan bolehlah berfungsi keuntungan tadi itu. Atau lebih pendapatan tadi itu dengan pihak yang ketiga yang memperkenalkan pendaftar tunai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panjang lagi? Panjang lagi?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ya? Ini, ini yang saya nak sebut, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, ada panjang lagi? Panjang lagi?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Tak panjang sangatlah dalam sepuluh minit lagi. Kenapa Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak, bagus.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Saya tengok cuma Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam sahaja yang berdiri tadi? *[Menyampuk]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa, bukan, bukan...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Saya pun minta maaf pagi tadi kerana tidak dapat bersama Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bukan kerana Bukit Mertajam. Saya memang nak kawal masa sedikit. Tak apa *you* teruskan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Oeky, Saya harap pihak kementerian faham akan maksud saya tadi. Di mana peningkatan pendapatan tadi boleh dikongsi bersama dengan pihak ketiga yang sanggup mendahulukan pembangunan sistem tersebut. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, saya nampak perkara ini telah berada di pasaran.

Tetapi penerimaan oleh pegawai-pegawai ataupun oleh pihak-pihak kementerian masih lagi di peringkat berhati-hati kerana mereka mungkin tidak percaya dengan integriti, liabiliti radas tersebut. Saya percaya jika kita meletakkan ini sebagai satu *pilot project*, yang mana kosnya akan ditanggung oleh pihak yang ingin membekalkan *cash register* ini, yang akan dihubungkan secara terus dengan pusat kawalan. Dan pusat kawalan ini perlulah berada di bawah penyeliaan terus oleh pihak Kementerian Kewangan. Untuk melihat setiap transaksi yang berlaku di antara pedagang tersebut dengan pelanggan-pelanggannya. Tuan Yang di-Pertua, saya kena jelaskan benda ini kerana pandangan saya pada kali yang pertama itu kurang dijawab oleh pihak kerajaan.

Jadi, apabila setiap transaksi walaupun RM1.00 dibayar kepada pedagang tersebut, kerajaan akan mengambil maklum melalui sistem *on-line* yang memang disediakan iaitu *built-in* dalam *cash register* itu. Pihak kerajaan mungkin perlu menyediakan modal untuk pembinaan bilik kawalan dan barang-barang yang berkaitan dengan *cash register* yang berada di tapak ataupun di premis-premis perniagaan tersebut. Bilik kawalan ini berupaya untuk mengawal, untuk mengendali, sekurang-kurangnya 10,000 tapak perniagaan. Bayangkan, setiap transaksi ini, dapat dikawal, dipantau secara rapat oleh pihak kerajaan. Sudah pasti peniaga dan juga pedagang tadi tidak boleh lari daripada cukai yang sepatutnya dikenakan. Terima kasih, sila.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Saya telah meneliti penjelasan daripada Yang Berhormat mengenai cadangan kes *register* ini. Bagi saya ini satu cadangan yang baik kalau dia boleh dipraktiskan.

Tetapi yang paling penting sekali ialah cukai pendapatan yang berasaskan kepada keuntungan. Okey? Sesuatu transaksi. Dan keuntungan itu adalah bergantung kepada *cost of operations*, dengan izin, dengan harga yang kita jual itu. So, kalau kita menggunakan cadangan Yang Berhormat, bagaimanakah kita boleh mengumpul ataupun memberikan maklumat kepada pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri bahawa kos operasi kita? Kerana kos operasi itupun terpaksa kita diaudit oleh auditor sebelum keuntungan dapat diberikan kepada pihak kerajaan. Bagaimana untuk mengatasi cadangan Yang Berhormat ini? Terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong. Oleh kerana itulah saya mencadangkan supaya pendaftar tunai tadi itu yang boleh memandang secara komprehensif dan pihak kerajaan telah menyediakan modul-modul perniagaan, umpamanya, perniagaan besi dan zink.

Ini adalah lebih kurang kos operasinya, ini lebih kurang kos pengendaliannya, ini lebih kurang keuntungannya. Pihak kerajaan telah menyediakan satu senarai yang lengkap sebagai panduan kepada pegawai yang melaksanakan dasar tersebut. Dan, jika dapat dibandingkan di antara pendapatan yang didaftar oleh *cash register* tadi, *on-line cash register* tadi, dengan unjuran oleh pihak kerajaan, jika terdapat persamaan, maka cukai yang wajar ataupun bertepatan boleh dikenakan kepada pedagang-pedagang.

Saya yakin, ini adalah cara yang terbaik jika boleh dilaksanakan oleh pihak kerajaan, di dalam memastikan setiap keuntungan yang diperolehi oleh pedagang-pedagang, peniaga-peniaga dan saudagar-saudagar itu dapat dicukaikan dengan tepat. Dalam pemerhatian saya dan kajian saya dengan peniaga-peniaga dan saudagar-saudagar ini, suara mereka lebih menyatakan bagaimana mereka boleh membayar cukai dengan tepat dan berpatutan. Bahkan Tuan Yang di-Pertua, ada di antara pedagang yang mengatakan, kalau untung kerajaan cukai kita. Bagaimana pula kalau kita rugi? Adakah kerajaan pula akan bayar cukai kepada kita? Jadi ini adalah persepsi para peniaga, persepsi para pedagang yang berada di bawah sana.

Tetapi rata-rata mereka mengatakan, walaupun saya bercakap ini tanpa *authority*, tanpa sebarang bentuk kuasa, tetapi rata-rata pedagang di bawah sana menyatakan mereka rela membayar cukai dengan tepat daripada mereka dikenakan cukai seperti yang dikenakan kepada seorang rakyat di Sekijang sebentar tadi.

Saya mengharapkan apa yang saya cadangkan ini, saya juga menawarkan jika pihak kerajaan ingin berbincang dengan saya dengan lebih *detail* tentang perkara ini, saya boleh menawarkan perkhidmatan untuk menjelaskan bagaimanakah sistem ini beroperasi, dan pihak kerajaan boleh menjadikan ianya sebagai satu *pilot project* dan kita pantau sejauh manakah keberkesanan dan kecekapan sistem ini di dalam menentukan pembayar-pembayar cukai di negara kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulunglah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: membayar cukai dengan tepat dan cepat. Jadi itu sahaja...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: ... Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menyokong rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

11.47 pagi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional telah mengadakan satu polisi, satu dasar iaitu untuk *promotekan* kesaksamaan *gender*. Saya rasa dasar atau polisi kewangan ini....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, selepas Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, Yang Berhormat bagi Bagan saya akan bagi beliau berucap dan Yang Berhormat boleh jawab.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya rasa dasar kewangan ini adalah satu alat yang berkuasa atau yang penting untuk mencapai tujuan ini. Ia adalah bergantung kepada cara bagaimana kita boleh melaksanakan. Jadi saya suka mendapat satu penerangan atau penjelasan, adakah dasar kewangan kita ini pada tahun ini telah juga mengambil pendekatan dari perspektif *gender* kerana dikatakan sudah ada *pilot project*, lima kementerian telah melaksanakan *gender* analisis ke atas bajet. Jadi bagaimana dia telah dilaksanakan. Saya rasa ada dasar-dasar yang boleh meningkatkan bilangan wanita dalam pekerjaan. Pada waktu ini kalau mengikut dengan izin, *Malaysia beyond the millennium development goals*, yang dikatakan bahawa pada beberapa tahun di antara 30 tahun atau 20 tahun atau 10 tahun kebelakangan ini, bilangan wanita dalam pekerjaan tidak tambah ataupun tambahnya pun sedikit sahaja.

Pada masa yang sama, telah mendapat lebih ramai wanita atau pelajar di universiti. Iaitu siswazah wanita telah bertambah. Tetapi wanita dalam pekerjaan tidak bertambah secara *proportion*. Masalah yang utamanya ialah kerana wanita, mereka juga diberi tanggungjawab untuk menjaga anak dan rumah tangga. Jadi di Singapura umpamanya, mereka memberi *tax relief* kepada wanita yang bekerja untuk *child care*, penjagaan anak. Kalau wanita yang bekerja, dia mempunyai seorang anak, di antara di bawah dua tahun, dia akan diberi setiap bulan SD400 untuk penjagaan anak, itu sebagai satu *tax relief*. Untuk anak di bawah 12 tahun, dia juga ada *tax relief* yang lain. Jadi saya rasa kalau kita boleh mengadakan juga *tax relief* sebagai ini, saya rasa akan menggalakkan lebih ramai wanita untuk bekerja. Saya lihat di dalam Kementerian Kewangan juga ramai pegawai wanita.

Jadi saya harap ini boleh dipertimbangkan dan dilaksanakan. Di samping itu, saya juga mendapati bahawa terdapat juga RM5,000 *tax relief* untuk anak kurang upaya. Sekiranya mereka belajar di universiti, tetapi saya rasa tidak ramai keluarga yang akan mendapat faedah ini kerana segelintir sahaja, begitu sedikit orang yang ada anak-anak yang kurang berupaya boleh sampai ke tahap itu.

Saya rasa kita perlu memberi *tax relief* yang lebih banyak kepada keluarga yang mempunyai anak yang kurang upaya. *Tax relief* ini mesti mengikut *disability* yang berlainan kerana ada *disability* ini atau kurang upaya ini, kalau dia ialah *autistic*, kalau dia ialah *down's syndrome* ataupun terencat otak. Dia perlu dijaga sepanjang umur dan ibu bapanya mesti mengumpulkan satu dana yang cukupi supaya kehidupan anak ini boleh terjaga. RM5,000 pada waktu sekarang, saya rasa tidak cukup untuk anak-anak seperti ini. Kalau anak *autistic*, tidak ada tempat untuk mendidik dia, ibu bapa mesti mengambil inisiatif sendiri untuk pergi ke Amerika, untuk mempelajari bagaimana hendak menjaga anak *autistic*. Ini memang memerlukan banyak kewangan. Jadi saya merayu supaya Kementerian Kewangan lebih peka kepada golongan ini.

Kepada anak-anak *autistic* ini, mereka memerlukan alat-alat pendidikan yang khas untuk mereka dan alat ini selalunya diimport dari luar negara dan ia sangat mahal. Kalau boleh saya minta alat-alat ini diberi pelepasan cukai supaya ia boleh mengurangkan beban ibu bapa kepada golongan anak-anak ini. Saya juga difahamkan bahawa perbelanjaan perubatan untuk individu ataupun anaknya atau ibu bapanya boleh dilepaskan cukai setingginya maksimum ialah RM5,000. Saya ingin merayu supaya penyakit ini juga termasuk HIV positif, kerana HIV positif juga merupakan satu penyakit yang serius dan ia juga pada waktu sekarang ia masih tidak ada ubat lagi. Saya ingin merayu supaya kalau penyakit itu adalah kanser, pelepasan cukai itu mesti ditambah kerana rawatan kanser begitu mahal sekarang.

Kalau di antara kita di sini juga, kalau tidak ada pendapatan yang lain, saya rasa kita pun boleh jatuh bankrap, kalau ada seorang keluarga kita menghadapi masalah ini ataupun penyakit kanser ini. Jadi saya rasa adalah patut kita memberi pelepasan cukai yang lebih tinggi supaya kita dapat meringankan beban kepada keluarga seperti ini.

Saya juga ingin mendapat keterangan kepada Fasal 12. Iaitu dia bertujuan untuk meminda Seksyen 45A [Akta 53] bagi membolehkan seorang isteri menuntut sebagai potongan *relief* suaminya, yang suaminya tidak mempunyai punca pendapatan. Saya rasa ini adalah satu langkah yang baik, ini menuju kepada arah kesaksamaan *gender*, kalau isteri yang tidak bekerja, dia dapat *relief*, suaminya dapat pelepasan cukai, jadi saya rasa kalau suami juga tidak kerja, isterinya pun boleh dapat *relief*. Saya rasa ini adalah untuk mempromosi kesaksamaan *gender*.

Saya rasa mungkin kementerian dapat memikir cara yang lebih banyak supaya kita boleh melihat suami isteri sebagai satu pasukan dan selain daripada individu. Kalau seseorang pada waktu sekarang, pada zaman sekarang, masih ada fikiran tradisional - kalau suami tidak kerja, atau menganggur, dia akan mendatangkan banyak masalah. Masalah kewangan dan masalah mungkin sampai rumah tangga pun boleh terjejas. Banyak penceraian kerana masalah kewangan. Jadi saya rasa adalah perlu kita atau Kementerian Kewangan boleh melihat bagaimana kita boleh memberi sokongan atau pinjaman kepada keluarga di mana *the breadwinner*, tidak kiralah dia lelaki atau wanita kalau menganggur, macam mana kita boleh menolong memberi sokongan pinjaman atau bantuan, supaya rumah tangga itu tidak terjejas ataupun penceraian tidak berlaku kerana masalah kewangan. Jadi itulah sahaja, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bagan lepas itu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh jawab.

11.57 pagi.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyentuh berkenaan dengan LHDN. Telah banyak kali saya membangkit dalam Dewan yang mulia ini bahawa pegawai-pegawai LHDN apabila hendak pergi menyerbu atau pergi menyiasat di pejabat-pejabat atau kedai-kedai perniagaan, mereka perlu pergi dengan sekurang-kurangnya ada dua atau tiga orang sekali, dan janganlah pergi perseorangan kerana terdapat pengaduan pekedai-pekedai kata ada pegawai-pegawai dari LHDN datang dan mereka menanya bermacam-macam dan selepas pertanyaan bermacam-macam kata, ada caranya untuk menyelesaikan cukai beliau. Saya tidak perlu mengupas dalam lagi berkenaan dengan hal ini. Jadi saya menyeru supaya apabila hendak menghantarkan pegawai-pegawai ke kedai-kedai atau pejabat-pejabat untuk membuat serbuan atau penyiasatan, mereka perlu pergi bukan satu orang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa sebab Yang Berhormat? Apa beza satu dan dua orang.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Satu orang dia boleh cakap macam-macam, itu sudah jadi satu perbincangan sulit. Kalau dua orang, tiga orang, maka mungkin ia susah sedikit. Saya sudah kata tidak payah mengupas secara dalam lagi.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya hendak Setiausaha Parlimen faham.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Ya, memang dia faham, dia pandai juga. Saya pasti ini bukan pertama kali saya dapat pengaduan, ini bukan pertama kali atau pengaduan yang tunggal yang saya dapat. Memang mungkin ramai telah mendapat pengaduan ini juga.

Yang kedua, saya pernah membangkit dalam Dewan ini berkenaan dengan penyata akaun iaitu *statement of account* untuk setiap tahun. Saya pernah, kalau saya tidak salah, saya pernah dapat *statement of account* satu dua kali, tetapi dua tiga tahun kebelakangan ini, saya tidak terima lagi. Mungkin ini berlaku kepada semua orang. Bukan saya satu orang sahaja, kerana *statement of account* ia perlu kerana setiap orang pekerja menggaji, kalau dia ada melebihi RM2,000 gaji satu bulan mereka perlu bayar *income tax* dan majikan tiap-tiap tahun memotong gaji bulanan mereka dan sehingga akhir tahun atau permulaan tahun mereka perlu menghantarkan Borang J dan selepas ditaksirkan sama ada gaji yang dipotong itu cukup untuk dibayar amaun cukai pendapatan atau tidak beliau tidak tahu. Ini pun satu kebaikanlah kepada pembayar cukai sekiranya beliau tahu sama ada dalam *statements* dalam akaun beliau sama ada baki kelebihan atau masih hutang kepada LHDN atau

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan. Yang Berhormat sedarkah bahawa sekarang banyak yang *over pay*, ramai orang ramai yang sudah bayar terlebih untuk tahun lalu dan tahun ini belum dapat dipulangkan itu cukai yang *over paid* dan saya telah dimaklumkan bahawa dalam sistem LHDN sistemnya belum sempurna untuk *refund of over payment*.

Oleh sebab itu hingga sekarang ramai yang *over paid* cukai mereka tidak dapat dipulangkan wang mereka dan mungkinlah saya boleh cadanglah bahawa sama ada Yang Berhormat setuju bahawa kerana sekiranya kita tidak bayar dalam jangka masa yang ditentukan kita akan dihukum dengan *interest* yang begitu tinggi *10 percent, 20 percent, 30 percent*. Maka bolehkah kita cadangkan bahawa kalau itu bayar terlebih kalau tidak dipulangkan dalam jangka masa yang tertentu LHDN hendaklah bayar itu *interest* atas wang yang tertunggak. Yang Berhormat setuju kah?

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Bandar Kuching sebenarnya sebelum dia menyentuh perkara berkenaan dengan faedah dibayar kepada pembayar cukai, saya sudah catat dalam kertas saya berapa jumlah dan faedah, berapa jumlah sebenarnya LHDN masih ada memungut lebihan pembayaran cukai ini dan sama ada LHDN ingin membayar faedah kepada pembayar-pembayar cukai, saya sudah baca otak atau fikiran Yang Berhormat bagi Bandar Kuching. Ya, memang ini pun satu perkara yang selalunya pembayar-pembayaran cukai membuat aduan.

Mereka boleh bayar cukai pendapatan tetapi bila lambat bayar seperti Yang Berhormat kata dikenakan denda tetapi bila sudah *over pay* tidak dibayar balik oleh LHDN walaupun *reminder-reminder* atau surat-surat untuk beberapa kali telah dihantar kepada LHDN dan mereka lambatlah dalam hal ini.

[Timbalan Yang di-pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Yang ketiga, mengapakah Borang J, cukai pendapatan tidak boleh diserahkan kepada LHDN tempatan tetapi perlu dihantar ke ibu pejabat iaitu di KL sini. Pada masa dahulu sekiranya kami hendak menghantarkan Borang J cukai pendapatan, saat-saat akhir atau beberapa hari sebelum penutupan iaitu mungkin April, mereka boleh pergi dengan sendiri mengambil Borang J itu pergi ke LHDN tempatan dan mereka boleh masuk dalam tong penerimaan borang itu dan kalau masih tidak kepastian maka boleh hantar sendiri ke kaunter dan di cap akui penerimaan tetapi masa sekarang tak boleh perlu dihantar ke ibu pejabat jadi masalah yang timbul di sini sekiranya borang ini tercicir dalam perjalanan, tercicir atau tidak sampai ke tangan LHDN ibu pejabat maka pembayar cukai akan dianggap sebagai tidak mengemukakan Borang J ini dan mereka boleh dikenakan denda. Saya berharaplah ini dapat diperbetulkan.

Berkenaan dengan Akta Setem. Pada masa dahulu apabila kita membuat surat perjanjian antara dua pihak ia hanya mungkin dikenakan mungkin RM3 atau RM4 setem *duty* iaitu boleh beli setem *duty* dari pejabat pos atau pergi ke setem *duty office* untuk disetamkan tetapi masa sekarang ia telah naiki sehingga RM10 dan ini bukan terbabit dengan orang kaya sahaja, semua lapisan rakyat perlu membayar cuma inginkan sekiranya kamu memasuki satu perjanjian dengan Astro, bayar RM10, mahu memohon bekalan baru dari TNB, bayar RM10, pihak berkuasa air RM10, Telefon RM10, bahkan telefon bimbit apabila hendak mendaftar satu akaun baru pun kena bayar RM10.

Malahan sekiranya Yang Berhormat hendak menender, mahu tender satu nombor kenderaan di JPJ sebelum kamu tender, sebelum kamu tahu sama ada nombor yang kamu tender itu boleh didapati atau tidak boleh, kamu perlu membeli satu setem cukai RM10 kepada JPJ dan ini semua membebankan semua lapisan rakyat bukan seorang sahaja. Mengapa surat perjanjian atau kontrak-kontrak yang dikalau kontrak besar, bolehlah berjuta-juta atau beratus ribu-ratus ribu punya kontrak dalam perjanjian membuat setem *duty* RM10 itu munasabah.

Tetapi pengguna-pengguna rakyat semua lapisan yang berpendapatan rendah RM10 agak mahal juga. Saya berharap setem *duty* kepada dokumen-dokumen yang saya kata itu boleh ditimbang semula. Satu perkara yang akhir saya ingin menyentuh adalah pemindahan hak milik harta tidak alih iaitu berkenaan dengan rumah atau tanah.

Sekiranya seorang bapa dia sudah umur tua, dia hendak memberi tanah atau rumah itu kepada isteri atau kepada anaknya maka perlu menjalankan satu pindah milik tetapi dia dikenakan setem *duty* juga. Saya ingat ini tidak munasabahlah sebab ini bukan satu jual beli sebab ini adalah satu perbuatan biasa di mana kasih sayang. Saya rasa saya sudah tua tak lama lagi dalam dunia ini saya ingin menyerahkan hartanah saya ini kepada anak atau isteri

maka dia dikenakan setem *duty* mungkin satu *percent for the* RM100,000 atau mungkin kemudian *hundred thousand* kemudian mungkin lebih lagi. ini juga membebaskan.

Saya berharap kerajaan boleh timbang sekiranya ini dijalankan secara perniagaan atau jual beli, boleh dikenakan setem *duty* tetapi sekiranya ia adalah diberi oleh bapa kepada anak atau anak kepada sendiri punya adik-beradik, adik-beradik kandung sendiri dia boleh dikecualikan setem *duty*. Sekian sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sila jawab.

12.09 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih banyak-banyak kepada Ahli-ahli Dewan ini yang telah pun mengambil bahagian perbahasan Rang Undang-undang yang dibentangkan kali ini.

Yang mengambil bahagian ialah Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Jerai, Kepong, Tangga Batu, Bukit Mertajam, Bagan, dan yang mencelah pun ramai juga.

Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Jerai membangkitkan tentang ramai rakyat yang merungut tentang hal *tax* cukai yang telah lebih bayar, bayaran balik lewat dan cadang supaya bayaran terlebih itu potongan diambil kira sebagai bayaran tahun berikutnya.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan supaya lebih potongan cukai diambil kira sebagai bayaran balik bagi tahun berikutnya memang sudah dijalankan dan telah dipersetujui oleh pembayar cukai sendiri.

Lembaga Hasil Dalam Negeri sentiasa berusaha untuk memendekkan tempoh bayaran balik dengan adanya tabung bayaran balik cukai pendapatan. Tabung ini memang telah pun ditubuhkan semenjak bajet tahun 2004. Sebelum itu memang tidak ada tabung maka bayaran balik adalah melalui permohonan yang dibuat melalui Dewan ini jadi dia makan masa panjang tetapi melalui tabung yang telah pun disediakan Tabung Bayaran Balik disebut tadi namanya maka bayaran balik telah pun dipercepatkan kalau ikut piagamnya bayaran balik dibuat dalam masa tiga bulan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jerai juga.....

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bandar Kuching, Yang Berhormat

Datuk Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Sila.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya mengenai sekarang ada satu piagam, piagam pelanggan bahawa dalam jangka tiga bulan itu akan wang itu

yang bayar terlebih akan dibayar balik. Ini memang kita setuju tetapi kalau duit tidak dapat bayar balik kepada pembayar cukai adakah Kementerian mencadangkan bahawa *interest* dikenakan. Ini disebabkan duit itu adalah duit orang ramai. Kalau dibayar balik kepada mereka, mereka boleh meletakkan duit tersebut sebagai wang deposit dalam bank akan dapat *interest*. Tetapi sekarang LHDN lambat membayar balik kepada mereka, mereka tidak dapat guna duit itu dan tidak dapat membuat deposit dalam bank. Oleh itu mereka telah kerugian *interest*. Akankah Kementerian mencadangkan supaya *interest* dikenakan terhadap wang tertunggak atas prinsip *fairness*lah *equitable and fairness*.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, proses untuk bayar balik ini telah pun sebenarnya dipercepatkan, kalau mengikut sebab dana ditubuhkan dalam tabung ini. Dia baru sahaja ditubuhkan pada tahun sudah jadi proses itu mungkin makan masa sedikit untuk melicinkan pentadbiran. Saya haraplah semua pembayar cukai yang terlebih bayar ini supaya lebih bersabar sedikit supaya mungkin proses itu dia memakan masa sedikit untuk melicinkan pentadbiran. Kalau hendak dikenakan *interest* ini kena bawa balik ke Dewanlah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jerai juga membangkitkan tentang sama ada elaun Wakil Rakyat dikecualikan. Memanglah dikecualikan daripada cukai sama ada perbelanjaan amal jariah yang dikeluarkan oleh Wakil Rakyat boleh diberi potongan cukai. Sebenarnya kita semua tahu Wakil Rakyat ini setengah bulan habis sudah dia punya elaun itu kita bayar bagi macam-macam punya bantuan kepada rakyat. Tetapi cuma kalau dia sudah ada pendapatan daripada sumber-sumber lain dan dia bagi amal jariah ini kepada badan-badan yang dapat pelepasan cukai maka dia berhak untuk dapatkan potongan cukailah. Kalau yang lain tak boleh dibenarkan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Berkenaan dengan elaun Wakil Rakyat. Ada juga di antara Wakil Rakyat di dalam Dewan ini mereka memegang dua tiga jawatan iaitu mungkin dia Ahli Dewan Undangan Negeri dan dia juga Ahli Dewan Rakyat dan dia juga Setiausaha Parlimen atau Timbalan Menteri atau Menteri dan dia pernah juga menjadi Menteri Besar dahulu atau EXCO dahulu bagaimana ia dikiranya elaun atau pencen-pencen ini sama ada seluruh pencen atau elaun ini dapat dikecualikan cukai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, itu rezeki dialah Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Bukan, saya cuma nak tahu

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Yang Berhormat bagi Bagan ini sudah tahu jawapannya, dia tahu dah. Memang elaun-elaun tak kena kalau dia jadi wakil rakyat ataupun jadi ADUN dia tak kena cukai elaun dia ataupun pencen tak kena cukai.

Cuma kalau dia jadi ahli pentadbiran, macam saya sendiri pun kena cukai untuk elaun pentadbiran ataupun gaji pentadbiran, sebagai anggota pentadbiran kena cukai, lain-lain tak kena. Jadi nasib dialah, untung dia. Tapi dia kena kerja kuatlah untuk jadi wakil rakyat, jadi ADUN kalau tidak dia kena cukai. Saya ingat itu sudah jelas ya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jerai juga mencadangkan supaya pelepasan bagi maksud pendidikan tidak dihadkan jumlahnya. Tuan Yang di-Pertua, pelepasan pendidikan wajar dihadkan dan jumlah sedia ada bagi pendidikan tinggi iaitu RM4,000 untuk setiap orang anak adalah memadai dan telah dibuka semula untuk pendidikan tinggi. Tuan Yang di-Pertua, masa gawat dulu memang pendidikan di luar negara tidak diberi pelepasan cukai tapi sekarang oleh kerana keadaan sudah pulih semula, maka kerajaan memberi pelepasan untuk anak-anak yang juga belajar di luar negara. Jadi sekarang ini sudah bagi pelepasan RM4,000 untuk tiap-tiap anak yang tidak dikira berapa jumlah anak, tapi tiap-tiap anak berhak mendapat pelepasan cukai RM4,000. Ini untuk semua diploma dan *degree* kecuali Tingkatan Enam ataupun Matrikulasi ataupun sijil sahaja yang tidak berhak mendapat pelepasan cukai.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong yang paling panjang berucap bertanya mengapa syarikat yang mengusahakan perusahaan makanan diberi *group relief* 100% dan sekarang dikurangkan kepada 50%. Pada masa sekarang, syarikat yang mengusahakan makanan diberi *group relief* sebanyak 100%. Apabila cadangan *group relief* sebanyak 50% dilaksanakan, sekarang ini sudah kurang dari 100% kepada 50%. Syarikat yang mengusahakan makanan yang telah pun diberi *group relief* 100% diteruskan dalam tempoh peralihan. Selepas itu dia akan dikenakan 50%. Ini adalah usaha untuk melicinkan proses perundangan yang sedia ada, Tuan Yang di-Pertua. Setakat ini kalau ikut *track group relief* yang lepas ini 100%, maka kerajaan rugi lebih kurang RM1 bilion tapi dengan mengurangkan 50% ini maka kerajaan dapat selamatkan RM500 juta. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong juga menanyakan adakah kebenaran membawa kerugian terkumpul dan elaun modal kepada tempoh selepas tempoh taraf perintis disebabkan pelabur-pelabur kurang berminat untuk melabur. Tuan Yang di-Pertua, memanglah ini usaha kerajaan sebenarnya memberi insentif kepada syarikat-syarikat yang mendapat taraf perintis dan bila berlaku kerugian, biasanya dalam masa 2 tahun, 3 tahun, 4 tahun, 5 tahun syarikat-syarikat jenis ini dia biasanya tak untung, dia rugi. Jadi kerajaan benarkan dia bawa kerugian itu ke hadapan supaya dia terus menerima insentif ini dan dia terus dapat beroperasi dan memberi peluang pekerjaan kepada rakyat kita di sini .

Tuan Yang di-Pertua, ini Yang Berhormat bagi Kepong juga, rasional sebab-sebab *group relief* tidak diberi kepada syarikat yang telah menikmati pengecualian cukai. Tuan Yang di-Pertua, di sini dimaklumkan bahawa *group relief* merupakan satu insentif baru bagi mengurangkan beban cukai bagi sesuatu kumpulan syarikat dalam kumpulan yang sama secara umumnya. Oleh itu bagi syarikat yang telah menikmati insentif seperti taraf perintis, syarikat yang dikecualikan di bawah Seksyen 54A, Seksyen 1273B dan sebagainya di mana pendapatan

yang diterima telah pun dikecualikan cukai maka syarikat yang sama tidak layak diberi *group relief*. Kalau diberi juga maknanya syarikat ini mendapat dua kali pelepasan cukai.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong juga lagi bertanyakan rasional mengapa tempoh taraf perintis di koridor timur dilanjutkan lagi lima tahun. Ini sebagai insentif kepada syarikat-syarikat untuk menubuhkan operasi mereka di koridor timur kerana kerajaan hendak menggalakkan supaya seluruh negara menerima pembangunan dan mendapat peluang pekerjaan bagi rakyat di kawasan berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kepong bangun Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasanlah. Saya pun bersama-sama dengan pihak kementerian kita nak galakkan bilangan pelabur di dalam MSC kita yang telah diperluaskan kepada Pulau Pinang, Sungai Petani dan sebagainya. Dengan potongan pelepasan cukai yang dicadangkan ini dan juga taraf perintis yang sudah pun diberikan, apakah bilangan yang sebenarnya yang melabur di dalam koridor ini? Bilangan yang sebenarnya, bukan setakat yang dilaporkan. Saya percaya ada kebanyakannya tidak benar-benar melabur di sini, hanya dapat taraf perintis, taraf MSC tetapi tidak benar-benar melabur di sini sebab mungkin ada destinasi yang lain termasuk Bangalore.

Bolehkah Yang Berhormat terangkan dengan langkah yang baru ini bagaimana kita dapat menambahkan bilangan pelabur di MSC kita?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan yang lain daripada yang saya jawab tadi, yang saya jawab tadi koridor timur maknanya koridor di sebelah Pahang, Terengganu, Kelantan dan Johor. Yang Berhormat bagi Kepong cakap tadi tentang MSC, itu lain sikitlah. Walau bagaimanapun memang kerajaan menggalakkan. Sekarang sudah ditubuhkan MSC di Cyberjaya, sekarang sudah ada MSC di Pulau Pinang dan Kulim High-tech, dan saya percaya lebih ramai lagi -saya difahamkan banyak lagi kawasan MSC akan ditubuhkan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong juga - peruntukan yang berkuat kuasa kebelakangan dari sudut perspektif. Mengapa terdapat di dalam Rang Undang-undang? Tuan Yang di-Pertua, yang ini *consequential* dengan izin. Beberapa peruntukan di dalam Rang Undang-undang yang saya baca kelmarin yang dicadangkan bermula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2005. Peruntukan ini adalah selaras dengan cadangan ataupun pindaan yang telah dimaklumkan kepada umum melalui ucapan Bajet 2006 oleh Perdana Menteri yang telah dibentangkan pada 30 September 2005. Oleh itu langkah atau cadangan pindaan telah diketahui oleh umum sebelum ianya dikuatkuasakan. Cadangan ini juga perlu pelaksanaan serta-merta supaya langkah-langkah percukaian yang diumumkan dalam Bajet 2006 memberi impak yang segera kepada keputusan untuk meningkatkan pelaburan. Ini memang saya sebutkan tadi

dengan izin, sebagai *consequential* kepada ucapan Bajet yang telah dibuat pada 30 September yang lalu, sebab itulah berlaku retrospektif dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong juga menanyakan rasional sebab-sebab syarikat yang layak diberi *group relief* terdiri daripada syarikat yang mempunyai modal berbayar melebihi RM2.5 juta sahaja yang kurang tak dapat. Tuan Yang di-Pertua, rasionalnya ialah kerana syarikat yang modal berbayar kurang daripada RM2.5 juta telah disediakan manfaat cukai di mana kadar cukai bagi syarikat tersebut adalah 20% ke atas RM500 ribu pendapatan yang boleh di cukai yang pertama. Maknanya Tuan Yang di-Pertua, syarikat yang modal berbayarnya kurang daripada RM2.5 juta, dia telah mendapat insentif dahulu iaitu pendapatan mereka RM500 ribu yang pertama, dia dikenakan cukai 20% sahaja padahal syarikat yang modal berbayar lebih RM2.5 juta, dia punya pendapatan puratanya dikenakan 28% cukai. Jadi itu yang sebabnya diadakan rasional begitu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat bagi Kepong juga mencadangkan syarikat dibenarkan membayar cukai lebih rendah daripada anggaran cukai pada tahun sebelumnya kerana prestasi perniagaan berubah dari tahun ke tahun. Tuan Yang di-Pertua, peruntukan undang-undang sekarang telah memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk menerima rayuan pembayar cukai ataupun syarikat, meminda anggaran cukai mereka dalam keadaan syarikat mengalami kerugian, penurunan dalam keuntungan ataupun kerugianlah atau mengalami kerugian. Walau bagaimanapun syarikat hendaklah memberi fakta-fakta yang tepat membuktikan kerugian mereka. Ini jadi makna telah ada peraturan di situ, tidak perlulah ada peraturan baru. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong juga mahu penjelasan tentang istilah pemberian pelepasan RM4,000 setiap anak bagi pendidikan tinggi secara automatik. Tuan Yang di-Pertua, ini secara automatik bermaksud kalau dulunya, pihak ibu bapa yang ada anak belajar, dia kena ada bukti dengan resit sama ada kosnya lebih daripada RM4,000 ataupun kurang daripada RM4,000, kalau kena RM3,000 makna pelepasan RM3,000 sahaja. Kalau RM5,000 dia kena RM4,000 juga jadi dalam hal ini dia tak perlu tunjuk resit, terus diberi pelepasan RM4,000 bagi tiap anak yang ada di pendidikan tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepong bangun Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Macam mana kita dapat, saya pun tak tahulah macam mana pihak kementerian ataupun LHDN beroperasi. Kalau tidak payah letak bukti misalnya ada seseorang itu dia buat satu tuntutan yang tidak tepat, macam mana pihak kementerian dapat mengesan kalau tidak ada bukti dan sebagainya. Di sini saya nampak Yang Berhormat bagi Dungun sekarang asyik kerana anak buah dia di sini dan Yang Berhormat bagi Setiu juga, bagi dia peluang sikit nak dia tunjukkan begitu hebat dia kerja kuat. Dan macam mana kita dapat mengesan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tidak ada kena-mengena dengan kawasan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Memang tak ada kena-mengena, kita pun nak galakkan orang di Dungun dan Setiu, anak-anak dapat faedah, manfaat daripada potongan dan pelepasan cukai ini. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: DAP tak ada di Dungun.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, bila seseorang itu hendak *claim* pelepasan cukai, dia kena tunjuk bukti bahawa anak dia ada di pusat pengajian tinggi. Yang saya maksudkan tadi tak payah tunjuk resit sebab kita tahu tiap-tiap anak yang pergi ke universiti kos dia lebih daripada RM4,000. Jadi tidak payah tunjuk resit tak perlu, sebagai memudahkan pentadbiran pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri. Itu maksud saya, maknanya dia kena tunjuk *proof* kata anak dia dalam universiti ataupun di mana-mana institusi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong lagi bertanya adakah terdapat had tempoh masa pelepasan untuk setiap anak yang sedang menuntut di IPTA, IPTS. Tuan Yang di-Pertua, pelepasan ini tiada had, maknanya kalau anak dia belajar tiga tahun, empat tahun, lima tahun, enam tahun, pun dia mendapat pelepasan cukai RM4,000 bagi tiap-tiap anak, tiada had. Mana kala dia fail setahun pun *repeat* pun dapat pelepasan cukai.

Yang Berhormat bagi Kepong lagi, Tuan Yang di-Pertua. Banyak Kepong ini Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tapi banyak cakap tidak semestinya jawab banyak juga Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya. Apakah rasional takrifan semula bagi syarikat pegangan pelaburan *Investment Holding Company, (IHC)*. Tuan Yang di-Pertua. Takrifan yang asal dia begini, Tuan Yang di-Pertua, . Peruntukan sedia ada telah disalah gunakan kerana dengan menyediakan sedikit perkhidmatan pengurusan (*management service*) syarikat terkeluar daripada takrifan, oleh itu syarikat layak mendapat Dia begini Tuan Yang di-Pertua, saya nak jelaskan di sini bahawa, *Investment Holding Company* ini, dia punya *income* adalah daripada hasil pelaburan, bukan aktiviti perniagaan dia sendiri.

Jadi kalau ikut takrifan dulu, kalau sebahagian hasil kecil mungkin 5% ataupun 10% termasuk dalam pendapatan *Investment Holding Company (IHC)* ini, maka dia terkeluar daripada takrifan *Investment Holding Company (IHC)*, maka dia berhak mendapat pelepasan cukai yang banyak. Dalam hal ini kita hadkan kepada 80%, dalam takrifan baru, kalau pendapatan syarikat IHC ini tidak melebihi 20%, maka dia masih lagi dianggap sebagai IHC, maka dia tidak terlepas, tak terkeluar daripada takrifan itu, maka dia kena cukai sepenuhnya. Jadi kita hendak tangkap sedikitlah yang mana kalau tidak takrifan yang lama disalah guna, Tuan Yang di-Pertua.

Isu dari Yang Berhormat bagi Kepong juga, isu kehilangan hasil kerajaan akibat pemberian potongan ke atas kos membangunkan kursus baru di institusi pendidikan tinggi

swasta IPTS dan kos pematuhan kawalan bagi IPTS. Tuan Yang di-Pertua, anggaran kehilangan hasil setahun bagi pemberian potongan tersebut adalah sebanyak RM13 juta sahaja. Langkah pemberi potongan tersebut adalah untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan pendidikan tinggi di negara ini demi mencapai matlamat menjadikan negara kita sebagai salah sebuah pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini. Justeru itu anggaran kehilangan hasil adalah kecil berbanding dengan manfaat yang dapat kita terima untuk negara ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tangga Batu, surat amaran yang dikeluarkan kepada pekerja yang baru. Tuan Yang di-Pertua, majikan dipertanggungjawabkan untuk membuat potongan cukai daripada gaji yang dibayar mengikut jadual potongan cukai ataupun PCB. Jika gaji yang diterima layak dikenakan cukai bermula daripada bulan pertama gaji dibayar kepada pekerja, jadi pekerja pula hendaklah melaporkan keseluruhan pendapatan yang diterima kepada pentadbir cukai bagi setiap tahun. Oleh itu isu bahawa surat amaran dikeluarkan adalah tidak akan berlaku, Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat bagi Tangga Batu juga mendakwa kelas untuk mengajar atau menerangkan langkah rancangan cukai ataupun *tax planning* dibuat secara terang-terangan. Tuan Yang di-Pertua, suka diperjelaskan bahawa *tax planning* yang dilakukan selaras dengan peruntukan undang-undang boleh dilaksanakan seperti mana juga yang dilakukan di mana-mana negara. Langkah Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Kementerian Kewangan adalah untuk memantapkan undang-undang supaya tiada langkah memanipulasi transaksi perniagaan bagi melarikan cukai serta mempercepatkan penyiasatan dan audit supaya dapat memastikan hasil cukai dapat dikutip dalam jumlah dan masa yang tepat. Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat bagi Tangga Batu menyebut tentang laporan *online* kepada syarikat-syarikat yang perniagaan ini, untuk tiap-tiap transaksi dan tiap-tiap pembelian dikenakan *online*, jadi bermakna pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri ataupun pihak Kementerian Kewangan dapat *monitor* tetapi mungkin seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Puchong, ini mungkin tidak praktikallah tetapi yang saya nampak boleh buat ialah kalau untuk *service tax* mungkin boleh.

Service tax online kalau kita pergi kuih pau di Tapah misalnya, dia *online* kepada Kementerian Kewangan, itu saya ingat boleh buat kerana tiap-tiap transaksi 5% kena cukai itu saya ingat boleh. Tetapi itu sudah memang *direct*. Tetapi kalau hendak kita *monitor* tiap-tiap jualan di kedai ataupun di mana-mana stor dan cukai itu dikenakan ke atas keuntungan bukan di atas transaksi, Tuan Yang di-Pertua, jadi mungkin ada kerumitan di situ sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, kaedah mengenal pasti pembayar cukai berkelulusan daripada pelaksanaan pentadbiran cukai. Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Hasil Dalam Negeri mempunyai maklumat, memperoleh maklumat daripada pelbagai pihak seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Kementerian Pengangkutan, Imigresen, Pejabat Tanah dan berbagai-bagai agensi. Jika maklumat yang diterima adalah tidak tepat, pihak yang berkenaan hendaklah

berjumpa dengan pentadbir cukai Lembaga Hasil Dalam Negeri supaya kekeliruan yang timbul boleh diselesaikan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat bagi Tangga Batu juga, sama ada kerajaan akan membayar balik jika peniaga rugi. Tuan Yang di-Pertua, cukai pendapatan dikenakan ke atas keuntungan yang diperolehi oleh peniaga. Jadi apa-apa kerugian yang dialami dalam satu-satu tahun akan dibenarkan sebagai satu tolakan daripada keuntungan yang diperolehi dalam tahun berikutnya. Malahan mulai taksiran 2006, dicadangkan kerugian suatu syarikat boleh dipindahkan dan ditolak daripada syarikat yang berkaitan sebagai dalam satu *group relief*, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [*Bangun*]

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Mengenai cukai pendapatan syarikat yang telah disebut tadi, sekarang ini saya ingat kita ada mungkin banyak *loop hole* dalam undang-undang kita. Saya bagi satu senario, mengenai *investment holding company* yang tadi disebut oleh Yang Berhormat bagi Kepong itu. Kalau sesuatu syarikat dia hendak melabur di sesuatu keadaan ataupun satu kawasan di mana cukai pendapatan syarikat yang bebas seperti di *Caribbean Island* ada *Virginia*, *British Region Island*, dia melabur di sana sebagai satu perbelanjaan, so kerajaan tidak dapat *tax*. Kemudian *company* ini akan melabur di Hong Kong atau di mana-mana dan dapat keuntungan dan sekali lagi dia labur balik ke negara Malaysia. Dengan satu *round* macam ini, sepatutnya kita kena *tax*, *investment holding company* dia punya *tax* tetapi dia tidak boleh larilah sebab dia *treat as a* perbelanjaan. Di *Caribbean Island any tax fee* dilabur di Hong Kong, dari Hong Kong dia balik ke Malaysia sebagai *investment* dan dengan keuntungan dia mungkin dia beli balik syarikat ini.

Shareholders syarikat ini telah melepaskan cukai pendapatan syarikat dengan begitu banyak kalau *investmentnya* banyak. Bagaimana kementerian dapat mencegah ataupun mendapat kutip balik cara manipulasi perbelanjaan sebegini, di mana saya fikir ada banyak sedang berlaku terutama di syarikat-syarikat yang besar. Bagaimana kita dapat mencegah untuk dapat mengutip baliklah cukai yang sepatutnya mereka bayar kepada kerajaan kita ataupun rakyat kita.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Malaysia kita ada hubungan dengan lebih daripada 100 buah negara, kita ada *double taxation agreement* dengan banyak negara, lebih daripada 100 buah negara. Maksudnya apa yang dikenakan cukai di luar negara, mungkin syarikat Malaysia, maka dia tidak kena cukai di sini. Begitu juga kalau syarikat di luar negara yang berada di sini kena cukai, maka dia tidak kena cukai di negara dia sendiri jadi

makna ada *check and balance* di situ, Tuan Yang di-Pertua. Bermakna kalau hendak lihat secara total memang susahlah tetapi ada keseimbangan di situ.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Minta maaf, saya tahu tentang *taxation* tetapi apa yang saya maksudkan ialah mengenai pelepasan cukai daripada syarikat ini kerana mungkin undang-undang kita ataupun sistem kutipan cukai ini tidak begitu sempurna.

Sebagai contoh kalau saya *invest* sudah RM100 juta di *Carribbean Island, I treat it as an expenses*, dengan izin. Sepatutnya RM100 juta ini kena cukai kalau sudah dapat keuntungan dan sebagainya. Saya *treat as an expenses di Carribbean Island*, beli satu *company* sana dan lepas itu saya *invest in* Hong Kong atau tempat-tempat yang lain dan lepas dapat satu keuntungan saya akan balik ke Malaysia dan beli *company* ini ataupun aset-aset yang lain, di mana sebagai pelaburan daripada luar negara. Mungkin saya dapat pelepasan cukai *wholly tax* juga, so ini bermakna RM100 juta ini telah dilepaskan cukai atau tidak dapat kena cukailah. Ini mungkin satu manipulasi kerana sistem kutipan cukai kita. So bagaimana kita boleh mengurangkan keadaan ini?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat peniaga memang mereka pandailah memanipulasikan *income* mereka. Jadi dalam hal ini ialah pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri juga tentulah ada sistem cara dia. Jadi saya sendiri tidak dapat hendak beri jawapan yang tepatlah. Ini sebenarnya adalah tanggungjawab masing-masing, rakyat Malaysia untuk memastikan dia bayar cukai.

Tentang yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu tentang sikap rakyat kitalah tentang tanggungjawab membayar cukai. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini saya tidak ada jawapan yang tepat dan kalau ada *loop hole* di situ mungkin Lembaga Hasil Dalam Negeri boleh melihat semula ataupun melihat semula sistem mereka supaya dapat menangkap mereka yang melakukan kegiatan seperti ini.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [*Bangun*]

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Saya minta perhatian pegawai-pegawailah supaya melihat perkara ini yang mungkin berlaku bila-bila masa, kita tidak tahulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu bangun Yang Berhormat.

Dato' seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Puchong tentang apa yang telah disebutkan tadi dan saya juga nampak Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan bukan sahaja kita tidak mahu bertindak untuk mereka sistem-sistem yang boleh mengenal pasti integriti yang boleh mengenal pasti kejujuran dan keikhlasan. Tetapi sikap kita kepada pembinaan ataupun pembangunan sistem-sistem ini perlu kita lihat juga Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan.

Kenapa saya katakan begitu, jika saya berada di kedudukan seperti kedudukan Yang Berhormat bagi Puchong tadi, saya akan mencari ruang. Bermakna tidak ada *provision* ataupun peruntukan yang boleh menyerkap saya kalau peruntukan undang-undang kita tidak meliputi apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Puchong, saya yakin jika saya melakukan perniagaan dan boleh mendapat keuntungan yang besar, saya akan melakukan cara itu kerana peruntukan untuk menyerkap mereka yang melakukan ini tidak ada dan inilah cara untuk kita membuat keuntungan yang besar dan mungkin boleh kita nampak bahawa *loop hole* ini perlu dilihat dengan cara yang komprehensif supaya ia sekurang-kurangnya tidak dijadikan sebagai kaedah yang boleh diterima pakai oleh pihak-pihak yang berkeuntungan besar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya saya ingat memanglah apa yang saya katakan tadi dan saya bersetujulah dengan Yang Berhormat bagi Tangga Batu supaya kalau ada kita hendak supaya dikaji atau dilihat semula proses untuk tentang aktiviti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Puchong tadi telah berlaku *loop hole*, maka patut direka ataupun dilihat semula sistem kita. Saya setujulah dengan Yang Berhormat Tangga Batu ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam mencadangkan dasar pencukaian yang selaras dengan dasar tidak mendiskriminasikan mengikut jantina, *gender* ataupun kesamaan *gender*. Tuan Yang di-Pertua, memang perkara ini telah pun dilaksanakan dan kementerian sentiasa memberi perhatian yang serius seperti yang telah dimasukkan sebagai cadangan Bajet 2006 untuk membenarkan isteri menuntut potongan bagi suami yang tidak bekerja. Walaupun suami tidak bekerja, isteri boleh mendapatkan pelepasan cukai bagi suami seperti juga suami boleh mendapatkan pelepasan cukai untuk isteri. Ini bermakna sudah ada keseimbangan di situ. Dengan cara ini mereka mengiktiraf isteri dan suami sebagai satu pasukan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam juga tentang pelepasan tambahan bagi golongan kurang upaya seperti kepada anak kurang upaya berdasarkan tahap kecacatan. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sentiasa prihatin untuk meringankan beban golongan kurang upaya. Dengan ini pelbagai pelepasan disediakan kepada golongan OKU atau orang kurang upaya ini. Pelepasan tambahan bagi golongan kurang upaya, saya hendak sebut di sini, bagi pembayar cukai yang kurang upaya, pembayar cukai sendiri, tambahan lagi RM6,000 ya. Orang biasa dapat pelepasan cukai, dia tambah lagi RM6,000. Isteri atau suami yang kurang upaya tambah lagi RM3,500, ini pelepasan ya. Anak yang kurang upaya tambah lagi RM4,000. Jadi bermakna RM5,000 bagi anak yang kurang upaya. Anak yang kurang upaya belajar di ICT, setiap anak mendapat lagi tambahan RM4,000 lagi. Beli peralatan untuk isteri ataupun anak kurang upaya dapat pelepasan RM5,000. Perbelanjaan untuk penyakit yang serius, tambah lagi RM5,000, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, sudah ada banyak kelonggaran atau pelepasan bagi mereka yang kurang upaya, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Bangun]

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Yang Berhormat bagi Bagan mencadangkan supaya aktiviti...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bangun, Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, yang saya minta ialah supaya kelonggaran ini ditingkatkan kerana saya rasa untuk penyakit yang serius seperti kanser, saya rasa RM5,000 tidak cukup. Juga kecacatan seperti *autistic*, *down syndrome*, saya rasa RM5,000 ini tidak cukup. Yang saya minta ialah supaya ia ditingkatkan dan juga pelepasan cukai untuk alat-alat pendidikan untuk *autistic* dan *down syndrome* supaya apabila mereka dibawa masuk ke negara ini, barang-barang ini juga dilepaskan cukai. Adakah ini akan dipertimbangkan?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, dalam hal penyakit ni saya memang faham sangatlah, saya pun sebagai seorang doktor juga, saya faham masalah sakit-sakit kronik, kosnya tinggi, misalnya *thalassaemia* tiap-tiap bulan seorang keluarga itu untuk seorang anak dia terpaksa belanjakan lebih kurang seribu ringgit untuk ubat anak dia ataupun *hemodialisis* untuk penyakit buah pinggang, sekali pergi, tengok tempatlah, ada yang dua ratus ringgit, ada tiga ratus ringgit, jadi kos memang tinggi. Kalau seratus ringgit sekali pergi, kalau sebulan kali satu minggu tiga kali, sebulan banyaklah, lebih dua ribu ringgit, memang satu perbelanjaan yang tinggi bagi kes-kes yang tertentu. Jadi, keputusan telah dibuat pada bajet yang lepas, mungkin boleh dibawa semula ke bajet-bajet yang akan datanglah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Bagan mencadangkan supaya aktiviti semakan ataupun penyiasatan dibuat secara berkumpulan. Tuan Yang di-Pertua, kebiasaannya aktiviti audit penyiasatan atau banci *business* dilakukan secara berkumpulan. Bagi aktiviti audit khususnya pada kebiasaannya, pembayar cukai akan dimaklumkan terlebih dahulu jika ada kesangsian pada pegawai tersebut yang berkemungkinan menyamar sebagai pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri bolehlah melaporkan kepada pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri yang terdekat. Itu satu perkara yang telah dibangkitkan oleh Bagan.

Satu perkara lagi tentang Borang Cukai Pendapatan, bukan Borang 'J' sebenarnya yang dihantar ke pusat pemprosesan di Kuala Lumpur tidak di cawangan atau di pejabat tempatan. Tuan Yang di-Pertua, Borang Cukai Pendapatan dihantar ke pusat pemprosesan di Kuala Lumpur bagi mempercepatkan tindakan memproses borang. Jika borang tidak diproses dengan cepat, tindakan susulan seperti bayaran balik pungutan cukai ataupun auditan tidak dapat dibuat dengan cepat. Memandangkan sistem taksiran sendiri diperkenalkan, Lembaga

Hasil Dalam Negeri membenarkan pembayar cukai kemukakan Borang Cukai Pendapatan di cawangan-cawangan Tuan Yang di-Pertua.

Satu lagi yang terakhir, oleh Bagan, pindah milik hartanah antara anak dan ayah dikecualikan duti stem sepenuhnya 100%. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, pengecualian 50% telah diberi dan ini adalah memadai kerana anak-anak yang mendapat pemberian percuma hartanah daripada ibu bapa adalah bernasib baik terutama bagi hartanah yang bernilai tinggi dan wajarlah menyumbang duti stem sebanyak 50% Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, Datuk, ada satu cadangan yang belum dijawab, untuk *tax relief*, untuk *child care* bagi wanita yang bekerja. Saya rasa ini adalah satu langkah yang begitu *basic* jika kita ingin menggalakkan wanita untuk berdikari secara ekonomi dan juga menyumbang kepada ekonomi negara. Wanita tak boleh bekerja dan juga menjaga anak-anak mereka dan jika mereka hendak bekerja, kita mesti memberi insentif supaya ada *tax relief* untuk menjangakan anak. Saya rasa negara kita sudah maju, sudah sampai tahap boleh memberi insentif seperti ini. Adakah ini akan dipertimbangkan kalau bukan dalam bajet ini juga di bajet tahun depan?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Itu pandangan yang baik dan seperti yang saya sebut tadi, mungkin boleh dipertimbangkan dalam bajet yang akan datang. Saya tak boleh bagi jaminanlah, tapi saya ingat Yang Berhormat boleh membuat *representation* bila buat besok, bajet tak elok sebagainya boleh buat *representation* dan mungkin boleh dipertimbangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bagan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Bercakap tanpa pembesar suara]

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Benda ini direkodkan ya.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan pindah milik, *stamp duty* atas pindah milik dari bapak ke anak-anak, Yang Berhormat kata ini ada nasib baik kerana anak itu menerima harta benda dari bapanya khasnya harta yang mahal-mahal, tapi ini secara umumnya kalau harta berbilion-bilion itu mungkin beliau mampu, tapi sebuah rumah kediaman persendirian, bapak sudah tua kena pindah kepada anaknya. Ini bukan satu harta yang sangat berharga, bukan satu nasib baik atau durian jatuh, kerana apabila bapak membayar ansuran rumah itu, mungkin anaknya ada bahagian juga untuk mencarum. Jadi, saya berpendapat bahawa ini bukan satu jual beli hanya pemberian kasih sayang, ia dapat dikecualikan langsung dan Yang Berhormat juga tidak menyentuh berkenaan kalau suami kepada isteri, atau isteri pindah milik kepada suami. Ini pun sepasang suami isteri, tinggal bersama lebih kurang 50 tahun 60 tahun, bila satu daripada mereka sudah sakit, tak lama boleh hidup dalam dunia ini, maka ia hendak dipindah maka ia kena bayar juga *stamp duty*, ikut harga pasaran. Ha, itu pun tidak patutlah. Saya berharap Yang Berhormat boleh ambil perhatian

supaya [Disampuk] ha, mahu mati pun kena setem, ini Tangga Batu kata, ini tidak patutlah. Jadi saya berharap, dia boleh disemak dan Yang Berhormat tidak menjawab penyata akaun tahunan iaitu *statement of account at the end of the year*, satu lagi. Itu sahaja, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, belum tentu yang sakit mati dulu daripada yang sihat, mungkin yang sihat mati dulu [Ketawa], tapi Yang Berhormat minta macam-macam *tax relief*, yang Kepong pulak mahu pastikan supaya kita kutip lebih banyak, jadi yang mana satu ni.

Sebenarnya, cukai setem yang kita dapatkan daripada aktiviti percukaian ini memang tinggi sebenarnya, jadi kalau kita kurangkan, bagi berbagai-bagai kelonggaran mungkin, maknanya kita punya hasil cukai ini akan berkurangan secara drastik. Walau bagaimanapun itu pandangan Yang Berhormat juga boleh dibawa untuk pertimbangan pada masa akan datang. Tentang penyata cukai tadi, ini dikeluarkan dari masa ke semasa, jadi memang ada penyata kewangan dikeluarkan oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah pun mengambil bahagian, itu sahaja, terima kasih. Assalamualaikum.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal 1 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 11 – Pindaan:

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sila kemukakan pindaan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Pengerusi, saya mencadangkan “Bahawa Fasal 11 dalam teks bahasa Kebangsaan dan teks bahasa Inggeris rang undang-undang dipinda.”

1. Rang Undang-undang ini dipinda dalam Fasal 11 -
 - (a) dengan menggantikan subseksyen baru 44A(1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Subject to this section, a company (referred to in this section as a “surrendering company”) may surrender not more

than fifty per cent of its adjusted loss in the basis period of a year of assessment to one or more related companies (referred to in this section as a "claimant company"):

Provided that the surrendering company and the claimant company shall be resident in the basis year for that year of assessment and incorporated in Malaysia." dan

(b) dengan menggantikan subseksyen baru 44A(3) dengan subseksyen berikut:

"(3) For the purpose of this section, a surrendering company and claimant company are related to companies if at least -

(a) seventy per cent of the paid up capital in respect of ordinary shares of the surrendering company is directly or indirectly (through the medium of other companies resident and incorporated in Malaysia) owned by the claimant company;

(b) seventy per cent of the paid up capital in respect of ordinary shares of the claimant company is directly or indirectly (through the medium of other companies resident and incorporated in Malaysia) owned by the surrendering company;

(c) seventy per cent of the paid up capital in respect of ordinary shares of the surrendering company and claimant company are directly or indirectly owned by another company resident incorporated in Malaysia."

Pindaan dalam sub perenggan 1A bertujuan untuk menjelaskan bahawa syarikat yang menyerah dan syarikat yang menuntut hendaklah diperbadankan di Malaysia dan kedua-dua syarikat hendaklah juga bermastautin dalam tahun asas untuk sesuatu tahun taksiran.

Pindaan dalam sub perenggan 1B memperuntukkan bahawa perhubungan dari segi pegangan modal syer biasa secara tidak langsung di antara syarikat yang menyerah dan syarikat yang menuntut hendaklah melalui sebuah syarikat yang bermastautin dan diperbadankan di Malaysia, Tuan Pengerusi.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan sebentar tadi sekarang terbuka untuk dibahaskan kalau ada.

[Tiada perbahasan]

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

1. Rang Undang-undang ini dipinda dalam Fasal 11 -
 - (a) dengan menggantikan subseksyen baru 44A(1) dengan subseksyen yang berikut :

“(1) Subject to this section, a company (referred to in this section as a “surrendering company”) may surrender not more than fifty per cent of its adjusted loss in the basis period of a year of assessment to one or more related companies (referred to in this section as a “claimant company”):

Provided that the surrendering company and the claimant company shall be resident in the basis year for that year of assessment and incorporated in Malaysia.” dan
 - (b) dengan menggantikan subseksyen baru 44A(3) dengan subseksyen berikut:

“(3) For the purpose of this section, a surrendering company and claimant company are related to companies if at least -

 - (a) *seventy per cent of the paid up capital in respect of ordinary shares of the surrendering company is directly or indirectly (through the medium of other companies resident and incorporated in Malaysia) owned by the claimant company;*
 - (b) *seventy per cent of the paid up capital in respect of ordinary shares of the claimant company is directly or indirectly (through the medium of other companies resident and incorporated in Malaysia) owned by the surrendering company;*
 - (c) *seventy per cent of the paid up capital in respect of ordinary shares of the surrendering company and claimant company are directly or indirectly owned by another company resident incorporated in Malaysia.”*

The English translation is as follows: -

1. *This Bill is amended in Clause 11 -*

(a) *by substituting for the new subsection 44A(1) the following subsection:*

“(1) Subject to this section, a company (referred to in this section as a “surrendering company”) may surrender not more than fifty per cent of its adjusted loss in the basis period of a year of assessment to one or more related companies (referred to in this section as a “claimant company”):

Provided that the surrendering company and the claimant company shall be resident in the basis year for that year of assessment and incorporated in Malaysia.”; and

(b) *by substituting for the new subsection 44A(3) the following subsection:*

“(3) For the purpose of this section, a surrendering company and claimant company are related companies if at least

–

(a) *seventy per cent of the paid up capital in respect of ordinary shares of the surrendering company is directly or indirectly (through the medium of other companies resident and incorporated in Malaysia) owned by the claimant company;*

(b) *seventy per cent of the paid up capital in respect of ordinary shares of the claimant company is directly or indirectly (through the medium of other companies resident and incorporated in Malaysia) owned by the surrendering company;*

(c) *seventy per cent of the paid up capital in respect of ordinary shares of the surrendering company and claimant company are directly or indirectly owned by another company resident and incorporated in Malaysia.”*

Fasal 11 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal-fasal 12 hingga 30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 31 – Pindaan:

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sila bentangkan pindaan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Pengerusi, saya mencadangkan “Bahawa Fasal 31 dalam teks bahasa Kebangsaan dan teks bahasa Inggeris Rang Undang-undang dipinda.” Fasal 31 dipinda dengan menggantikan peruntukan khas yang berhubung dengan Seksyen 153 dengan peruntukan yang berikut:

2. Rang Undang-undang ini dipinda dengan menggantikan Fasal 31 dengan fasal yang berikut:

“31. Walau apa pun peruntukan Seksyen 153 Akta ibu, jika seseorang akauntan profesional telah dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk menjadi seorang juruaudit syarikat dan kebenaran itu diberi bagi suatu tempoh yang bermula sebelum permulaan kuat kuasa pindaan kepada seksyen itu di bawah Seksyen 30 Akta ini, akauntan profesional itu hendaklah terus menjadi seorang agen cukai bagi maksud akta ibu sehingga tamat tempoh itu.”

Pindaan dalam sub perenggan dua bertujuan untuk menjelaskan bahawa seseorang akauntan profesional yang diberi kuasa untuk menjadi juruaudit syarikat sebelum pindaan Seksyen 153, mula berkuat kuasa akan terus menjadi agen cukai sehinggalah tamat tempoh sah laku lesen juruaudit tersebut. Dengan ini permohonan untuk menjadi agen cukai perlu dikemukakan secara berasingan, Tuan Pengerusi.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan sebentar tadi sekarang ini terbuka untuk dibahaskan. Ya, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, saya memang setuju kita mesti ada langkah yang baru untuk mendaftar agen cukai kita ini, dan dengan agen-agen yang sedia ada itu sebagai juruaudit ini. Adakah pihak kementerian pertimbangkan semula iaitu agen-agen yang ada sekarang sama ada mereka itu benar-benar boleh dipercayai, sama ada mereka benar-benar mematuhi kepada kriteria atau garis panduan yang diadakan sekarang, sebab saya tak nampak apakah garis panduan yang pihak kementerian sudah pun dia mencadangkan kita ada satu garis panduan. Setakat ini kita pun tak tahu apa garis panduan, cuma yang kita tahu tadinya dengan pindaan sedemikian yang sedia ada bilangan agen cukai yang sedia ada dikekalkan, cuma yang baru kita nak ikutkan garis panduan yang bakal diadakan. Dan ini adakah bermakna, kalau bilangan itu agen cukai yang sedia ada ini tidak kompeten, kerana kita nak wujudkan satu *competency*, kalau mereka tidak kompeten, mereka terus jadi tak kompeten, dikekalkan tidak *competency*, tak apalah. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, terus kepada pindaan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kompeten itu diterima oleh Dewan Bahasa dan Pustaka sekarang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Kepong, Setiausaha Parlimen kalau ada nak jawab.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Pengerusi, pindaan ini dibuat, saya nak *refer* balik, nak rujuk balik kepada pindaan yang dibuat ini, ini bertujuan untuk menyelaraskan, menyenangkan pengurusan pentadbiran, kalau *immediately* ataupun dengan segera dimansuhkan agen-agen yang sedia ada, maka akan jadi kelam-kabut masalah pentadbiran syarikat, oleh itu dibenarkan sehingga tamat tempoh lesennya, lepas itu di*apply* yang baru, itu maksudnya Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan dan huraian hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

2. Rang Undang-undang ini dipinda dengan menggantikan Fasal 31 dengan fasal yang berikut:

“31. Walau apa pun peruntukan Seksyen 153 Akta ibu, jika seseorang akauntan profesional telah dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk menjadi seorang juruaudit syarikat dan kebenaran itu diberi bagi suatu tempoh yang bermula sebelum permulaan kuat kuasa pindaan kepada seksyen itu di bawah Seksyen 30 Akta ini, akauntan profesional itu hendaklah terus menjadi seorang agen cukai bagi maksud akta ibu sehingga tamat tempoh itu.”

The English translation is as follows:

2. *This Bill is amended by substituting for clause 31 the following clause:*

“31. Notwithstanding the provision of Section 153 of the principal Act, where a professional accountant has been authorized under any written law to be an auditor of companies and the authorization is given for a period which begins prior to the coming into operation of the amendment to that section under Section 30 of this Act, that professional accountant shall continue to be a tax agent for the purposes of the principal Act until the expiration of that period.”

Fasal 31 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Subfasal 32(a) diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Subfasal 32(b) – Pindaan:

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, bentang pada sebelah petanglah.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Pindaan ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sebelah petang Yang Berhormat ya. Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguh sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.02 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat ada satu usul dari Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

2.33 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:
Tuan Yang di-Pertua,

“Mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) saya memohon mencadangkan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputuskan Rang Undang-undang Kewangan 2005 dan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2005 serta usul-usul di nombor lima hingga sepuluh yang dijadualkan dalam Aturan Mesyuarat hari ini di bahas dan diputuskan dan selepas itu majlis mesyuarat akan ditangguhkan sehingga satu tarikh yang tidak ditetapkan”.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah pada majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Setiausaha Parlimen bagi pihak untuk membentangkan pindaan.

2.35 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Pengerusi, subfasal 32(b) (Pindaan). Tuan Pengerusi, saya mencadangkan bahawa subfasal 32(b) dalam teks Bahasa Kebangsaan dan teks bahasa Inggeris rang undang-undang dipinda –

- (a) dengan menggantikan proviso dalam subperenggan 19A(1) dengan proviso yang berikut:

“Provided that where the total qualifying plant expenditure in respect of such asset for each year of assessment exceeds the amount of ten thousand ringgit, the total allowance that shall be made in respect of that expenditure under this paragraph shall be equal to such amount; dan

- (b) dengan menggantikan subperenggan 19A(2) dengan perenggan yang berikut:

“(2) Allowance under paragraph 10 or 15 in respect of the qualifying plant expenditure referred to in subparagraph (1) –

- (a) shall be made to a person if that person has not made a claim in respect of that expenditure under that subparagraph; or
 (b) shall not be made to that person in respect of that expenditure which has been given allowance under that subparagraph.”

Pindaan subfasal 32(b) bertujuan untuk memperuntukkan bahawa jumlah elaun yang dibuat di bawah perenggan baru 19A hendaklah dihadkan kepada jumlah sepuluh ribu ringgit jika jumlah perbelanjaan loji yang layak melebihi jumlah tersebut.

Pindaan tersebut juga bertujuan memperuntukkan bahawa peruntukan sedia ada yang berhubungan dengan perbelanjaan itu hendaklah terus terpakai jika seseorang tidak membuat apa-apa tuntutan atau sesuatu elaun di bawah perenggan baru itu, Tuan Pengerusi.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Masalahnya bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk di bahas.

[Tiada perbahasan]

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam Kertas Pindaan hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

- (a) dengan menggantikan proviso dalam subperenggan 19A(1) dengan proviso yang berikut:

“Provided that where the total qualifying plant expenditure in respect of such asset for each year of assessment exceeds the amount of ten thousand ringgit, the total allowance that shall be made in respect of that expenditure under this paragraph shall be equal to such amount; dan

- (b) dengan menggantikan subperenggan 19A(2) dengan perenggan yang berikut:
- ”(2) Allowance under paragraph 10 or 15 in respect of the qualifying plant expenditure referred to in subparagraph (1) –
- (a) shall be made to a person if that person has not made a claim in respect of that expenditure under that subparagraph; or
- (b) shall not be made to that person in respect of that expenditure which has been given allowance under that subparagraph.”

The English translation is as follows:-

3. This Bill is amended in sub clause 32(b) -
- (a) by substituting for the proviso to new subparagraph 19(A) the following proviso:
- “Provided that where the total qualifying plant expenditure in respect of such asset for each year of assessment exceeds the amount of ten thousand ringgit, the total allowance that shall be made in respect of that expenditure under this paragraph shall be equal to such amount; and
- (b) by substituting for new subparagraph 19A(2) the following subparagraph:
- ”(2) Allowance under paragraph 10 or 15 in respect of the qualifying plant expenditure referred to in subparagraph (1) –
- (a) shall be made to a person if that person has not made a claim in respect of that expenditure under that subparagraph; or
- (b) shall not be made to that person in respect of that expenditure which has been given allowance under that subparagraph.”

Subfasal 32(b) sebagaimana dipinda jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang **Subfasal 32(c), 32(d) dan fasal-fasal 33 hingga 65** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang. Menteri Kewangan.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN JALAN (PINDAAN) 2005

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.40 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, Akta Pengangkutan Jalan ini telah berkuat kuasa sejak 1987 dan telahpun beberapa kali dipinda bagi disesuaikan dengan keadaan dan perkembangan semasa. Kali terakhir akta dipinda adalah pada tahun 2002. Cadangan untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 pada kali ini adalah bertujuan untuk membolehkan penguatkuasaan terhadap kegiatan *touting* di tangani secara berkesan, memandangkan kedudukan perundangan sedia ada tidak tangani tidak memungkinkan tindakan penguatkuasaan dilaksanakan.

Kegiatan *touting* adalah lebih dikenali sebagai ulat sangat berleluasa di negara ini, terutama di lapangan-lapangan terbang seperti di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), terminal perhentian bas dan terminal-terminal perkhidmatan feri. Aktiviti ulat ini tidak terhad kepada perayu teksi haram sahaja malah terlibat ulat yang menawarkan perkhidmatan, penjualan tiket-tiket pengangkutan awam secara haram kepada pelanggan di luar kawasan penjualan tiket.

Aduan mengenai kegiatan *touting* ini sering dibuat sama ada oleh rakyat tempatan mahupun pelancong asing melalui media masa selain daripada saluran biasa seperti surat *e-mail* kepada agensi-agensi yang berkaitan iaitu Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis Diraja Malaysia, Lembaga Pelesenan Perdagangan, Malasyian Airport Holding Berhad dan Kementerian Pengangkutan.

Berdasarkan kepada perkembangan semasa, aktiviti *touting* ini paling ketara dan menampakkan peningkatan yang membimbangkan di KLIA, di mana secara umum terdapat tiga kategori perayu teksi haram iaitu:

- (a) perayu-perayu teksi haram yang bertindak sebagai perantara dan akan menyerahkan pelanggan, penumpang untuk menaiki teksi haram;
- (b) sebilangan kecil pemandu-pemandu limousin, kereta sewa hotel yang mendapatkan penumpang atas nama pelanggan hotel; dan
- (c) sebilangan pemandu-pemandu *Airport limo* yang telah tamat tugas menggunakan perkhidmatan perayu-perayu teksi haram untuk mendapatkan pelanggan.

Di samping operasi harian oleh pengendali lapangan terbang pihak JPJ, PDRM dan LPKP juga mengadakan operasi bersama dari masa ke masa untuk menangkap mereka yang disaksi menjalankan aktiviti perayu dan teksi haram ini. Tindakan ini bagi membendung kegiatan mereka yang bukan sahaja mencemarkan imej lapangan terbang KLIA, malah ia telah turut menjejaskan imej negara kerana KLIA adakah merupakan pintu masuk utama negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, pegawai keselamatan di KLIA dan polis telah menangkap seramai 1,106 orang yang di saksi sebagai perayu teksi haram, di antara bulan Jun 2002 sehingga bulan Oktober 2005. Bagaimana pun ianya tidak memberi sebarang kesan yang diharapkan, ini kerana tidak ada pertuduhan di mahkamah yang boleh dibuat terhadap mereka. Ini adalah kerana ketidakadaan peruntukan undang-undang yang khusus bagi menangani masalah *touting* dalam mana-mana akta yang dibuat yang berkuat kuasa di negara ini. Dalam erti kata lain, aktiviti *touting* bukan merupakan satu kesalahan yang boleh menyebabkan pelakunya dituduh serta disabit oleh atas kesalahan di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari halangan perundangan ini, kementerian telah mengadakan beberapa siri mesyuarat dengan JPJ, PDRM, LPKP dan MHB untuk menangani MAS *touting* dan semua pihak telah bersetuju bahawa masalah ini dapat di atas secara berkesan melalui penguatkuasaan undang-undang, di mana hukuman berat boleh dikenakan ke atas mereka yang menjalankan kegiatan *touting*. Lanjutan daripada keputusan tersebut telah dicadangkan supaya pindaan dibuat ke atas seksyen 2 dan 100 Akta Pengangkutan Jalan 1987 dengan menggubal peruntukan baru seksyen 110A yang menjadikan aktiviti *touting* satu kesalahan dan memperuntukkan kuasa kepada anggota penguatkuasaan JPJ dan PDRM untuk tujuan penguatkuasaan.

Pindaan di bawah seksyen 2 memaksudkan tafsiran Lapangan Terbang, sementara pindaan di bawah seksyen 110 ini pula ia dengan memasukkan seksyen baru seksyen 110A(1) yang akan menjadikan aktiviti *touting* sebagai salah satu kesalahan yang dikenakan hukuman tidak melebihi RM50 ribu atau di penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-dua sekali.

Seksyen 110A (2) memberi kuasa kepada pegawai polis dan JPJ untuk membuat tangkapan terhadap perayu-perayu yang terlibat, sementara seksyen 110A(3) menetapkan tetap tempat awam sebagai termasuk semua bahagian dalam sesuatu lapangan terbang yang boleh dimasuki secara bebas oleh orang awam, mana-mana jalan atau mana tempat yang telah diwartakan sebagai satu perhentian bagi perkhidmatan kenderaan awam.

Pindaan yang dicadangkan ini akan membolehkan JPJ dan PDRM menjalankan tugas membartaskan kegiatan *touting* dengan lebih berkesan berlandaskan rang undang-undang serta dapat meningkatkan imej lapangan terbang KLIA di samping meningkatkan keyakinan dan kepentingan orang awam, khususnya pelancong asing terhadap perkhidmatan teksi di seluruh negara. Tuan Yang di-Pertua, perkara yang telah saya sebut adalah perkara-perkara yang

dipinda di dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta sokongan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-Undang bernama untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Sila Larut.

1446 ptg

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya ingin turut serta membahaskan Rang Undang-Undang Pindaan Akta JPJ yang dibentangkan pada hari ini kerana kita tahu bahawa masalah ini sudah berpanjangan. Ia merupakan satu masalah sosial yang boleh menjatuhkan imej negara kita terutama sekali dalam industri pelancongan.

Saya amat berpengalaman dalam hal ini terutama sekali sewaktu saya menjadi pengerusi Lembaga Pelesenan Kenderaan Pengangkutan sedikit masa yang lalu. Inilah masalah yang sering kali dihadapi oleh pihak penguat kuasa bagaimana untuk membanteras masalah yang telah menjadi dan mencemarkan nama baik negara kita ini. Oleh sebab itu sudah tiba masanya walaupun bagi saya telah beberapa kali dibangkitkan supaya ada satu undang-undang bagaimana mereka yang terlibat boleh dihukum setimpal dengan perbuatan mereka ini.

Oleh itu saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pengangkutan yang telah melihat tentang seriusnya masalah ulat-ulat ini, iaitu mereka yang bergelar ulat-ulat ini yang bukan sahaja berlaku di sekitar lapangan terbang KLIA bahkan di mana-mana tempat adanya perkhidmatan bas, teksi dan juga kereta-kereta sewa di kawasan-kawasan luar Kuala Lumpur, Johor Baru dan Pulau Pinang kerana bandar raya Kuala Lumpur, Johor Baru dan Pulau Pinang adalah merupakan adanya perkhidmatan teksi manakala di tempat-tempat lain adalah merupakan kereta-kereta sewa kecuali di Sabah dan di Sarawak.

Kalau kita lihat bagaimana operasi ulat-ulat ini, memang mereka amat cerdik, bijak terutamanya di KLIA. Saya sendiri pun sewaktu menjadi Pengerusi LPKP pengalaman saya, sebaik sahaja saya keluar daripada imigresen, saya sendiri ditemui oleh ulat-ulat ini menawarkan perkhidmatan teksi dengan harga yang murah, sedangkan perkhidmatan teksi limousin yang telah disediakan di KLIA adalah merupakan secara berkupon dengan harga kadar yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pelesenan tetapi ianya masih berlaku.

Pertama, kerana mereka ini ibarat seperti lalat. Lalat ini kalau kita biarkan terbuka makanan tidak ada tudung dia akan merebak datang. Sebab itu di KLIA saya telah mencadangkan kepada pengurusan lapangan terbang agar kaunter tempat membeli kupon teksi

mestilah di sebelah dalam sebagaimana di lapangan terbang yang lain. Apabila penumpang turun sahaja, kita sudah nampak sudah kaunter teksi sama ada dia hendak naik teksi, hendak naik perkhidmatan bas ataupun pengangkutan yang lain kerana apabila dia keluar daripada kawasan larangan mustahil dia hendak berpatah balik kerana ada sekatan, kawalan keselamatan. Sudah tentulah di sini mereka terdedah kepada ulat-ulat yang akan mengambil kesempatan. Kita kena lihat tempat-tempat penjualan tiket, kaunter, teksi, limousin baik dan apa juga jenis perkhidmatan pengangkutan mestilah berada di dalam kawasan yang strategi di mana penumpang sama ada penumpang tempatan ataupun pelancong. Dia sudah nampak sudah, kaunter itu di mana. Tetapi kalau kita terlepas keluar, ulat-ulat ini bebas, datang untuk menawarkan perkhidmatan mereka. Tidak kiralah sama ada mereka menggunakan kereta-kereta persendirian, van dan apa jenis sekali pun.

Mereka bijak, mereka akan meletakkan kenderaan mereka agak jauh daripada lapangan terbang. Mereka akan berjalan kaki ke lapangan terbang supaya mereka tidak dapat dikesan oleh agensi penguat kuasa sama ada JPJ, polis ataupun LPKP. Kita tahu LPKP amat berkurangan tenaga *enforcement* mereka, kita anggarkan sekitar 2,000 orang adalah di bawah jagaan JPJ selain daripada pihak polis. Walaupun pentingnya penguat kuasa ini sama ada pihak polis ataupun JPJ mesti ada di kawasan-kawasan strategi untuk mereka mengekori mereka yang berkeliaran mencari kesempatan ini.

Saya tidak mahu menyebut soal keuntungan yang mereka kaut. Sudah tentu perubahan ini amat menguntungkan jika tidak, tidak mungkin mereka mahu melakukan perkara yang kita tahu adalah menyalahi undang-undang. Dengan adanya pindaan ini hukuman, kompaun, denda yang telah ditetapkan oleh kerajaan melalui JPJ, walaupun saya nampak ada masalah yang akan berlaku tetapi setidaknya-tidaknya sebagai suatu peringatan bahawa sudah ada undang-undang bagi mereka yang terlibat menjadi ulat-ulat yang mengambil kesempatan di lapangan terbang yang menjadi pintu masuk ramai pelancong sama ada dari negeri China baik, dari negara Barat baik, Eropah dan daripada mana. Masalahnya ialah bagaimana kita hendak mengenal pasti membuktikan bahawa mereka itu adalah merupakan ulat-ulat. Apakah sama ada pelancong mahupun rakyat tempatan yang menggunakan perkhidmatan teksi limousin ini yang terperangkap dengan ulat-ulat ini mahu tampil ke hadapan sekiranya mereka mahu menjadi saksi ke mahkamah.

Sudah tentu pelancong tidak akan mahu tampil ke hadapan, dia sanggup mengatakan ini sahabat mereka, ini kawan mereka, ini saudara mereka. Di sinilah kita mesti melihat bagaimana kita hendak meng~~enforce~~ hendak mengheret mereka ini ke mahkamah, amat sulit. Katakanlah pelancong itu terperangkap, dia mesti tidak mahu ke mahkamah kerana mungkin tempoh tinggal di sini tidak berapa lama, tidak akanlah dia pulang hendak datang balik. Begitu juga rakyat masyarakat tempatan, di sinilah saya minta supaya bagaimana, jika ini berlaku pihak agensi penguat kuasa kita dapat bertindak. Kalau tidak ini akan menimbulkan masalah walaupun

kita tahu undang-undang yang ada dalam negara kita ini sampai ada hukuman mati mandatori kerana penglibatan dengan dadah dan sebagainya tetapi mereka masih melakukannya.

Pihak agensi juga mesti membuat kajian kenapakah ulat-ulat ini tumbuh macam cendawan, adakah mereka ini penagih dadah, adakah mereka ini orang yang berkedudukan, adakah mereka ini orang yang malas hendak bekerja? Mesti ada sebabnya, sebab kita tahu, menjadi ulat tidak susah. Dia tahu kalau bayar dengan teksi, misal kata RM50 daripada KLIA, contoh saya bagi contoh mungkin kadarnya berbeza, itu Kuala Lumpur tetapi kalau ulat-ulat ini menawarkan RM25, siapa yang tidak mahu naik kenderaan mereka. Ataupun mungkin mereka mengambil sewaktu masa cuti tidak ada kerja yang lain. Mereka duduk di kawasan-kawasan tersebut, mencari mangsa-mangsa mereka. Di sinilah saya katakan tadi kalau pihak pengurusan lapangan terbang, KLIA ini melihat supaya kaunter-kaunter itu mesti ada di dalam, sudah tentu ulat-ulat ini tidak akan dapat menghampiri penumpang-penumpang yang tiba di KLIA.

Saya tidak mahu mengatakan kesilapan siapa di sini tetapi jika itulah kelemahannya pada masa ini ia perlu diperbetulkan selagi kaunternya menghampiri dan membelakangkan penumpang yang tidak sedar ada kaunter yang mereka nampak selagi itulah mereka akan terlepas keluar mereka akan ditemui terperangkap dengan ulat-ulat. Kita tidak boleh menyalahkan mereka....

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, sila.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, Bera.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat bagi Larut, kita juga memahami bahawa antara tujuan pindaan akta ini untuk memastikan bahawa peringkat penguatkuasaan nanti itu, tidak timbul masalah. Hari ini kita meminda akta ini dengan memberi kuasa kepada pegawai polis dan juga pegawai-pegawai pengangkutan jalan iaitu kuasa untuk menangkap tanpa waran. Polis dengan bebanan tugas yang saya kira hari ini banyak dipersoalkan kerana tidak cukup tenaga, jumlah kaki tangan yang kerap tidak mencukupi. Begitu juga di peringkat JPJ kerap timbul masalah penyalahgunaan kuasa dan sebagainya.

Apa pendapat Yang Berhormat bahawa untuk mengatasi perkara ini, pegawai yang sudah ada di lapangan terbang, Pegawai Keselamatan yang sudah ada di lapangan terbang itu supaya mereka juga diberi kuasa untuk memantau bagi membantu pelaksanaan untuk mengelakkan daripada kegiatan *touting* ini berleluasa di lapangan terbang, itu satu Yang Berhormat.

Yang keduanya Yang Berhormat, kalau dahulu-dahulu yang saya perasan 10 atau 15 tahun dahulu kalau JPJ membuat sekatan jalan lori boleh berhenti satu atau setengah kilometer sebelum sekatan jalan itu. Dia letak lorinya di tepi jalan. Bila saya sampai ke sekatan jalan JPJ dan polis itu, dia kata dia tidak boleh buat apa-apa dengan lori yang letak tepi jalan itu. Adakah

keadaan yang sama boleh berlaku sekiranya *touting* ini dilakukan di luar sedikit kawasan dalam istilah lapangan terbang. Lapangan terbang itu sampai mana, adakah sampai simpang kalau kita ke KLIA, adakah sampai simpang yang hendak masuk itu, sebelum tol kah atau di mana, jadi kalau setakat bangunan sahaja saya kira *touting* di buat di luar tidak boleh tangkap Yang Berhormat. Benda itu waran sampai dalam sahaja, terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih. Tadi saya percaya dan menggambarkan bahawa kaunter penjualan tiket isi berkupon ataupun mesin itu misi di dalam. Maknanya sebaik sahaja pelancong turun ataupun Yang Berhormat kata pulang daripada London katakan, tidak ada kenderaan yang hendak menunggu. Yang Berhormat, nampak kaunter teksi di dalam selepas imigresen, Yang Berhormat kalau terus boleh membeli tiket. Apabila sudah ada tiket di tangan, tidak akanlah Yang Berhormat hendak layan lagi ulat-ulat ini?

Yang masalah ini, pelancong atau perempuan yang terlepas daripada kaunter di dalam ini tadi kerana ia tidak perasan kaunter yang ada sebab kaunter ini menghadap. Sebab apabila terlepas kita keluar, dia di luar, belakang, jadi apabila Yang Berhormat keluar, Yang Berhormat mencari-cari di mana hendak beli kupon teksi ini. Di situlah ulat-ulat akan menghampiri Yang Berhormat, tidak kira sama ada lelaki, biasalah lelakilah. Biasalah dia akan mengatakan kalau hendak teksi, saya ada teksi, boleh tolak sekarang. Kadang-kadang menunggu teksi ini satu hal dia kena *queue*, ini urusan pihak yang lain pula.

Kadang-kadang apabila Yang Berhormat mengatakan betul juga, tidak akanlah Yang Berhormat hendak masuk balik ke dalam, sudah ada kawalan di situ, dia akan bertanya untuk apa masuk balik ke dalam. Hendak tunjuk pasport lagi, kadang-kadang pasport sudah Yang Berhormat hendak mencari-cari, ini akan menimbulkan masalah dan kesulitan. Sebab itu saya minta di KLIA itu, pihak MASB ini, pengurusan *airport* mestilah menentukan kaunter-kaunter teksi perkhidmatan pengangkutan ini di tempat yang strategik sebaik sahaja penumpang keluar, dari luar negara ataupun tempatan yang hendak menggunakan teksi ini dia sudah nampak sudah, dia sudah nampak sudah.....

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sedikit, saya hendak sambung yang satu lagi, Yang Berhormat Pengerusi Back Benchers tentang masalah sekatan jalan, betul. Kita tahu kadang-kadang lori atau kenderaan berat dia tahu kalau dia berhenti di tepi jalan, saya tidak tahu sama ada akta ini sudah dipinda kalau tidak di pinda kena pinda balik.

Dia akan berhenti. Dia berhenti dan akan tunggu, kalau dua jam, dua jamlah dia akan tunggu di situ. JPJ tidak boleh tangkap mereka ini, kerana apa?

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: JPJ tidak ada kuasa hendak menyaman kenderaan yang berhenti ataupun sedang *parking*. Sila Johor Bahru.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya kepada Ahli Yang Berhormat bagi Larut. Mungkinkah tidak Yang Berhormat bahawa masalah yang hendak diubatkan ini iaitu masalah *touting*, kalau di KLIA mungkin sebenarnya disebabkan penyakit yang kena ubat penyakit *touting* atau ulat-ulat di KLIA. Mungkinkah tidak ianya disebabkan oleh kerana adanya sistem kupon iaitu maksud saya kerana ianya satu pasaran yang terkawal dan tertutup.

Jadi kerana ianya satu pasaran yang terkawal dan tertutup ia sebenarnya menimbulkan satu peluang perniagaan - adanya satu ruang peluang perniagaan yang menyebabkan wujudnya ulat-ulat ini. Jadi mungkin tidakkah apa yang hendak dibawakan oleh kerajaan, hendak kenakan kepada ulat-ulat ini sebenarnya ia merupakan satu penyakit yang hasil daripada usaha kerajaan memberikan sistem kupon ini yang sebenarnya istimewa bagi Malaysia sahaja.

Saya kalau pergi tempat lain jarang ada tengok sistem kupon ini untuk teksi-teksi di negara-negara lain. Mungkin satu penyakit yang istimewa bagi Malaysia yang kita hendak ubat dengan pindaan kepada akta ini, jadi apakah pendapat Yang Berhormat bahawa mungkin penyakit yang kita hendak ubat ini sebenarnya penyakit yang hasil daripada satu buatan atau dasar yang telah kita sendiri wujudkan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih. Dia ada pro dan kontra di sini, Yang Berhormat. Pertama, betullah kata Yang Berhormat tadi itu satu daripada pandangan yang boleh juga difikirkan. Kedua, masalahnya adanya sistem ini ia akan mengkhabarkan bahawa kerajaan cuba membantu syarikat-syarikat yang berusaha bagaimana industri ini berkembang dengan baik secara bersistem.

Tapi masalahnya mereka yang mendapat peluang ini tidak pandai menggunakannya. Pekerja-pekerja mereka mungkin pekerja yang mereka ambil secara sambilan atau tidak cukup. Jadi sudah tentu akan datang orang-orang yang tertentu untuk mendapatkan peluang atas peluang, A ambil peluang atas B, B ambil peluang atas C. Akhirnya, akan membuka mata kepada mereka yang tidak terlibat secara langsung juga mengambil kesempatan. Sebabnya mudah sahaja, katakanlah syarikat A menggajikan 10 orang. Tidak cukup 10 orang untuk menjalankan tugas harian mereka. Akhirnya mereka berhenti dan sebagainya hendak cari pekerja pada ketika itu mungkin sukar, maka tampillah mereka yang tidak berkenaan untuk membantu supaya pengusaha ini berjalan dengan baik. Itu kalau perkhidmatan teksi. Memang kalau di London perkhidmatan teksi di London tidak ada sistem kupon. Tapi mereka berdisiplin.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: [Bangun]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Di Singapore memang tidak ada tapi penguat kuasa mereka tidak melarang sama sekali orang ramai - Sekejap Yang Berhormat, saya hendak ulas ini, nanti saya lupa - orang ramai menghampiri di KLIA dan tempat-tempat lain. Tapi sistem kita ini terbuka di mana maklum sahajalah kadang-kadang saudara-

mara hendak balik tetamu datang kita hendak sambut, maka di situlah akan memberi peluang kepada ulat-ulat ini menjelma.

Yang Berhormat bagi Johor Bahru, ulat-ulat ini bukan sahaja di kalangan yang mengambil kesempatan kepada wujudnya perkhidmatan teksi berkupon, tidak. Mereka ambil kesempatan yang ada kenderaan-kenderaan lain. Mereka beli van misal kata mereka ambil kesempatan dalam industri ulat ini kalau kita sebut industri ulat atau touting ini. Jadi kita mesti lihat kesempatan, peluang-peluang yang terbuka yang mudah untuk mereka mendapatkan pendapatan. Mungkin kalau sudah tiba masanya kupon ini tidak diadakan lagi kita kena lihat pula mungkin tidak ada sistem di mana semua teksi boleh masuk ke sana. Jadi sudah tentu ini akan menjejaskan pencarian teksi-teksi yang ada kerana kita membenarkan semua masuk ke sana dengan kereta sewa, dengan kereta bukan sewa, pemilik persendirian. Ini akan bercelaru lagi dan menimbulkan masalah dan sistem kita tidak akan teratur.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Tanya sedikit.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat bagi Johor Bahru tadi apabila beliau mengatakan bahawa dia ada penyakit dan penyebab penyakit. Jadi, masalahnya ialah punca penyakit tersebut. Puncanya ialah monopoli sesuatu syarikat, monopoli sesuatu persatuan, pertubuhan ataupun *company* yang mengakibatkan orang-orang tertentu yang hendak cari rezeki yang hendak cari pendapatan juga rasa tergugat tidak dapat cari makan tempat yang sama.

Saya rasa benda ini juga berlaku di merata-rata tempat. Contohnya lagi ialah umpamanya di sesetengah *shopping complex*, sesetengah tempat ataupun perhentian-perhentian bas yang mana diberikan kepada satu-satu *company* dan menafikan peluang yang sama rata untuk pengusaha-pengusaha ataupun pemandu-pemandu teksi untuk mendapat rezeki. Apa pandangan Yang Berhormat berkenaan dengan penyakit tersebut, puncanya itu. Adakah itu merupakan satu punca utama yang menghasilkan ulat-ulat tersebut.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Sabar Yang Berhormat. Sekali sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ini soal penyakit mengapa penumpang-penumpang ini terperangkap dengan ulat-ulat ini. Ini masalah pengalaman saya sendiri Yang Berhormat Larut dan Yang Berhormat bagi Johor Bahru. Pada ketika masa kebiasaannya kerap kali untuk mendapat satu kenderaan kita terpaksa berbaris dalam beberapa jam yang sukar untuk mendapat satu teksi ke Kuala Lumpur dan kadang-kadang kita dinasihatkan mengambil limousin yang lebih mahal daripada yang murah ini. Jadi kita ini hendak cepat. Kita mahu cepat ke Kuala Lumpur. Jadi terpaksalah, yang ulat-ulat ini berbisik-bisik di belakang kita terpaksa juga kita ambil. Apa pendapat Yang Berhormat bagi Larut?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, macam saya katakan tadi saya pergi kepada Yang Berhormat bagi Batu Pahat tadi iaitu kalau tidak ada sistem kupon ini ia membenarkan pengusaha-pengusaha teksi ini mengenakan tambang ikut suka hati mereka. Kalau kadarnya RM25, RM25 tidak boleh lebih daripada itu. Kalau RM30, RM30. Jadi kalau berlaku juga dengan teksi kupon lebih daripada itu ini boleh diadukan kepada pihak kerajaan. Saya tidak hendaklah sebut semua ini. Nanti Yang Berhormat Timbalan Menteri ada. Saya minta maaf Yang Berhormat, ya? Menjawab bagi pihak Timbalan Menteri.

Datuk Douglas Uggah Embas: *[Mengangguk]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya bukan Timbalan Menteri. Memang kita kena faham sistem yang ada itu. Betul, kalau negara lain memang tidak ada tapi tersusun. Orang yang menghantar tidak boleh masuk ke dalam kawasan lapangan terbang. Tapi kita di sini berbeza - terdedah. Ini masalah peluang memanglah mereka hendak cari makan. Kadang-kadang kita memikirkan mereka pun cari makan. Tetapi mencari makan yang tidak halal kerana ia bertentang dengan undang-undang yang ada menjejaskan mata pencarian mereka yang halal. Orang yang dapat permit untuk menjalankan perkhidmatan yang diberikan oleh kerajaan tiba-tiba orang lain senang-senang mengambil penumpang. Ini akan timbul satu masalah.

Kita hendak ingatkan kepada penumpang kalau mereka menaiki kenderaan yang tidak dihalalkan. Kalau berlaku sesuatu, diculik dan sebagainya siapa yang hendak bertanggungjawab. Tetapi kalau perkhidmatan teksi atau limousin yang disediakan oleh kerajaan insya-Allah, sebab dia ada konteks - perhubungan apa-apa berlaku ke atas penumpang berkenaan.

Tentang masalah kenderaan yang tidak cukup ini pihak kementerian yang mengeluarkan perit kena menjawab. Saya tidak tahu. Saya sudah lama tinggalkan Lembaga Pelesenan. Tidak adil kalau saya jawab sekarang. Ini pun perlu dilihat kerana kadang-kadang bila dia beli kupon pun tidak eloklah, keluar sahaja kena tunggu setengah jam. Ini pun masalah terutama sekali pelancong kita. Pelancong kita bila tiba sahaja kadang-kadang sampai kena tunggu satu jam ini timbul masalah. Inilah ulat-ulat kadang-kadang ambil kesempatan. Kadang-kadang ulat-ulat ini kena ingat, ulat-ulat ini kadang-kadang dia dah buat dia punya *survey* lama. Dia tengok, apa peluang dia. Kalau satu hari dia untung RM500 hingga RM600 siapa tidak hendak buat kerja ini.

Jadi kita mesti lihat masalah kesulitan. Itu di KLIA. Saya belum pergi sampai ke Lapangan Terbang Johor Bahru, Lapangan Terbang Bayan Lepas. Ipoh tidak apalah, Ipoh penerbangan cuma ada satu. Ulat pun tidak hendak. Memang saya setuju dengan Yang Berhormat. Ini pihak kementerian kena lihat kerana apa, kerana kadang-kadang penumpang terpaksa menunggu lama. Dia sudah beli kupon tapi terpaksa menunggu kenderaan yang datang. Ini mungkin kesesakan di lapangan terbang di KLIA ataupun di mana-mana juga. Kadang-kadang pada hari-hari berkenaan mungkin hari yang terlalu sibuk.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, sila. Pertama kali saya dapat berinteraksi dengan Yang Berhormat Pengerusi *[Pengerusi BBC]*

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Ya, Fasal selalu duduk di belakang. Saya tidak nampak. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Ahli Yang Berhormat sebagai contohlah kalau masalah itu nampaknya berlaku di KLIA. Nampaknya pindaan ini umpamanya memberi keutamaan kepada KLIA. Di Lapangan Terbang Kuching tidak ada *problem* ulat-ulat. Di Lapangan Terbang Senai tidak ada *problem* ulat-ulat. Jadi ulat-ulat ini nampaknya berlaku di satu kawasan lapangan terbang di mana ada sistem kupon yang bermonopoli. Jadi mungkin sebab itu kita bertanya mungkin itu yang menjadi masalah.

Jadi kalau Kementerian Pengangkutan salah dasar dengan menubuhkan sistem berkupon ini, apa pandangan Yang Berhormat kalau penyakit itu hanya berlaku disebabkan oleh sistem kupon monopoli dengan ada syarikat yang tertentu yang mendapat keuntungan lebih. Jadi adakah kita mungkin tersilap mengubati penyakit yang sebenarnya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada tiga minit lagi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bagi cadangan sedikit lagi fasal tidak masuk terminal bas lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat bagi Johor Bahru, di KLIA ini menjadi tumpuan mungkin berlaku juga di tempat-tempat lain tetapi secara kecil-kecilan kerana makanan di KLIA begitu banyak, begitu menggemukkan. Jadi semuanya tumpu di KLIA kerana penumpangnya begitu ramai, *volume* yang datang hari-hari masyarakat tempatan dan sebagainya. Tapi walau bagaimanapun, hasrat Yang Berhormat itu bolehlah kita panjangkan kepada kementerian yang berkenaan yang mengeluarkan permit-permit teksi dan sebagainya. Tapi itulah hakikatnya yang dialami kita pada hari ini bukan perkara yang ringan, perkara yang serius, yang selalunya menjadi rungutan kepada pelancong-pelancong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya berharap kepada agensi penguatkuasaan kalau boleh selain daripada kita hendak menguatkuasakan undang-undang ini apa salahnya kita adakan mesra penumpang, mesra orang ramai supaya mereka faham sebab orang ramai pun perlu untuk memberi tip atau maklumat-maklumat untuk mencekup, membanteras ulat-ulat ini. Kadang-kadang penumpang yang berkenaan terlibat dia bisung tapi dia tidak mahu tampil ke hadapan.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: *[Bangun]*

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ini pun jadi masalah sedangkan hari ini LPKP, sewaktu saya dahulu kita buat SMS untuk buat pengaduan, ya....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, penjelasan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:telefon sahaja boleh sampai untuk pengaduan. Ini pun satu benda yang baik. Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, penjelasan. Yang mana satu?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat bagi Pontian.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, lanjutan daripada Yang Berhormat bagi Johor Bahru tadi seolah-olah ada monopoli yang menjadi penyakit salah satu daripada ulat yang wujud itu. Atas pindaan akta kita ini bercakap soal pengangkutan awam secara menyeluruh. Ini bererti bahawa katakan Airport Limo Sdn. Bhd., syarikat yang didaftar, diiktiraf boleh ambil penumpang. ERL memang didaftarkan dan satu benda yang kita *recognize* entitinya, boleh angkat penumpang. Kalau ulat-ulat ini kita daftarkan Yang Berhormat sahkan mereka, setuju Yang Berhormat?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Biarlah pihak kerajaan yang menjawablah. Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak balik kepada Ahli Yang Berhormat sebut tadi. Pengguna hendak kompetin kepada ulat ini. Kalau saya pengguna, kalau ulat ini telah memberi perkhidmatan yang baik, cekap, harga pula murah daripada yang dicaj oleh *company* tadi, ta kan saya hendak kompetin? Jadi, maknanya dalam kata lain, ulat-ulat ini secara sengaja atau tidak sengaja telah memberi perkhidmatan yang baik, servis yang baik kepada pengguna. Jadi macam mana pandangan Yang Berhormat?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ha, ini saya hendak anjurkan kepada pihak kementerian. Kalau yang bersalah sahaja yang ditangkap, ulat, kenapa tidak kita pinda balik, yang bersubahat juga turut ditangkap dan diheretkan ke mahkamah. Kalau ada undang-undang yang memberi rasuah, menerima rasuah, boleh dihukum, kenapa tidak yang memberi rasuah juga boleh dihukum. Tadi Yang Berhormat bagi Parit mencadangkan, dia kata kalau dah ulat pun memberi tawaran yang begitu baik, baik dia ikut ulat. Orang yang bersubahat juga perlu dikenakan tindakan undang-undang.

Saya minta kalau boleh dipinda, dipinda tentang mereka yang bersubahat dengan ulat-ulat. Jangan main-main, saya katakan tadi, kadang-kadang kita kena ingat. Kita tidak tahu siapa ulat ini. Dia bukan setakat mengambil keuntungan di situ sahaja. Mungkin dia ada agenda dia. Kalau pelancong-pelancong asing datang, yang tidak tahu destinasi hendak dituju di Malaysia ini, dia boleh heret mereka ke kancah yang tidak baik, melakukan kerja-kerja yang tidak manis. Kita tidak tahu kerana pelancong ramai yang datang ke negara ini.

Tentang ulat tadi, katakan kita halalkan mereka, saya tak tahulah. Kalau kita halalkan pun tidak kena. Akan bertambah lagi ulat-ulat ambil kesempatan. Kalau kita bagi permit kepada

mereka, misal kata, esok ada lagi ulat-ulat baru yang akan wujud. Jadi, akan timbul masalah ini. Biarlah pihak berkenaan memikirkan.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya? Batu Pahat.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau kata hendak menghalalkan tadi akan menyebabkan timbul ulat baru, apa kata cadangan saya, kalau Yang Berhormat setuju, kita bukakan sepenuhnya, tidak ada orang yang khusus monopoli. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Buka macam mana itu, maksudnya?

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Semua kenderaan kereta sewa dan teksi boleh masuk.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Akan bersesak-sesaklah, di KLIA tidak ada disiplin.

Ini saya pergi ke terminal bas. Sekarang kita ada terminal bas. Yang menjadi tumpuan kita ialah Pudu Raya. Bas-bas ekspres ini yang saya cakap. Bas-bas loncat-loncat ini, berhenti-henti ini mungkin tidak timbul masalah. Di Pudu Raya, yang menjadi masalah ialah pengusaha-pengusaha bas ini, saya hendak kata malas, mungkin tidak malas. Bila dia melantik ejen-ejen mereka, mereka ini pula kadang-kadang ambil kesempatan, tiak jual tiket yang disediakan. Mereka menjual tiket mereka sendiri. *[Disampuk]* Ya!

Saya melantik satu ejen untuk membantu saya menjual tiket bas ekspres, misal kata.

Ejen saya pula melantik ejen yang lain dengan tiket yang dia sediakan sendiri. Sebab itu dalam menghadapi masalah ini, kenapa kita tidak buat satu sistem tiket *on-line*, di mana LPKP sahaja mengeluarkan tiket semua bas ekspres ini dengan tidak mengetepikan nama-nama syarikat. Jadi, orang ramai akan tahu bila naik bas ekspres, ini dia standard tiket. Kalau tidak, sekarang ini orang tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua, hendak naik bas mana. Tiket macam-macam tiket ada. Di sinilah ulat-ulat mengambil kesempatan. Kadang-kadang jual tiket, bas tidak ada, terutama di musim-musim perayaan.

Ini akan timbul masalah kepada penguat kuasa kerana penguat kuasa pun tidak kenal tiket. Bukan semua, minta maaf! Ya. Pengarah Penguat Kuasa JPJ ada di sini, bersama-sama dengan saya dahulu. Jadi, sudah tiba masanya Lembaga Pelesenan, saya mintalah keluarkan satu standard tiket atas nama-nama syarikat. Tidak mengapalah berapa ada syarikat, 1,000 atau 2,000. Tetapi dikeluarkan atas Lembaga Pelesenan tiket berkenaan supaya orang tahu inilah tiket yang halal yang boleh dijual kepada orang ramai. Barulah ulat-ulat tidak ambil kesempatan!

Sekarang ini musim perayaan, ulat-ulat kata, "Ha, mari naik bas ini". Dia ada. Dia boleh jual tiket. Tetapi akhirnya bas tidak ada sebab orang tak tahu tiket mana satu yang dijual.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya? Sila Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, dalam perasaan yang dukacita, silakan.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam perasaan dukacita yang lain, Kubang Kerian masih gembira.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Okey.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Tadi Yang Berhormat Lumut mengatakan ada pengalaman dalam LPKP..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Larut, Larut .

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Larut, ya. Minta maaf. Larut. Dan saya bersetuju tentang Perhentian Pudu Raya. Ini saya rasa *It's a long standing issue*. Isu yang lama, isu yang tidak selesai. Dan kalau kita berada di hentian Pudu Raya, daripada satu kaunter ulat, ulat bukan sahaja...., ulat ini membesar sebenarnya. Bukan semakin undang-undang itu ada, dia semakin mengecil ataupun dapat kita hapuskan, tetapi dia semakin besar. Ada kaunter ulat. Sebelah *Seven Eleven* kita lihat. dahulu ada satu, sekarang ada tiga. Jadi, apa masalahnya? Sedangkan kaunter di Pudu Raya di dalam itu, saya lihat UDA telah buat satu *renovation*, dengan izin, yang lebih kemas, yang lebih cantik, tetapi operasi ulat-ulat ini sampai satu hari beratus-ratus ulat. Itu yang pertama,

Yang kedua, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kadang-kadang ulat-ulat ini dan syarikat-syarikat ulat ini dia menawarkan perkhidmatan yang lebih baik. Sebagai contoh, kalau saya hendak ke Alor Setar dengan membeli dari kaunter tiket yang sah, kaunter akan tutup, pukul 10.00 atau pukul 11.00. Tetapi di kaunter ulat, pukul 2.00 pagi, pukul 3.00 pagi, pukul 4.00 pagi, saya masih boleh lagi pergi ke Alor Setar. Begitu juga kalau saya hendak ke Johor baru, pukul 5.00 pagi ada bas yang menawarkan pengangkutan ke Johor Bahru. Kadang-kadang manusia, *lay man*, orang biasa, orang-orang yang berpendapatan rendah, mereka *compression*, mereka rasa sesuai dengan perkhidmatan ini. Murah dan boleh pergi ke tempat destinasi yang mereka hendak pada bila-bila masa. *Round-the-clock* ada bas. Jadi apa pandangan Yang Berhormat bagi Larut?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, walaupun tidak boleh lepaskan geram kepada Barisan Nasional, jadilah, dapat lepaskan geram kepada perkhidmatan bas.

Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat tentang terminal bas ini pun satu juga. Kalau Yang Berhormat tengoklah terminal bas di Kelantan, Kota Bharu, Teruk! Ya, ini pun mustahak, Tuan Yang di-Pertua, terminal bas ini. Kerana bila tidak ada satu sistem terminal bas, ia akan terbuka kepada ulat-ulat yang berkeliaran sebab tidak ada kawalan. Kalau katakan tadi ulat memberi tawaran yang baik kepada kaunter-kaunter yang disediakan, pihak JPJ baik, *enforcement* kita baik, kena ambil tindakan ke atas kaunter-kaunter yang mungkin menjual tiket

mahal. Tidak boleh. Dia mesti ikut tiket yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Kalau itu yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tadi.

Sebab itu kita lihat Pudu Raya, umpamanya. Kenapa di Pudu Raya ini banyak ulat? Terutama di musim perayaan. Kerana sistem di Pudu Raya itu sudah teruk sangat, Tuan Yang di-Pertua. UDA patut melihat perkara ini. Sudah tiba masanya UDA yang setiap bulan mengutip, saya tidak tahulah kalau ikut pengiraan, RM1.5 juta sebulan di atas kaunter-kaunter, Tuan Yang di-Pertua. Kaunter sahaja. Kaunter yang disewa di terminal ini begitu lumayan sewanya. Tidak termasuk dengan gerai, kedai-kedai yang disewakan, RM1.5 juta sebulan. Setahun sudah berapa? Apa salahnya UDA, kalau hendak kekalkan lagi Pudu Raya ini, dibangunkan dengan sebuah bangunan yang akan menjadi mercu tanda terminal bas di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila gulung ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sebagaimana saya pernah mencadangkan di Ipoh, dipindahkan kepada Medan Kit yang menjadi tempat berleluasanya ulat, hari ini dipindahkan ke Medan Gopeng dan terminal bas ini walaupun ditumpang di bawah bangunan Tuan Yang di-Pertua sendiri sewaktu menjadi Menteri Besar, membina kompleks *Silver Heritage* ini, tidak silap saya, hari ini adalah terminal bas yang terbaik di Malaysia. Mendapat anugerah lagi. Dengan dipasangnya hawa dingin. Dengan tidak ada peluang kepada ulat-ulat untuk menghampiri kaunter-kaunter yang disediakan. Itulah caranya kita hendak membantu supaya penguat kuasa dapat menjalankan tugasnya Dan ulat-ulat tidak akan berkeliaran.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Jadi, saya berharap di atas beberapa cadangan ini, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan terutama sekali pihak penguat kuasa dapat mengatasi masalah ini. Sudah tiba masanya *on-line system ticketing* perkhidmatan bas ekspres kita ini difikirkan secara serius supaya akan wujud tempat-tempat kaunter *kiosk*, dengan izin, pembelian tiket-tiket, orang tidak perlu lagi pergi ke terminal bas – boleh beli melalui internet, boleh beli di tempat-tempat lain. untuk mempertingkatkan lagi industri perkhidmatan pengangkutan di negara kita ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagilah berharap agar dengan adanya pindaan rang undang-undang ini, masalah yang sedang kita hadapi akan dapat kita atasi dengan sebaik mungkin. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekijang.

3.27 ptg.

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk sama-sama membahaskan pindaan Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada kementerian yang telah membawa pindaan ini ke dalam Parlimen untuk sama-sama kita luluskan nanti, insya-

Allah, kerana, masalah *tout* ataupun ulat ini saban kali berlaku terutamanya di musim-musim perayaan ataupun di musim-musim cuti. Jadi, sebelum ini kita tidak ada satu pun peruntukan yang boleh mengambil tindakan kepada mereka yang terlibat di dalam kegiatan ini tetapi, Insya-Allah selepas ini kita ada peruntukan yang kita boleh kenakan kepada mereka ini. Walaupun dalam Akta Pengangkutan Jalan kalau tidak silap saya, pada 1959 kita ada satu akta di mana memperuntukkan bahawa hanya *touting taxi* sahaja yang boleh diambil tindakan. Tetapi untuk orang awam ataupun individu-individu yang tidak bersangkutan dengan teksi ini, kita tidak boleh mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan terlebih awal tadi bahawa masalah ulat ini adalah merupakan satu masalah yang besar terutamanya dalam industri pengangkutan awam. Ianya berlaku di terminal-terminal sama ada di airport ataupun di perhentian-perhentian bas ataupun di perhentian-perhentian teksi ataupun di tempat-tempat lain yang ada menjalankan khidmat pengangkutan awam. Kegiatan ulat atau *touts* ini bagi saya ianya dilakukan oleh individu ataupun dilakukan oleh kumpulan-kumpulan tertentu. Maksudnya bukan sahaja kepada individu, tetapi kadang kala ianya bersindiket.

Jadi, sekiranya ia berlaku dalam keadaan yang sedemikian, tentu ianya tidak boleh memberikan satu keadaan yang baik kepada pengangkutan awam di dalam negara kita di mana mereka ini biasanya akan menawarkan perkhidmatan-perkhidmatan mereka yang kadang kala tidak diperlukan di mana perkhidmatan biasa yang mereka lakukan ialah contohnya, mengangkut penumpang ataupun kadang kala menjual tiket-tiket yang tidak bertauliah kepada orang awam dan akhirnya tiket-tiket ini yang sepatutnya kalau ada perkhidmatan teksi ataupun ada perkhidmatan bas dan sebagainya, kadang kala bas tidak muncul, teksi atau limousin pun tidak muncul. Dan akhirnya penumpang ataupun individu itu tertipu dan akhirnya mereka akan marah kepada kerajaan, terutamanya kepada mereka ataupun jabatan-jabatan yang terlibat dalam pengangkutan awam ini.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Parit, belakang.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Boleh?

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Belakang sahaja? Silakan.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Sekijang. Setujukah Yang Berhormat jika saya menyatakan salah satu sebab wujudnya 'ulat-ulat' ini ataupun aktiviti *touting* ini adalah kerana ketidakcekapan sistem pengangkutan yang wujud sama ada di *airport* ataupun di terminal-terminal bas. Oleh kerana itu, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa penggubalan undang-undang ini hanyalah satu cara, tetapi yang lebih penting ialah mewujudkan satu sistem pengangkutan yang lebih sempurna di tempat-tempat yang kita maksud itu, apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih kepada sahabat saya daripada Parit. Di mana Yang Berhormat bagi Parit menyatakan bahawa keadaan yang tidak cekap kepada pengangkutan awam terutamanya di *airport*. Ingin saya katakan di sini bahawa sememangnya ada sesuatu sistem yang kita buat itu ada kelemahan-kelemahan yang sedikit sebanyak memberi kesan kepada *flow* ataupun perjalanan kepada sistem itu. Jadi sememangnya kalau di *airport* untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita telah memperuntukkan sebanyak 1,800 permit untuk *airport limo*, yang pada masa ini berjalan sebanyak 1,400 dan selain daripada itu ada kelas ataupun sebuah syarikat yang mempunyai kelas juga menjalankan perkhidmatan di situ, iaitu dahulu menjalankan perkhidmatannya di Lapangan Terbang Subang dan juga pindah ke sini, dan juga kita telah memberikan kebenaran kepada beberapa syarikat lain lagi untuk mengendalikan teksi ataupun *limousine* yang besar.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Jadi bukanlah *airport limo* berseorangan sahaja yang menjalankan perkhidmatan di situ. Tetapi ada kalanya di waktu-waktu *peak time* ataupun di waktu sesak di mana kereta ataupun kenderaan itu memang tidak cukup. Jadi apabila keadaan ini tidak cukup, sememangnya penumpang terpaksa menunggu sedikit untuk mereka menaiki kenderaan-kenderaan yang disediakan oleh syarikat-syarikat tersebut. Ini memang kita mengakui. Tetapi ianya boleh diperbetulkan kerana syarikat yang menjalankan operasi itu mengikut kepada lawatan saya ke sana, yang juga kebetulan saya sebagai Pengerusi LPKP, ianya memang mempunyai stok di mana mereka mengambil masa sedikit untuk memanggil pemandu-pemandu mereka datang daripada stok mereka untuk mengambil penumpang-penumpang di situ. . Kalau mereka semua dibariskan di *airport* itu, kadang-kadang tempat ataupun *parking* itu tidak cukup dan ini akan menyusahkan orang awam yang hendak lalu di situ.

Jadi oleh kerana itu, mereka terpaksa meletakkan di satu tempat stok dan apabila *peak hours* berlaku, terutamanya bila pertembungan berlaku, penerbangan yang banyak menurunkan penumpang-penumpang itu, maka memang ada sedikitlah kelewatan yang dialami. Sememangnya kita manusia tidak suka kepada menunggu yang lebih lama, tetapi percayalah bahawa sistem yang kita cuba kendalikan ini, yang kita buat ini sememangnya setakat ini ia telah pun diakui oleh beberapa negara dan beberapa negara seperti di India pun berminat untuk meniru cara mana kita mengendalikan sistem kenderaan ini di lapangan terbang. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap pasal LPKP sedikit. Saya sambung semula saya punya ini ucapan tadi. Jadi operasi yang dibuat oleh 'ulat-ulat' ini sememangnya kadangkala menyakitkan hati kepada kita ataupun kepada pengguna-pengguna pengangkutan awam ini.

Kadangkala mereka cuba *convince* ataupun dalam bahasa 'meyakinkan' seseorang itu untuk menggunakan perkhidmatan mereka dan kadangkala mereka ini memegang tangan

penumpang ataupun orang awam untuk menggunakan perkhidmatan mereka. Kadangkala mereka menarik baju atau menarik beg penumpang-penumpang ini untuk mengikut telunjuk mereka. Jadi ini satu bentuk yang saya fikir kurang manis, kurang sesuai lah Tuan Yang di-Pertua, terutamanya kepada pelancong-pelancong asing kerana perkhidmatan yang mereka beri ini sebenarnya tidak ada jaminan, dari segi keselamatannya kita tidak tahu. Di mana keselamatan mungkin, kalau dia menggunakan kereta biasa, maka dari segi keselamatan memang tidak ada. Apatah lagi kadangkala kenderaan-kenderaan yang mereka janjikan ini kadang-kadang tidak ada, sedangkan mereka telah memungut wang-wang daripada individu-individu tertentu ataupun penumpang-penumpang itu begitu banyak untuk mengaut keuntungan.

Kadang-kadang mereka melesapkan diri, tidak tahu ke mana dan apabila hendak dicari dan apabila masalah berlaku, maka penumpang-penumpang ini akan datang ke Jabatan Pengangkutan Jalan, akan datanglah kepada LPKP, akan datanglah kepada pihak-pihak yang terbabit menyatakan bahawa mereka ditipu. Jadi ini setelah mereka menghadapi masalah, tetapi apabila kita memberikan panduan, apabila kita meletakkan kain rentang dan sebagainya, mereka tidak mahu mengikutinya. Jadi inilah saya rasa...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Tuan Baharom bin Mohamed [Sekijang]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Sila.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Pertama kali. Yang Berhormat Sekijang, saya hendak tanya apakah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sekijang.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sekijang. Yang Berhormat Sekijang, saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat apakah sebab ada di kalangan orang tempatan, mereka lebih gemar memilih 'ulat-ulat' ini walaupun seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, bahawa tidak ada jaminan. Apakah sebab, orang tempatan juga ada yang gemar memilih 'ulat-ulat' daripada mengambil *airport taxi*, saya pohon penjelasan.

Tuan Baharom bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Sememangnya lah sebagaimana yang kita dengar sebelum daripada ini tadi, memanglah daripada 'ulat' ini begitu mudah perkhidmatan dia memanglah 24 jam kerana mereka tidak ada siapa yang mengawalinya. Mereka tidak terikat dengan mana-mana undang-undang. Mereka tidak terikat dengan mana-mana perjanjian. Jadi mereka boleh beroperasi. Kalau mereka hilang pun, mereka susah untuk dikesan. Jadi apabila orang awam ini sebagaimana tadi yang diperkatakan bahawa *last minute* untuk mendapatkan pengangkutan awam, maka mereka menggunakanlah perkhidmatan ini. Walaupun dengan tidak berfikir panjang lagi, maka ini menyebabkan mereka tertipu kadang-kadang. Jadi sebab itulah, sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah tadi. Saya sambung baik Tuan Yang di-Pertua.

Oleh kerana masyarakat selalu tertipu dengan mereka ini, yang mana mereka ini tidak ada satu badan yang boleh mengawal mereka, maka kita selaku kerajaan yang ada pada hari ini, ataupun Ahli-ahli Parlimen yang ada pada hari ini, sama-sama kita memandangi perkara ini sebagai satu perkara yang saya fikir agak penting untuk kita sama-sama membahaskan, untuk sama-sama mungkin kita akan menguruskan untuk kepentingan orang ramai Tuan Yang di-Pertua. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam kertas yang diberikan pindaan ini, saya mendapati bahawa mereka yang diberikan peruntukan untuk menjalankan tindakan penguatkuasaan adalah terdiri daripada pegawai polis dan pegawai pengangkutan jalan.

Bagi saya, kalau boleh semua pihak yang terlibat sama di dalam perkhidmatan awam ini sebagaimana yang dikatakan tadi Malaysia Airport, kami LPKP kemudian UDA yang mengendalikan bangunan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, dan semua pihak ataupun Majlis Perbandaran yang lain yang terlibat sama dalam ini, juga harus diberi sama kuasa supaya mereka ini boleh bertindak kerana kalau kita hanya memberi kepada sesuatu pihak sahaja atau pihak yang terhad kadangkala ianya, daripada pengalaman yang saya lihat bahawa kadangkala apabila pihak ini sampai untuk menjalankan penguat kuasa, 'ulat-ulat' ini dia mempunyai rangkaian-rangkaian dia yang cukup baik. Dia hilang, dia lenyap tidak tahu ke mana, tetapi apabila lima minit atau 10 minit pegawai ini berlepas, 'ulat-ulat' ini timbul balik daripada mana dia timbul? Dia datang balik, dia wujud balik di tempat itu.

Jadi saya rasa, sebab itu saya katakan tadi bahawa kalau boleh semua pihak yang terlibat sama ini perlu dibagi kuasa yang sama untuk menahan 'ulat-ulat' ini, dan kadang-kadang kita dapati bahawa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bolehkah? Saya ada satu soalan di sini.

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Di tempat yang memang tidak ada perkhidmatan kenderaan awam, apakah nasihat Yang Berhormat kepada penduduk-penduduk setempat itu?

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Yang tidak ada?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Langsung tidak ada perkhidmatan. Teksi, bas langsung tidak ada.

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Maknanya 'ulat' tidak ada, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, itu kalau langsung tidak ada, apakah nasihat Yang Berhormat?

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Kalau macam itu tidak ada masalah Tuan Yang di-Pertua, sebab kita membahaskan tentang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau..

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: ... *touting*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau kenderaan yang haram ini, kereta sapu masuk memberi perkhidmatan, apakah nasihat Yang Berhormat dalam hubungan ini?

Tuan Baharom bin Mohamed [Sekijang]: Sebab kalau tempat-tempat yang tidak ada perkhidmatan, Yang Berhormat bolehlah beritahu dengan saya, tulis dengan saya ataupun dengan Kementerian Pembangunan Usahawan untuk kita sama-sama berbincang dan perlu kita bagi, kita bagi. *[Ketawa]* Tidak ada masalah itu Tuan Yang di-Pertua. Dekat mana saya tadi saya terlupa. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, kadangkala apabila satu, dua atau tiga badan yang mengendalikan ini, kita tempatkan pegawai di situ. Misal kata pegawai di situ mula-mula memang dia menjalankan tugas dia dengan baik. Tetapi oleh kerana kadang-kadang kita lama dekat di situ dan 'ulat-ulat' yang telah kenal, muka-muka mana yang bertugas di situ, maka mereka akan menjadikan mereka ini sebagai kawan dan apabila menjadikan sebagai kawan, kadang-kadang ini tidak boleh terkawal lagi. Sebab itu saya katakan tadi kalau boleh semua pihak yang terlibat dengan pengangkutan awam ini dia diberi sama kuasa supaya kita sama-sama dapat menguatkuasakan pindaan undang-undang yang sedang kita lakukan ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya melihat hukuman yang dikenakan ataupun dicadangkan di dalam pindaan ini ialah denda yang tidak lebih daripada RM50 ribu, kemudian penjara lima tahun.

Jadi, saya melihat perkara ini, ini merupakan satu yang saya fikir cukup ringan kerana kalau RM50,000 ini Tuan Yang di-Pertua, kalau penipuan, contohnya dibuat kepada orang awam, misal kata dia menjual tiket haram, kata tiket bas, satu bas ada 40 seat, ataupun 40 tempat duduk, kalau dia jual terutama musim perayaan pergi dan balik, contohnya RM50.00 sahaja. Satu bas dia dah dapat RM2000 kemudian kalau dia menjual sebanyak 1000 bas, saya ingat dia sudah.... Berapa Tuan Yang di-Pertua? Saya pun tak boleh nak buat kira-kira. Jadi, ini tentunya mendatangkan tidak ada masalah bagi mereka untuk membayar denda ini Tuan Yang di-Pertua, kerana mereka boleh pungut berjuta-juta. Ini kerana mereka tahu mereka tidak pun menyediakan perkhidmatan itu tetapi mereka hanya mengambil itu dan lepas itu lari dan mereka dapat keuntungan yang bersih, dua tiga juta. Kalau setakat RM50,000, saya rasa ia tidak ada masalah bagi mereka dan begitu juga hukuman penjara lima tahun bagi mereka ini.

Jadi, kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya ianya juga dimasukkan hukuman sebat kepada mereka yang melakukan kegiatan *touting* ini kerana kadang kala.....

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bharu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Johor Bharu.

Tuan Baharom bin Mohamed: Sila.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bharu]: Tuan Yang di-Pertua , saya rasa terperanjat sedikitlah kenapa hendak ditambahkan hukuman kepada seseorang yang mengikut tafsiran kesalahan memujuk atau mendesak. *“Mana-mana orang yang tanpa kuasa yang sah memujuk atau mendesak bagi maksud menawarkan perkhidmatan berkaitan dengan menerima sewa atau ganjaran untuk mengangkut penumpang atau ulang-alik untuk sewa atau ganjaran....”*. Bukan terlibat dengan, kalau untuk kerja kesalahan itu nak masukkan hukuman sebat, saya rasa kita ini sudah terlampau. Apa pandangan Yang Berhormat? Pasal ini tidak termasuk dengan soal hendak tipu ke, itu ada undang-undang yang lain. Ini hanya soal *touting* dan bukan kena-mengena dengan soal penipuan dari segi penjualan tiket-tiket palsu.

Tuan Baharom bin Mohamed: Terima kasih sahabat saya dari Johor Bharu. Seperti mana saya sebut lebih awal walaupun kata tadi penjualan tiket bas tadi tidak - tetapi sebenarnya berlaku terutamanya di musim-musim perayaan, di mana mereka, ulat-ulat ini akan mengambil kesempatan menjual tiket sebagaimana saya katakan lebih awal tadi. Contohnya kalau satu bas itu ada 40 seat dia jual RM50, dia dapat RM2000 tetapi kalau kita ada 5000 bas yang berjalan, bermakna satu *trip* dia boleh kutip RM2000 x 5000 maknanya dia boleh pungut RM10 juta, Tuan Yang di-Pertua.

Orang ramai yang tertipu ini akan marah kepada kita, kepada kerajaan. Sebab itu saya katakan tadi RM50,000 tak cukup dan sebab itu saya kata undang-undang ini kalau boleh tambah berat lagi sebab kita mahu mengelakkan mereka. Bukan tujuan kita nak menganinya mereka tetapi biar undang-undang itu berat sedikit dan kalau boleh juga Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menambah sedikit, saya mencadangkan sedikit supaya kenderaan-kenderaan yang mereka gunakan untuk *touting* ini juga perlu disita, dirampas dan dilucutkan hak mereka.

Ini kerana mereka membawa penumpang-penumpang, terutama pelancong-pelancong ataupun kita sendiri yang tidak ada insuransnya, yang tidak ada sekuritanya dan akhirnya bila berlaku suatu kemalangan maka kita yang dipersalahkan. Jadi, sebab itu saya katakan tadi bahawa undang-undang kita yang meletakkan RM50,000 ini memang kecil. Pada 10 tahun akan datang, saya rasa tidak ada apa lagi yang tinggal sebab kita daripada undang-undang lama kita nak pinda satu-satu undang-undang pun makan masa. Yang ini pun saya ingat bertahun-tahun nak masuk ke Parlimen, ini kerana banyak benda yang ditanya itu dan ini dan nak cari apa sebenarnya istilah-istilah.....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ipoh Barat. Sokong Yang Berhormat?

Tuan M. Kula Segaran: Sokong-sokong.

Tuan Baharom bin Mohamed: . Sila.

Tuan M. Kula Segaran: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat pun hendak beri satu pandangan yang amat bernas. Ini mengenai merampas kenderaan-kenderaan itu, saya berpendapat itu adalah satu pandangan yang bagus tetapi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, memandangkan Yang Berhormat ini Pengerusi LPKP, adakah rang undang-undang ini kepada badan atau Yang Berhormat sendiri.

Tuan Baharom bin Mohamed: Terima kasih sahabat saya dari Ipoh Barat, memangnya saya dimaklumkan untuk pindaan ini dan yang akan dibawa di dalam Dewan ini. Tetapi untuk secara *detail* tentang apa yang termasuk dalam ini di *submitkan* kepada Peguam Negara, sebenarnya untuk proses-proses meletakkan hukuman-hukuman ini. Bagi saya sebagai Ahli Parlimen saya bercakap, bukan sebagai Pengerusi LPKP, jadi saya ingin mencadangkanlah apa yang sepatutnya ada di dalam ini, itu pun kalau dipersetujui. Kalau tak setuju kita sama-sama tak setuju, Tuan Yang di-Pertua.

Saya sambung balik Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kerana kenderaan-kenderaan yang digunakan ini tadi adalah kenderaan-kenderaan penggunaan untuk peribadi, kenderaan-kenderaan persendirian yang digunakan ini. Kalau kenderaan persendirian di bawa untuk pengangkutan penumpang, tentunya memberikan risiko yang cukup besar. Jadi, kalau yang ini kita boleh tangkap dan sita dia, tunggu dan kita lupus, lucut hak yang menjalankan operasi ini, saya rasa ini merupakan satu yang boleh menakutkan mereka supaya mereka tidak menjalankan kegiatan *touting* ini, terutamanya di kawasan-kawasan *airport* dan sebagainya. Bagi saya kalau di LPKP kita akan tarik balik permit dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Johor Bharu.
3.52 ptg.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin juga mengambil bahagian dalam soal perbahasan tentang pindaan Rang Undang-undang Akta Pengangkutan berhubung dengan soal masalah *touting* ataupun yang dipanggil sebagai memujuk dan mendesak, tafsirannya saya ingat kepada *soliciting* or *touting*. Jadi *touting* kalau ikut dia punya penterjemahan secara rasmi ialah mendesak bukan ulat-ulat. Ulat-ulat ini, saya tak tahu mana datang perkataan ini tetapi mungkin perkataan daripada bahasa pasar.

Saya juga nak mengambil bahagian kerana soal pada saya yang saya lihat Tuan Yang di-Pertua, bahawa *soliciting* dan *touting* atau memujuk atau mendesak ini sebenarnya ialah satu teknik pemasaran penjualan atau penawaran perkhidmatan kepada pelanggan yang berlaku apabila ada kelemahan atau kekangan atau kelemahan dan kekurangan di dalam pemasaran sesuatu produk dan khidmat itu yang sedang dilakukan secara yang sedang dihalaikan.

Umpamanya kalau kita selalu mengambil contoh dan mungkin ada sokongan kepada pindaan ini dari segi memujuk dan mendesak kerana ia menimbulkan imej yang kurang baik kepada *airport* antarabangsa kita di Sepang bahawa kita ini tak sedap sangat melihat bahawa

adanya pihak-pihak datang berbisik-bisik tentang nak memujuk dan mendesak. Ia sebenarnya datang daripada kalangan pemandu-pemandu teksi yang membawa penumpang ke *one way*, satu hala ke KLIA. Selepas itu kerana merasakan bahawa dalam perjalanan yang begitu jauh takkanlah pula mereka pulang dengan tanpa sebarang penumpang.

Jadi, bermaknanya mereka mempunyai kapasiti atau keupayaan untuk memberi perkhidmatan pengangkutan dari KLIA ke bandar. Tetapi kerana sistem yang ada di KLIA tak membolehkan mereka untuk menawarkan perkhidmatan mereka dan ada juga masalah dan kelemahan dari segi tawaran harga itu, maka keadaan ekonomi atau *the economic condition* pada masa itu menghasilkan, bagi pemandu teksi itu, yang mempunyai lesen, yang sah yang mempunyai kereta yang sah, kereta yang baik yang selalu telah pun diperiksa oleh PUSPAKOM dan sebagainya, mereka menawarkan perkhidmatan mereka melalui memujuk dan ataupun mendesak tetapi lebihnya secara berbisik. Ini pun *touting* jugalah.

Oleh itu, biasanya sesuatu keadaan itu berlaku kerana sesuatu keadaan yang kita rasa timbul, itu kerana keadaan keseluruhannya tak *perfect* dan tak sempurna dan membawakan kepada akibat yang seperti kita lihat mungkin dari segi adanya pemandu-pemandu teksi yang datang memujuk, berbisik untuk menawarkan perkhidmatan mereka. Dan, kalau kita melihat kepada sistem industri teksi, bagaimana satu ketika dahulu digalakkan kepada syarikat-syarikat sahaja yang mempunyai lesen-lesen teksi, dengan helah, dengan alasan kononnya bahawa hanya syarikat sahajalah yang boleh menjaga teksi-teksi dengan cara yang baik. Ini kerana individu yang membawa teksi tak boleh jaga teksi mereka dengan sempurna.

Ini satu pemikiran ketika itu yang merasakan bahawa *corporate approach is the right approach*, dengan izin, maknanya bahawa pendekatan secara syarikat adalah sepatutnya pendekatan yang patut kita lakukan. Walau bagaimanapun, saya ucapkan tahniah kepada Pengerusi Lembaga Pelesenan dan Bekas Pengerusi Lembaga Pelesenan yang agak peka tentang perkara ini dan akhirnya lesen teksi itu dimudahkan bagi mana-mana pihak untuk memohon. kepada

Kalau kita hendak elakkan daripada lesen keadaan teksi sapu umpamanya, yang merupakan satu perkara yang berlaku di Johor Bharu begitu luas satu ketika, ia boleh diatasi apabila dipermudahkan mereka yang nak terlibat dalam sistem pengangkutan, industri pengangkutan untuk mendapatkan lesen dan sudah tentu dengan lesennya bolehlah kita mengadakan kawalan kepada sistem kenderaan-kenderaan mereka. Tetapi saya nak ambil bahagian dalam perbahasan ini, Tuan Yang di-Pertua mengenai dengan mentaliti kita ataupun *mind set* kita iaitu dari pihak kerajaan yang sentiasa merasakan bahawa pendekatan secara monopoli ialah pendekatan terbaik. Ini ada menimbulkan masalah yang saya rasa ada kaitannya dengan wujudnya memujuk, mendesak dan cara-cara yang tak baik untuk membolehkan pelanggan mendapatkan khidmat yang baik.

Selain daripada KLIA, dengan sistem monopolinya, saya juga teringat bahawa satu ketika dahulu dalam Dewan ini juga, saya timbulkan masalah monopoli yang diletakkan di bawah kementerian yang sama, yang ada pada kementerian yang sama iaitu Kementerian Pengangkutan, berhubung dengan monopoli yang diberikan untuk memberikan khidmat mengajar kepada pemandu-pemandu yang membawa kenderaan-kenderaan berat. Itu dikendalikan melalui sebuah kaedah yang dinamakan ACE, *Academy Automobile* dan sebagainya yang mengendalikan pendidikan pengajaran, memandu kenderaan berat dan kononnya dengan sistem *syllabus* dari Australia dan sebagainya dan kononnya ialah tujuan untuk meningkatkan tahap pemandu-pemandu kenderaan-kenderaan berat.

Dan, ia merupakan satu monopoli dengan bantuan pihak kerajaan yang saya pun tak faham pasal bila saya baca nampaknya bantuan itu datang bukan sahaja daripada pihak kerajaan tetapi datang juga daripada Lembaga *Totalisator Board or TOTE BOARD*, yang dikenali sebagai *TOTE BOARD*. Pada Laporan Tahunan Lembaga Totalisator Board Malaysia tahun 2004 di bawah penerima Nasional Akademi *Motosport*, geran bagi menubuh dan mengendalikan Akademi Latihan Memandu, khusus untuk kenderaan-kenderaan berat di Wilayah Persekutuan dan Selangor.

Jadi saya tak tahu di Malaysia ini ada *motor sport* yang melibatkan kenderaan-kenderaan berat, dan jumlah yang diberikan oleh Tote Board ini ialah sebanyak RM36,870,670. Jadi sebab itu saya nak tahulah daripada kementerian dengan dasar kementerian yang mewujudkan, membenarkan sistem monopoli kepada khidmat mengajar pemandu-pemandu kenderaan berat yang diberikan kepada satu pihak, dan ada satu pula pihak lain *National Academy of Motor Sport*, juga ada pula kenderaan-kenderaan berat Kompleks Akademi Latihan Memandu, jadi apa kena-mengena kelab lumba kuda ini? Tote Board ini semua pasal lumba kuda ini, yang mana *subject to any regulations mean under the Section 29, the board may from time to time distribute any money forming part of the fund of the board and not required by it indexes of the powers under Section 4 for the following purposes, satu social and welfare purposes, dua promotion of sports.*

Jadi tak tahulah kalau Kementerian Pengangkutan sebagai pihak yang mengendalikan industri pengangkutan keseluruhan bagi negara ini boleh terangkan kepada saya dan juga kepada Dewan ini saya rasa, mungkinkah ada sebab-sebab tertentu yang akan menyusahkan dan menimbulkan masalah yang lain, kalau industri lumba kuda ini ada memberi geran kepada industri pengangkutan khusus kepada pengajaran pemanduan kenderaan-kenderaan berat. Dan tentulah saya rasa Kementerian Pengangkutan mesti ada minat untuk juga tanya apa kena-mengena ini, Tote Board dengan Akademi Latihan Memandu yang saya rasa ada kena-mengena pula dengan Kementerian Pengangkutan, kerana Kementerian Pengangkutan mengeluarkan, memberikan monopoli kepada ACE untuk mengendalikan pengajaran kepada pemandu-pemandu kenderaan berat.

Jadi kerana saya hanya membawa perkara ini, kerana bimbang adanya sebab-sebab yang tak sihat, kerana tentulah jumlah RM36 juta itu boleh menimbulkan tanda tanya. Bagi saya kalau RM36 juta itu, *is a lot of money* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dan saya harap bahawa Timbalan Menteri yang menjawab boleh memberi penjelasan sama ada pihak kementerian dari segi kredibilitinya tak pula terjejas dari segi mengendalikan industri pengangkutan negara dengan sistem monopoli yang dibawanya, ada pula hubung kait dengan mereka yang mengendalikan industri lumba kuda negara ini. Jadi ini dah menjadi macam cerita Hollywood, dari segi mafia, *horse racing* bagi duit kepada trak *drivers*, jadi ada kena-mengena ke ini? Apa pandangan dan pendirian Kementerian Pengangkutan sama ada ia mampu lagi untuk mengawal selia industri pengangkutan ini dalam keadaan dan senario yang menimbulkan banyak persoalan. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ipoh Barat.

4.04 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mula saya dengan sedih ingin memberitahu Parlimen bahawa kematian bekas Presiden Singapura Devan Nair. Dia bukan seorang yang *ordinary person*, dia pernah menjadi Ahli Parlimen bangsa Malaysia untuk satu tahun dan dia adalah seorang Setiausaha Agung pertama bagi DAP. Dan beliau juga merupakan Ahli Parlimen pertama untuk DAP, tetapi oleh kerana beberapa faktor, dia telah pergi ke Singapura dan masalah kita semua tahu selepas itu beliau telah pergi ke Kanada di mana dia telah meninggal dunia semalam. Saya ingin merekodkan mengenai perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bahas mengenai perkara ini, saya ingin bahas kerana saya sendiri adalah seorang *victim* dalam perkara ini. Saya ingin khusus dua perkara, satu, lebih kurang tiga tahun dulu Tuan Yang di-Pertua, mengenai pemindahan yang dibuat sekarang. Saya sampai ke KLIA lebih kurang pukul 11 malam dan selepas itu saya telah dihubungi oleh seorang pemandu teksi, tidak ada sesiapa di kaunter tersebut, mengatakan untuk saya mengambil teksi balik ke Ipoh, dia kata, "*There is available taxi*" dengan izin, katakan balik ke Ipoh RM250, memandangkan terlampau lambat, saya dan keluarga saya mengambil teksi tersebut. Tetapi sebelum saya mengambil teksi tersebut, saya tanya adakah teksi tersebut terus ke Ipoh? Dia cakap *no problem* dan teksi itu adalah satu teksi Mercedes.

Bila saya sudah naik, dan membayar wang tersebut, dia terus bawa saya ke Pudu Raya, sampai lebih kurang pukul 12.30 tengah malam. Lepas itu, dia suruh saya naik, dia ambil satu kenderaan yang baru, kenderaan Proton Saga, membawa beg-beg dan keluarga saya. Saya sampai macam tekanan, *that there were some form of pressure*, saya tidak dapat elak, saya sendiri terkena, dan bila saya tanya teksi pertama kenapa ada satu perubahan? Dia kata, "*This is how we work*", kalau mahu you ambil, kalau tak mahu you boleh keluar, tapi wang saya sudah diambil, itu kali pertama.

Kali kedua, Februari ini, saya balik dari luar negara, saya ada di sana. Kali ini saya pandai sedikit, saya tak mahu hubungi sesiapa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dulu tak pandai? Sebelum ini tak pandai?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dulu tak cukup makan, tak pandai tu. Itu lebih kurang enam bulan dulu Tuan Yang di-Pertua, tiba-tiba datang juga seorang, bukan dengan saya dengan kawan saya. Saya kata, "Jangan, *don't entertain*", dia bawa, sebelah dia cakap, "Okey, you boleh ambil teksi terus ke Ipoh RM250". Saya kata, "Saya tak mahu naik", saya tak kena-mengena dengan kawan saya. Semasa transaksi itu berlaku ada seorang pegawai yang datang, pegawai polislah, Sarjan datang dan terus lepas itu berjumpa dengan kawan saya. Dia kata, "Adakah kamu ingin mengambil teksi *private*", dia kata, "Ya, boleh you cam dia", dia cakap, "Boleh". Sementara itu orang yang kenali itu, dia sudah tahu mengenai perkara itu, dia lari.

Jadi lepas itu saya cakap dengan Sarjan tersebut, dia kata perkara macam ini selalu berlaku dan mereka boleh menyamar dan dapat menipu dan saya hairan apa dia beritahu, bukan sahaja dia akan terima wang tersebut tetapi dalam proses perjalanan dia akan tanya lebih wang, macam satu ugutan. Walaupun ada bas-bas tersebut, dan saya rasa satu di antara perkara ini adalah kekurangan pegawai-pegawai yang pintar dalam hal ini. Saya rasa ini bukan satu perkara yang aneh, macam di Pudu Raya, hari-hari di mana-mana *bus station* perkara ini wujud juga. Jadi pemindaan saya ingat patut, tetapi saya rasalah walaupun ada undang-undang pemindaan, ada mental *change, mindset* yang baru, tetapi ini tidak akan membawa apa-apa perubahan. Kalau tidak ada pegawai-pegawai yang betul-betul bekerja, berminat dan kerja apa yang membawa undang-undang baru ini.

Saya katakan sedemikian kerana, walaupun kita semua tahu sekarang kekurangan pegawai polis, kenapa JPJ tidak mengambil alih banyak di antara tugas-tugas yang boleh dibuat di beberapa peruntukan di Road Transport Act, dia ada kuasa tetapi dia selalu menggunakan, adakan *road block* dan kita tahulah ramai di antara kata, dia menjalankan bukan tugas untuk memastikan sesuatu yang kena pada undang-undang tetapi untuk perkara yang lain, itu yang kita khuatir. Dan saya harap siapa-siapa akan mengimplementasikan perkara ini. Adakah pihak JPJ sendiri, adakah kementerian sendiri atau akan terpulung kepada pegawai polis?

Lagi satu, walaupun ada pegawai-pegawai, saya harap pegawai-pegawai itu fasih dalam bukan sahaja Bahasa Malaysia tetapi bahasa lain, bahasa Cina, bahasa Tamil atau bahasa Inggeris sekurang-kurangnya. Kerana kerap kali orang-orang yang datang adalah dari luar negara, yang terperangkap. Mereka banyak pandai Tuan Yang di-Pertua, *touting* ini terlampau pandai dan banyak kali dia ada kena-mengena dengan orang dalaman. Dia tahu siapa itu yang ada dengan uniform dan yang ada yang tidak dengan uniform.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bas-bas yang dikatakan oleh kawan saya dari Sekinchan, saya setuju. Kita semua tahu bas-bas terlibat tetapi di belakang bas itu ada tulis you

boleh SMS LPKP, beberapa kali perkara ini telah dibangkitkan oleh surat khabar, dia kata dia SMS, tiada jawapan langsung, apa yang terjadi? Kenapa kita adakan satu *address* SMS tetapi tidak ada jawapan? Apakah yang dapat diberitahu oleh Timbalan Menteri bahawa kalau tidak, kalau LPKP tidak menjawab bolehkah Timbalan Menteri sendiri memberi SMS, nombor supaya dia dapat menjawab. Kita baca dalam surat khabar, saya banyak kali sudah baca mengenai perkara ini, saya harap tindakan diambil mengenai perkara itu.

Dan sebagai akhir, saya tahu Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak, tak, saya hanya tegur Yang Berhormat kata SMS tak jawab, minta Timbalan Menteri jawab. Yang Berhormat, ini bukan Kementerian Pengangkutan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan, kawal selia, saya rasa

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Berlainan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan satu perkara, saya merasakan ini berkaitan dengan kerajaan, *we want that kind of high standard*. Dan lagi satu Tuan Yang di-Pertua, di mana seperti Johor Bahru bangkit, Lembaga Total Malaysia, saya tahun dulu telah membangkitkan perkara ini. Saya dapat jawapan bertulis, di tahun dulu berjuta-juta ringgit dibayar untuk Formula One, saya bangkitkan perkara itu juga. Kenapa kita perlu agihkan, membenarkan lembaga ini mengagihkan berjuta-juta ringgit untuk Formula One. Dan adakah ia dengan izin, *within the meaning of sports* dalam hal ini. Kerana kalau betul-betul *equestrian* yang ia terlibat saya rasa ini tidak benarlah.

Saya tahun dulu pun saya dah beritahu, saya sendiri ada nampak satu surat *original* yang ditulis oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman kepada lembaga ini pada tahun 1964, mengatakan bahawa mereka ini sangat cuai, badan ini sangat cuai dan juga menyeleweng dari apa yang ia ditubuhkan untuknya, *the original purpose is not being followed*. Dan saya difahamkan baru-baru ini satu Timbalan Menteri telah menggunakan RM1 juta dari ini dan pergi ke Greece dan Turki. Kerana dia orang kuat yang berkaitan dengan kementerian ini, saya harap pegawai-pegawai yang berkenaan akan mengambil perhatian. Wang ini yang dikatakan untuk guna pakai untuk *sport*, saya rasa yang lebih mustahak adalah untuk *handicap* dan sebagainya, yang kurang. Saya hairanlah hanya memberi untuk Yayasan Sultan Idris Shah di Ipoh, hanya RM50 ribu walhal untuk satu, *one of the best school* di seluruh Perak Tuan Yang di-Pertua. *National Academy of Motor Sport* lebih daripada RM36 juta.

Dato' Liow Tiong Lai [Bentong]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apa yang disentuh oleh Yang Berhormat adalah terkeluar dari perkara yang kita bincang dalam rang undang-undang ini, jadi tidak perlu buang masalah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya setuju tak perlu buang masa tapi adakah Yang Berhormat baca ini, berkaitanlah dengan kementerian. Motor *sport* kalau tidak ada berkaitan saya tak akan bangkit, tetapi bukan kata kita nak cakap hanya isu tulang sahaja, mahu

campur sikit isi baru ada daging, baru *you can bite something*, lebih sedaplah. Jadi ini adalah satu di antaranya, saya rasa *there must be really proactive action* Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini sangat kurangnya.

Saya ada beberapa perkara yang lain yang ingin saya bangkit, tetapi mungkin dalam Jawatankuasa saya akan bangkit dan sebagai akhir Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya kepada Timbalan Menteri, walaupun ini satu perubahan, saya semasa dasar dan *committee stage* telah membangkitkan beberapa peruntukan yang perlu diubah dengan segera, di antaranya adalah *compulsory passenger liability*.

Di Singapura 15 tahun dulu telah diubah seksyen tersebut, Seksyen 66 (3)(4) dan sebagainya. Tetapi Malaysia tidak mengikut, ramai di antara pemandu-pemandu yang cuai Tuan Yang di-Pertua. Di mana *passenger-passenger* dianiayai, tidak ada apa-apa pampasan, *paralyzed, injured*, ini adalah satu di antara perkara yang saya harap perhatian akan diambil dan tindakan susulan akan dibuat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Santubong.

4.15 ptg.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Bidang ini memang saya minat dan bidang yang pernah saya ceburi. Tujuh tahun jadi OC Trafik, 7 tahun daripada Ahli Jawatankuasa *Road Safety Council* Sarawak dan *Road Safety Council* Malaysia dan juga Pengerusi Lembaga Pelesenan, jadi bukanlah pakar tetapi mengetahui.

Pertama saya mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana membawa undang-undang ini tetapi dalam masa yang sama, saya rasa kecewa apabila saya melihat Rang Undang-undang ini semalam bahawa hanya soalan *tout* ini sahaja saya menggunakan *words tout* kerana tidak selesa menggunakan ulat-ulat. *Tout* ini sebagai satu itu sahaja yang dibawa. Saya berpendapat undang-undang pengangkutan Malaysia sepatutnya di *overhaul* secara menyeluruh dan saya pernah menulis surat kepada kementerian ini, surat saya ini [*Mengangkat salinan surat berkenaan*].

Timbalan Menteri ada minta tetapi saya lupa *print* jadi saya suruh *print* di pejabat Back Banchers.. Tidak banyak cuma ada beberapa muka surat sahaja. Saya tidak tahulah sama ada dibaca ataupun tidak, saya sebut dalam peringkat Jawatankuasa tetapi saya tidak dengar jawapan. Saya berpendapat bahawa Undang-undang Pengangkutan Jalan ini patutnya di *overhaul* dan dilihat secara menyeluruh malah secara teliti untuk melihat apa yang perlu kita *revamp* dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada apa yang telah dibangkitkan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat tadi iaitu apabila satu *road block* diadakan oleh pihak berkuasa, terdapat ada lori berhenti mungkin setengah kilometer jauh daripada *road block*. Lori berkenaan

telah melakukan kesalahan tetapi oleh kerana tidak dijumpai di *road block* maka ia didapati tidak menjadi satu kesalahan kata pandangan ini. Tetapi Yang Berhormat saya pernah mempersoalkan dalam Dewan ini, kalau kita lihat definisi *a person controlling the vehicle* pada ketika itu siapa? Definisi undang-undang *road traffic* ini, *who is the driver? Is the man who is in control of the motor vehicle* pada ketika itu.

Ada definisi-definisi yang tertentu yang boleh dikaitkan bahawa apabila saya memandu, kereta saya letakkan kereta di situ, saya lari ke tempat lain dan polis terjumpa kereta saya, apa kesalahan yang saya telah lakukan di ketika itu saya masih *in control of my vehicle*. Maksudnya saya boleh dituduh di bawah undang-undang tetapi malangnya pegawai kita bukan di atas yang di peringkat bawah, yang mengamalkan undang-undang ini di peringkat bawah. Tidak mengetahui undang-undang *road traffic* secara menyeluruh, secara mendalam dan tidak boleh melaksanakan hakikat undang-undang itu sendiri. Ini masalahnya, itu yang pertama jadi oleh kerana ada sedikit samar-samar daripada segi definisi ini, kita sepatutnya membuatnya lebih jelas lagi. Itulah kenapa maka undang-undang ini patut dipinda secara menyeluruh.

Yang kedua, Seksyen 69 - saya telah menulis surat 5, 6 kali kepada kementerian, jawapan tidak ada. Saya buat debat dalam Dewan ini soalan Seksyen 69 soalan *authority* buat *signboard*. Di bawah undang-undang itu tidak ada pun satu perkataan mengatakan Jalan Federal, Jalan Persekutuan atau Jalan Ekspres. Seksyen 69 menyatakan kategori jalan-jalan ini di Malaysia, ternyata tidak ada kata Jalan Ekspres, jalan kampung, jalan ini, jalan itu dan siapa *the regulating authority* atas jalan ini? Menteri Pengangkutan tetapi JKR buat, Majlis Tempatan buat, semua orang buat.

Soalannya *legalkah* ini? Bolehkah dilaksana undang-undang ini? Pernah berlaku di Sarawak, polis tidak mahu melaksanakan kalau *signboard* menunjukkan kurang daripada 90 dia tidak hendak laksanakan, tidak tangkap orang semua tidak boleh sebab apabila dicabar di mahkamah didapati bahawa *signboard* yang diletak oleh JKR, yang dibuat oleh pihak Majlis Bandaran, dibuat oleh Majlis Tempatan adalah tidak konsisten dengan *provision* Seksyen 69.

Persoalannya kenapa Seksyen 49 di *concentrate over sentry power* itu kepada kementerian. Apabila saya mempersoalkan apabila kereta saya ditahan di kawasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada satu jalan 90 lepas itu, jadi 60 sahaja kita *crawl* jadi *driver* kadang-kadang kurang faham sebab *sign* kurang jelas, ditahan polis. Dia tulis surat kata *under what authority you charge the driver?* Di bawah undang-undang mengatakan semua jalan di Malaysia mestilah 90 kilometer tidak ada kata lebih ataupun kurang. *My* kereta jalan 90, kenapa di saman? Dia kata "Oh tempat ini 60 kilometer" saya tanya "Siapa buat *signboard?*" Kata polis "Pangkat ini ada gelaran doktor lagi" Timbalan Pesuruhjaya Polis Sarawak kata *this is not my concern, my concern is to enforce the law, there is no law one law you want to enforce*. Ini menunjukkan *Deputy Commissioner* tidak tahu undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua kita kena lihat benda yang kita laksana ini, kepada yang tahu dia boleh mengelak, kepada yang tidak tahu multi *victim* sistem dan *victim* undang-undang yang kita laksanakan. Inilah keadaan undang-undang yang belum diperbaiki, bila tahun 1987 dahulu perundangan *road traffic* ini dilaksanakan, membubarkan undang-undang Sarawak, membubarkan undang-undang Sabah dan akhirnya membubarkan undang-undang Semenanjung Malaysia dicantumkan di bawah satu undang-undang *Road Traffic Act 1987*. Itulah menjadi perundangan kita, mungkin di *rush through* undang-undang itu, macam mana undang-undang ini di *rush through* juga. Saya bermohonlah kepada pihak kementerian dalam keadaan kesalahan masalah di jalan raya sekarang saya minta *road traffic* ini di *review* secara menyeluruh.

Bertanya dengan orang yang memahami, mengetahui, saya boleh mengatakan di antara pegawai-pegawai, siapa yang banyak mempunyai pengalaman dalam bidang ini? Kalau banding dengan saya tidak ada Tuan Yang di-Pertua, saya soalan undang-undang saya mengamalkan undang-undang 20 tahun lebih. Saya dalam *road traffic* 7 tahun, *Road Safety Council* 7 tahun pengalaman saya, lebih daripada orang lain. Bukan hendak sebutlah dan berbalik kita kepada pindaan ini, dalam pindaan ini soalan *tout* ini tadi. Kalau pada saya Tuan Yang di-Pertua, saya buat satu lagi *paragraph*, *tout* ini satu dia *tout* bawa orang kepada kereta sewa, kepada teksi dan kepada bas yang halal operatornya. Itu *tout* juga tetapi *tout* macam mana kalau satu *tout* lagi dia bawa kepada kereta yang haram, itu *more serious* sebab dia membawakan kepada kereta yang operatornya haram.

Akibatnya kalau kereta haram kemudian masuk dalam kereta haram iaitu sebagai kereta sapu, terlibat dengan kemalangan maka berbangkitlah tidak ada perlindungan insurans. Sepatutnya *touting* ini patut diadakan dua *paragraph*, satu yang *tout* sebagai agen kepada orang yang operatornya halal, yang satu *tout* operatornya tidak halal tidak dibenarkan oleh undang-undang dan satu lagi *tout* untuk dia sendiri macam mana yang kebanyakan berlaku di KLIA.

Saya tahu di KLIA sebab saya sebagai pengguna teksi KLIA sudah 16 tahun memang mengetahui, tambang *limousine* ekonomi RM69, *limousine premier* RM92 kalau tidak salah tetapi teksi biasa RM59, lebih murah lagi. Teksi biasa RM59 tetapi orang yang ambil ini *tout*, saya kata saya ini pemandu teksi lepas itu kita masuk dalam teksi, teksi disimpan dekat *car park* yang multi *level car park* itu disimpan dekat sana.

Kita ikut dia masuk dalam teksi dia *there is nothing wrong with it*, sebelum undang-undang ini dilaksanakan *there is nothing wrong with it* dengan izin. Kita ikut dia masuk teksi *he is a taxi operator* tetapi tambang RM59 dia untung RM10.

Berbalik kepada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Johor Bahru. Yang Berhormat bagi Johor Bahru kata memang saya setuju *hectic market this in monopoly*. Satu syarikat besar, duit banyak mungkin naik helikopter turun main golf sebab *limo* dia banyak. Lepas itu dia *limit the number economic limousine* supaya orang naik *premier limousine*, dia kata

tidak ada sebenarnya telefon yang dia panggil itu tidak buat *limousine* dekat bawah dia tidak telefon sebab dia hendak paksa *premier limousine* ini diguna. Tetapi teksi biasa tidak boleh masuk, sementara teksi sudah hantar *passanger* ini balik kosong, dia tambang RM59, kurang RM10 jadi kita kena lihat semula kenapa kita biarkan monopoli besar-besaran ini *operating limo* di KLIA.

Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]: *[Bangun]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya mendengar ulasan daripada Yang Berhormat bagi Larut mengatakan kalau dibiarkan teksi, dibiarkan kereta sewa dibiarkan dia orang ini, *there will be chaos*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kemaman dan Yang Berhormat Tangga Batu, dua.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya bagi, minta maaf ya bagi Yang Berhormat Kemaman dahulu. Jarang-jarang berdiri Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong, saya begitu tertarik dengan pandangan Yang Berhormat bagi Santubong tadi tentang soal monopoli ini.

Saya ingin tahu sebab Yang Berhormat bagi Santubong ini banyak pengalaman dan banyak berjalan seluruh dunia juga dan sudah tentulah pengalaman beliau itu beliau melihat ada pengalaman dari segi naik teksi di *airport* ataupun lapangan terbang di negara-negara lain selain daripada KLIA. Di negara-negara lain tidak ada sistem teksi khas untuk *airport* sahaja sebab setahu saya tempat lain tidak ada macam itu. Kalau pergi ke Singapura umpamanya atau pergi ke tempat-tempat lain biasanya teksi digunakan orang untuk pergi ke *airport* cumanya *airport* mungkin bagi *surcharge* sedikit untuk pengurusan pengaturan di sana. Teksi ini boleh mengambil orang di mana-mana tempat kecuali tempat yang ada *limousine* khas tetapi tidaklah dikatakan teksi yang datang daripada bandar ini tidak boleh langsung mengambil penumpang di *airport* masing-masing.

Saya ingin tahu Yang Berhormat, sistem yang kita buat ini monopoli diberikan kepada syarikat yang tertentu itu selain daripada Malaysia negara mana lagi Yang Berhormat pernah tengok.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya ini selalu dipermain-mainkan surat khabarlah sebab saya selalu sebut di mana tempat yang saya pergi. Saya pergi Rusia tidak tengok pun memang Rusia pun tidak buat oleh kerana negara komunis, bekas komunis yang belum tahu mengamalkan kapitalis punya praktis.

Saya sudah pergi ke *Nordic Countries* sekurang-kurangnya 4 *Nordic countries* yang mana ada *limousine* menggunakan Volvo, menggunakan Mercedes dan sebagainya macam di Finland, Sweeden, Denmark dan begitu juga kalau di Holland. Saya juga pernah pergi ke Poland

asal negara komunis juga tidak mempunyai amalan sedemikian. Tetapi negara kapitalis seperti England ataupun Amerika khususnya, baru pun balik daripada Amerika di LA *Airport* tidak ada, di Dallas *Airport* tidak ada di Miami *Airport* tidak ada dan di New York *Airport* pun tidak ada menggunakan sistem tiket ini. Pengalaman semasa lawatan saya di Asia pun tidak mempunyai amalan-amalan sedemikian. Saya sudah pergi Yogyakarta, Jakarta, Pontianak, termasuk badnar-bandar kecil mahupun yang besar-besar seperti di Philipines seperti Manila, Bagio Sibvano atau pun Sibu kata orang pun tidak mengamalkan amalan sebagaimana yang kita buat di Kuala Lumpur *International Airport*.

Itulah saya masih menjadi satu tanda tanya kenapa kita *create monopoly* yang mana *market* nya *very captive market, low critic market* kepada semua operator. Itulah amalan ini menjadi, menarik minat kepada operator-operator teksi individu, yang mendapat untung ialah dari syarikat yang besar, yang rugi ialah individu-individu *taxi operator* yang tidak dapat mendapat *business* daripada *lucrative* dan *captive market* di KLIA.

Saya bertanyalah sama ada Yang Berhormat hendak berbincang dengan kementerian kawasan pembangunan usahawan, soalan monopoli ini supaya diatasi masalah ini bukan daripada segi undang-undang sahaja tetapi juga dari segi sosialnya, kenapa perkara ini berlaku? Di Kuching tidak berlaku, Bintulu tidak ada, Miri tidak ada, Sibu tidak ada, jadi saya sebelum tanya lain.....

Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]: Tambah sikit lagi soalan. Bila Yang Berhormat Santubong sebutkan negara lain tidak ada, sudah tentulah negara lain tidak ada undang-undang anti-touting yang macam kita buat ini di airport masing-masing. Kita tidak pasti tentang perkara itu. Tetapi disebutkan tadi bahawa pada dasarnya dilihat bahawa undang-undang ini hendak melindungi pengguna - melindungi pengguna belum tahu kerana sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, pengguna masih pergi kepada 'tout' ini kerana menawarkan harga yang lebih murah, teksi 'tout' lebih murah daripada teksi yang dikatakan rasmi. Sekarang ini ada undang-undang di mana 'tout' tak boleh beroperasi, semua orang pergi guna teksi rasmi yang lebih mahal. Apakah kemungkinan orang tafsirkan, kita seluruh Ahli Parlimen ini berbincang untuk meluluskan undang-undang bagi bukan melindungi pengguna, tetapi melindungi kepentingan syarikat tertentu. Kita yang duduk semua ini, seolah-olah orang fikir diperalatkan oleh syarikat yang tertentu yang mendapat keuntungan, mendapat lesen, mendapat monopoli dan mereka ingin pastikan keuntungan mereka terjamin dan kita bersidang, sampai malam ke apa untuk melindungi mereka. Boleh atau tidak kemungkinan orang mentafsirkan begitu, Yang Berhormat?.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Yang Berhormat, sedikit daripadanya betul, tetapi undang-undang ini bukanlah dikhususkan untuk KLIA, undang-undang ini dikhususkan untuk apa saja situasi di mana-mana saya yang berlaku, di pekan, di Pudu Raya, di Koo Hoon Yen Street di Kuching, atau pun di *Market Street* di Bintulu dan juga, apa lagi nama

tempat di seluruh Malaysia ini, berlakunya 'outing' yang mana orang ambil individu mengikut perkataan undang-undang mengatakan menggesa atau pun menawar kepada mana-mana kereta. Jadi, undang-undang ini terpakai di seluruh negara maknanya termasuk KLIA. Ha, ini dia, jadi tidaklah saya boleh menginterpretasikan sebagai mengkhususkan kepada mereka yang di KLIA saja. Okey, Yang Berhormat. Tunggu dulu, Yang Berhormat, ini ada satu,

Yang Berhormat Tangga Batu, Jasin, Sekijang: [*Bangun*].

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Ada kaitan

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tak, tak, walau pun berkaitan Yang Berhormat, kita kena adil dengan kawan di belakang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Tangga Batu, sila.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Itu sebagai bukti mengamalkan undang-undang selama 20 tahun, adil dan saksama. Yang Berhormat bagi Santubong, saya pun sebenarnya bangga jugalah, kerana dilindungi oleh undang-undang selama 38 tahun, insya-Allah.

Yang Berhormat bagi Santubong, saya hendak mencelah ketika Yang Berhormat menyebut tentang undang-undang serta peraturan yang diperkenalkan ini mestilah komprehensif mungkin, komprehensif mungkin, maknanya seberapa boleh untuk melindungi pengguna-pengguna dan juga mereka yang terlibat secara langsung di dalam perniagaan ini.

Yang Berhormat Santubong, sebelum saya masuk tadi, saya mendapat satu SMS yang mengatakan ada sekumpulan teraniaya daripada undang-undang yang bakal digubal ini dan kumpulan ini adalah kumpulan pemilik teksi, kereta sewa berdaftar di seluruh negara yang mana pada hari ini mereka diizinkan untuk beroperasi di seluruh negara tetapi apabila peraturan atau undang-undang ini diperkenalkan nanti, mereka telah mempunyai zon-zon larangan umpamanya di kawasan-kawasan seperti *airport-airport*, KLIA ini untuk mengambil penumpang, menghantar boleh, tapi nak menghantar penumpang.

Masalahnya Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat boleh memberi ulasan yang lebih lanjut, mereka ini telah mempunyai konteks, telah mempunyai hubungan dengan penumpang-penumpang yang datang daripada luar negara dan sebagainya, yang tidak mahu perkhidmatan daripada orang lain dalam konteks mengangkut mereka dari satu tempat ke tempat yang lain. Jadi, ini sedikit sebanyak juga menjejaskan pendapatan mereka, di mana kita bagi mereka lesen dan dalam satu tangan yang lain kita menarik kebenaran ini sedikit-sedikit. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Okay, Yang Berhormat. Saya berminatlah dengan soalan Yang Berhormat itu, tapi Yang Berhormat sebenarnya tidak. Undang-undang ini tidak menghalang teksi-teksi operator dan kereta-kereta sewa operator, daripada apa yang mereka telah buat selama ini. Halangan itu memang telah wujud lama, kereta

sewa dan teksi tidak boleh mengangkat *passengers* dari KLIA balik ke bandar, itu saja masalahnya.

Ha, tunggu-tunggu Yang Berhormat, itu saja masalahnya. Hanya yang tidak dibolehkan di sini adalah pemandu teksi individu ini dan kereta sewa individu ini pergi ke *Arrival Terminal*, menunggu orang dan beri tahu *the availability* kereta sewa dan kereta teksi dia di bawah itu, untuk di....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua lagi di belakang dua orang tu.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tunggu-tunggu, Yang Berhormat tunggu dulu. Memang tidak ada. Halangan memang sudah dibuat lama dah. Undang-undang ini hanya memberi kuasa siapa yang menggesa, mana-mana orang yang datang masuk ke KLIA, memasuki teksi dia yang tersorok di bawah *car park* itu. Itu yang tidak dibolehkan. Jadi, tidak kebolehan ini, satu perundangan, undang-undang bawa *passengers* itu boleh Yang Berhormat, masih boleh, yang tidak dibolehkan ini menggesa orang masuk. Jadi, persoalannya yang dibangkit dalam konteks Yang Berhormat punya soalan, kalau saya, ada dua tiga orang Yang Berhormat di sini menggunakan perkhidmatan teksi, dia turun naik KLIA, dia hantar balik. Bila Yang Berhormat itu datang *taxi driver* ini sudah tunggu dia dah, itu saya *quote*. Dalam keadaan sedemikian, saya cukup yakin undang-undang ini tidak akan mengena orang sedemikian, Yang Berhormat. Kalau dia mengena orang sedemikian, saya cabar dia jumpa Peguam, *challenge kes in court*.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Untuk makluman Yang Berhormat, panggilan yang saya dapat itu adalah orang yang terkena seperti mana yang saya sebut tadi.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Orang yang sedemikian bolehlah ambil Peguam supaya keadilan boleh dilaksanakan. Yang Berhormat, sila.

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih sahabat saya dari Santubong, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak berbalik tadi, hendak minta pendapat daripada Yang Berhormat bagi Santubong tentang harga *touting* teksi ini lebih murah daripada perkhidmatan yang disediakan. Daripada pengalaman saya yang mengendalikan ini, kita dapati bahawa *touting* ini dia punya harga contohnya daripada *airport* ke Kuala Lumpur lebih kurang bajetnya RM60 menggunakan Wira contohnya, kemudian kalau *tout* ini dia mengenakan tambang RM75, kemudian sudahlah RM75, kereta yang digunakan adalah kereta yang tahun 1981, 1982. Jadi, saya nak minta pendapat Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya minta maaflah Yang Berhormat, saya terpaksa berterus terang. Dua perkara Yang Berhormat, satu *touting*. *Touting* ini orang, macam saya ini, bila jumpa Timbalan Menteri, "Encik, saya nak bawak encik, ada satu kereta di belakang". Jadi saya bawa dia, dia ikut saya, serah dia dengan kereta ini dan masuk dalam kereta itu, saya ini *touting*. Yang Berhormat, *you confused* dengan teksi yang tidak

ada lesen, dua perkara. *One is*, yang bawa *passengers* daripada lapangan terbang bawa ke tempat kereta itu *tout*, yang masuk kereta, drive kereta, bawa *passengers* tak ada lesen *is illegal operator*, *two things*. Jadi jangan *confused illegal operator* dengan *touting*. Jadi, saya hendak ulas hujah Yang Berhormat tadi. Baca semula Lembaga Pelesenan punya perundangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Ada undang-undang mengatakan penyitaan kereta yang digunakan sebagai *illegal operator*. Kalau hendak menggunakan kereta sebagai *illegal operator* di bawah undang-undang lembaga pelesenan ada kuasa untuk menyita. Tapi masalahnya, *the enforcement* undang-undang itu adalah *cumbersome*, susah cari bukti. Itu saja masalah dia. Itulah sebab Polis dan JPJ susah melaksana. Tapi kalau dia baca buku nama *Wilkinson On Road Traffic Offences*, dia boleh cari macam mana hendak buat. Saya buat - dulu, lebih dua puluh lebih tahun dulu. Sila Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Bera.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih. Yang Berhormat, kalau kita lihat *tout* atau pun ejen ini wujud kerana mereka menjadi ejen kepada teksi-teksi yang tidak dibenarkan berpangkalan di *airport*. *That's why*, timbul. Saya juga setuju dengan Yang Berhormat bagi Kemaman tadi bahawa kita saja yang memberi monopoli kepada sebuah syarikat mengendalikan teksi. Di negara jiran, Singapura tidak ada, di Bangkok pun tidak ada. Cuma kita saja yang ada dan jika undang-undang ini diluluskan tidakkah terfikir oleh kita bahawa rakyat menganggap kita tidak berlaku adil kepada pemandu-pemandu teksi yang membantu negara mengambil penumpang-penumpang untuk ke *airport* tadi. Teksi yang membawa penumpang ke *airport* akan balik kosong. Kita mesti fikir perkara ini, dia hantar penumpang balik kosong. Katakan dari Kuala Lumpur dia bawa ke *airport* KLIA, balik kosong. Jadi, mereka tidak ada pilihan untuk tidak rugi, mereka terpaksa mencari penumpang dan mereka menggunakan ejen.

Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju, kita mesti cari punca masalah. Punca masalahnya ialah kerana tidak berpangkalan. Mengapa tidak kalau, walau pun ada *limo*, kita benarkan pihak MAB misalnya, benarkan teksi biasa berpangkalan di *airport* dan kita lebih mesra pengguna, sebab pengguna ada pilihan, pengguna yang hendak naik *airport limo* yang lima bintang, boleh naik *airport limo*, pengguna yang hendak menggunakan ERL boleh gunakan ERL dan pengguna yang hendak menggunakan teksi yang harga RM40 tahun 1981, gunakan tahun 1981, bermakna kita mesra pengguna memberi kebenaran kepada pengguna. Jadi, yang kita hendak tengok adalah punca kepada masalah. Kita tidak berlaku seperti dulu-dulu, kita robohkan rumah setinggan kerana mereka bersetinggan dalam masa yang sama tidak wujudkan rumah pilihan untuk mereka pindah baru kita robohkan. Kita kira tidak boleh kerana salah di segi undang-undang - roboh. Hendak duduk di mana itu terpulang kepada mereka. Itu sudah

dianggap tidak mesra rakyat. Jadi, oleh kerana kita mesra rakyat. Kita sepatutnya melihat dari segi kepentingan pengguna.

Yang kedua, dari segi pemilik-pemilik teksi yang rata-rata terdiri dari golongan-golongan miskin dan kita mesti beri peluang kepada mereka, sebab itu saya fikir, yang pertamanya kalau setuju cadangan kita benarkan ada pangkalan atau pun yang kedua, dengan bantuan LPKP membenarkan teksi-teksi daripada bandar dan sebagainya mengenakan sewa pergi balik kepada penumpang-penumpang yang dibawa daripada Kuala Lumpur, dengan itu mereka tak perlu cari penumpang di *airport* lagi.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Ya, saya bersetuju, kita mempunyai satu sistem yang teksi daripada bandar Kuala Lumpur pergi ke *airport* dan dia balik memang hakikatnya kosong, tetapi dalam masa yang sama, *limousine* daripada *airport* pergi ke bandar Kuala Lumpur dia balik ke *airport* juga hakikatnya ialah kosong, melainkan kita benarkan juga, *limousine* ini selepas dia menghantar *passengers* ke bandar dibenarkan mengambil *passengers* daripada hotel-hotel dan tempat-tempat di bandar, kalau sistem itu dilaksanakan, barulah dia boleh dibuka seterusnya dan ia akan mengendalikan semua pihak yang terlibat dengan industri teksi dan *limousine* ini,

Tetapi persoalannya melarang teksi ini beroperasi dan membawa *passenger* balik daripada *airport*, saya kurang bersetuju. Tetapi kita boleh mengatasi masalah *tout* ini, bukan menerusi undang-undang tetapi menerusi pentadbiran dan *arrangement* yang *friendly*, yang baik kepada semua dan menguntungkan semua pihak. Sila Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Santubong yang bijaksana, yang banyak pengalaman. Kita, permasalahan yang kita hadapi pada hari ini, sedar atau tidak Yang Berhormat bagi Sanbutong bahawa setakat hari ini, kita tidak ada satu dasar pengangkutan negara. Kadangkala *tout* ini yang ada, kerana ada pelanggannya. Teksi dikeluarkan lesen oleh LPKP ikut suka sahaja. Selagi ada orang hendak minta teksi, keluar. Akhirnya, orang teksi yang ada teksi tidak boleh cari makan. Itulah sebabnya kalau teksi daripada Kuala Lumpur pergi ke KLIA menghantar *passenger*, inilah peluang dia kerana sudah pergi ke KLIA, RM60 Tuan Yang di-Pertua. Kalau balik itu jangan kata RM70, dapat RM50 pun alhamdulillahlah pada dia. Sewa teksi RM40, duit minyak RM20, dia ada 'cun' bagi, ada itu. Ini kerana dia terlampau banyak.

Masalah dia sekarang sudah sampai masa dan ketika dia, kerajaan dan Kementerian Pengangkutan, kita kena ada dasar pengangkutan negara. Ini masalah *tout*, buat undang-undang. Ini besok kita akan menghadapi lori-lori daripada Thailand masuk ke Malaysia. Kita akan menghadapi lori-lori daripada Singapura masuk ke Malaysia, boleh suka-suka hati menghantar barang. Di mana dasar kita? Di mana dasar kita? Kalau Yang Berhormat bagi Santubong yang bijaksana, yang banyak pengalaman, setujukah tidak daripada segi itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Kita kena *settle once and for all* masalah-masalah ini dengan wujudnya dasar pengangkutan negara untuk kita bilangan yang terhad untuk bas ekspres, bilangan yang terhad untuk lori-lori dan bilangan terhad tertentu untuk teksi-teksi supaya semua orang boleh cari makan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Santubong, ada panjang lagikah Yang Berhormat? Kalau boleh.....

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya bersetujulah kita, Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ringkaskanlah kalau boleh, ya.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetujulah memang kita perlu dalam soal mengatasi masalah pengangkutan di negara ini, kita jangan melihat hanya apa yang telah dihadapi oleh Kuala Lumpur. Bahkan, pernah saya berhujah di Dewan ini beberapa kali, kita melihat bandar-bandar baru yang membangun pada ketika awal tahun 90-an, saya pernah menyebut bandar macam Ipoh, Johor Bahru, Kuching.

Saya kata, kita lihat bandar ini, kita pelan daripada awal, *multiple transport system* yang mana di penghujung stesen kereta api dia, ada tempat simpanan kereta ataupun pilihan teksi dan itu. Kita lihat bandar-bandar lain, dia buat macam ini. Saya melihat di Denmark dia buat macam itu. Saya seminggu duduk di Stockholm semasa saya pergi ke Norway.

Saya melihat dia buat macam ini, di hujung stesen kereta api dia, ada tempat menyimpan teksi, simpan kereta, bas, *private cars* dan sebagainya. Ini menjadi penyambungan. Bila orang keluar daripada situ, ada sahajalah kereta di tempat simpanan, jadi *study* mesti dibuat. Negeri Sarawak sedang membuat penyelidikan untuk melaksanakan satu dasar yang mungkin akan boleh menjadi satu model pada suatu ketika nanti kalau dilaksanakan dengan sempurna. Dalam hubungan kita melaksanakan satu dasar dari peringkat kecil, Kuala Lumpur telah *grow into metropolitan city* dan mungkin kita mendapat masalah ini akan berterusan dalam masa yang panjang.

Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]: Sikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua, sikit sahaja. Tadi kita tidak selesai tentang soal perlindungan kepada pengguna tadi. Saya beri fokus kepada KLIA kita. Jarak KLIA itu terlalu jauh. Ia menjadikan penambahan kos yang tinggi, bukan

sahaja orang naik kapal terbang, kos kapal terbang yang semakin meningkat harga tiket dan sebagainya. Tetapi kos yang kedua ialah masa kerana mengambil masa yang lama dan kos yang ketiga ialah pengangkutan. Apa pun pengangkutan sekarang ini daripada KLIA, datang ke bandar semuanya mahal. Teksi mahal, ERL pilihan tetapi seorang boleh. Kalau satu keluarga sudah tidak praktikal untuk ambil ERL.

Maka, orang pergi kepada teksi. Sekarang ini *tout* kita hapuskan, tidak ada pilihan lain kerana sistem monopoli ini adalah antara sistem yang paling tidak baik sebab saya sudah beritahu, tanya persoalan awal tadi, tidak ada dalam dunia sekarang yang menggunakan sistem monopoli yang macam ini.

Sekarang ini *tout* sudah tidak ada, diharamkan. Pilihan lain tidak ada melainkan terpaksa mengambil teksi terutama orang yang berkeluarga atau lebih daripada dua orang, mesti ambil teksi. Apa jaminan selepas ini, teksi yang telah dimonopolikan tadi tidak menaikkan pula tambangnya? Kalau dia naikkan tambang dia, apa pilihannya dan apakah kita tidak rasa bertanggungjawab kerana dalam kesempatan undang-undang dibuat, kita tidak memikirkan suatu jalan hapuskan *tout* tetapi hapuskan juga monopoli. Di mana peranan kita di sini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya sebenarnya tidak mengulas Yang Berhormat soalan Yang Berhormat, sebab saya bersetuju. Persetujuan saya ialah monopoli ini memang tidak elok, saya bersetuju, sebab monopoli keuntungan kepada pihak yang besar sahaja. Jadi teksi-teksi individu, kereta sewa-kereta sewa individu, kebanyakannya individu hanya daripada golongan yang mampu beli satu biji kereta sahaja. Selepas itu lagi, kereta ini di benar hanya guna tujuh tahun. Selepas tujuh tahun, beli satu kereta baru. Beli kereta baru, bayar hutang dengan bank lagi. *Vicious circle*, membayar hutang ini sentiasa berterusan, jadi wujudnya *tout* ini oleh kerana perkara inilah. Kalau syarikat dia boleh mengatasi masalah ini, *the question of numbers* dia, *economic of numbers* dia. Dia monopoli lagi, *look precept business* lagi. Semua ini boleh mengatasi masalah kewangan dia.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan apa Yang Berhormat bagi Kemaman sebut. Tetapi persoalannya di sini, kita hanya mengatasi masalah sosial dengan pelaksanaan undang-undang. Tuan Yang di-Pertua saya.....

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habiskan Yang Berhormat, ya.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Ya? Hendak tanya lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila habiskan. Ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Ya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya selalu berpasangan dengan Yang Berhormat bagi Kemaman ini, Yang Berhormat bagi Santubong. Saranan Yang Berhormat

bagi Kemaman tadi hapuskan monopoli, hapuskan *tout*. Itu satu cabaran kepada pihak kerajaan dan juga pihak kementerian, bagaimana mereka boleh melaksanakan saranan itu. Yang Berhormat, cuba Yang Berhormat ulas sikit cadangan saya ini iaitu apa kata kalau kerajaan, kementerian memperkenalkan satu perkhidmatan alternatif yang pilihannya terletak di atas pelanggan.

Umpamanya, turun sahaja daripada KLIA, mereka mempunyai dua kaunter. Satu kaunter *airport limo* berhad ataupun Kelas berhad dan satu lagi adalah kaunter kereta-kereta sewa yang perkhidmatannya menjangkau bukan sahaja di sekitar Kuala Lumpur tetapi sehingga ke Muar, Melaka terutamanya. Kereta ini sebenarnya berulang-alik dan sebahagian daripada pemilik kereta sewa ini, pendapatan terasnya adalah membawa penumpang-penumpang pergi balik KLIA. Jika undang-undang ini terlaksana, mereka ini sudah tidak punya pendapatan dan menambah masalah sosial kepada negara kita, Yang Berhormat. Apa kata Yang Berhormat? Cadangan saya tadi dua kaunter itu memberikan kuasa memilih kepada penumpang-penumpang atau pengguna-pengguna KLIA. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Kalau kita lihat Los Angeles Airport, dia mempunyai alternatif Yang Berhormat sebut. Dia mempunyai *shuttle bus*. *Shuttle bus* yang *free* daripada tiap-tiap hotel, yang buat bawa ke hotel dia dan dia mempunyai kereta api. Kalau hendak, helikopter pun ada pilihan dia.

Pilihan memang banyak dan teksinya ada. Tetapi dalam konteks negara kita Yang Berhormat, saya mengetahui sedikit. Kereta sewa sebenarnya tidak dibolehkan daripada segi konsep dia melainkan ini diubah. Konsep dan polisi ini diubah kerana kereta sewa ini, dasar dia daripada pekan kecil, rumah panjang, kampung terpencil ke bandar dan dia bawa *passenger* yang sama, balik ke tempat di mana dia kembali. Ini kereta sewa. Teksi ini dia boleh *operate* di mana-mana sahaja yang boleh dibolehkan. Tetapi malangnya dalam konteks ini, dia tidak dibolehkan *operate* ke KLIA. Ini yang ganjil dia. Dia *anomaly* dia. *Anomaly* dia, dia boleh pergi mana-mana pun teksi ini, *within the zone operation* dia tetapi tidak dibolehkan masuk KLIA. Ini dia, oleh kerana hendak selamat monopoli itu tadi.

Inilah sebab dan oleh kerana dalam konteks inilah, konteks dasar yang kita ada, sepatutnya kita benarlah teksi ini masuk. Tetapi ini keputusan bukan Kementerian Pengangkutan tetapi Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

Di Sarawak kita benar. Tidak ada monopoli, tidak ada syarikat Di Sarawak saya kata, *no* syarikat terima teksi lesen, semua individu kerana kita hendak tolong orang kecil-kecilan, kita hendak tolong orang miskin, orang hendak cari RM500, RM600, RM1,000, RM2,000 sebulan. Itu.....

DatukHaji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Macam mana dengan masalah *touting* di Sarawak Yang Berhormat?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *Touting* ini berlaku Yang Berhormat. *Touting* di mana-mana berlaku.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terkawal?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: pun berlaku tetapi tidak berlaku di lapangan terbang Kuching, Sibul, Miri, Bintulu tidak berlaku. Tetapi dia berlaku di pekan. Dia berlaku di pekan, orang kereta sewa, *tout* yang diemploy kereta sewa, *tout* yang diemploy kereta sapu angkat orang daripada teksi stesen, angkat orang daripada bas, angkat ini memang berlaku.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Jadi itulah saya sebut tadi.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: undang-undang ini tidak untuk di KLIA sahaja tetapi untuk semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaflah Tuan Yang di-Pertua, ampun saya kerana kawan-kawan hendak bertanya.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta penjelasan dan pendapat daripada Yang Berhormat bagi Santubong berkenaan dengan kesesakan di Klang Valley terutama sekali di bandar raya Kuala Lumpur iaitu terdapat soal monopoli. Soal *public transport* di Bandarraya Kuala Lumpur ini agak mengurangkan kerana wujudnya soal monopoli kenderaan *public transport* ini dan galakkannya pula, banyak pula yang teksi-teksi atau kereta-kereta yang kecil-kecil ini berlambak di kawasan bandar raya. Jadi soal *public transport* dengan izin, di Kuala Lumpur ini agak sesak sikit dan kerap kali terdapat kesesakan jalan di Kuala Lumpur. Apa pendapat Yang Berhormat?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Yang Berhormat, sebenarnya 70% benda yang kita bincang ini tidak ada kena mengena dengan kementerian ini. [Ketawa] Apa yang kita cerita ini, cerita di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan. Apa yang kita cerita ini. Saya hanya respons. Saya respons sahaja sebenarnya ini. Kawan yang duduk dekat sana, pun tidak sedap dengar. Dia patut jawab. [Ketawa] Sebenarnya *tout* ini yang dibawa oleh Kementerian Pengangkutan. Soalan kesesakan dan sebagainya itu, memanglah ada kena mengena dengan pengangkutan, ada kena mengena dengan polis dan sebagainya. *The number of taxis* umpamanya, ini bukan Kementerian Pengangkutan. Pelesenan di bawah Kementerian Usahawan. Tetapi Kementerian Pembangunan Usahawan mempunyai satu garis panduan, nisbah. 200 orang rakyat Malaysia, *entitle* satu teksi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Itu nisbah dia Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Nisbah dia 200:1 orang.

Jadi kalau nisbah ini diikuti masalahnya tidak adalah kesalahan daripada segi pelaksanaan dasar. Jadi macam di Sarawak kita mempunyai satu waktu 1500 teksi seluruh Sarawak, tetapi masyarakat Sarawak belum cukup lagi, nisbahnya kita boleh bagi lagi 2000 lebih teksi belum lambak lagi, tetapi kita *slow*lah bagi sedikit kerana kita hendak bagi individu tidak bagi syarikat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat ya.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Jadi sebenarnya soalan yang dituju terus kepada kementerian ini Yang Berhormat, tunggu dahulu Yang Berhormat ya. Persoalan tadi ialah sepatutnya dibezakan '*tout*' yang bawa *passenger* kepada kereta yang operatornya halal, '*tout*' yang bawa *passengernya* kepada kereta yang haram patut dibezakan. Kemudian risiko yang berbangkit adalah berlainan berbangkit daripada kalau masuk teksi yang halal bila kemalangan berlaku ada insurans *coverage*. Tetapi kalau dia bawa kereta haram berlaku kemalangan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat cukuplah.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [santubong]:tidak ada insurans *coverage*, jadi ini patut dibezakan di bawah perundangan ini dalam kita melaksanakan itu. Jadi soalan yang kedua tadi kenapa tidak *reduce* secara menyeluruh undang-undang *Road Traffic Ordinance* ini sebab kita ada banyak persoalan lain. Jadi kertas ini sebenarnya Datuk Timbalan Menteri ada tanya saya *let me see your letter*. Hari ini saya hendak serahlah ini, jadi hendak serah masuk Hansard *record* tidak payah bacalah ini lima ada *pages*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Jadi Tuan Yang di-Pertua saya menyokong dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Terengganu. Jangan banyak sangat keluar Yang Berhormat.

5.02 ptg.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pindaan sedikit sahaja.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ya saya ambil masa tujuh lapan minit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi kita bercakap berhubung dengan akta ini, pindaan akta ini dan Menteri juga menggunakan istilah "ulat-ulat" tadi ya, meskipun saya rasa

istilah ini tidak tepat dan kata Yang Berhormat bagi Johor Bahru tadi itu adalah merupakan istilah pasar sebab perkataan sebenar yang digunakan dalam rang undang-undang ini adalah “memujuk dan mendesak”. Sebenarnya ada unsur-unsur yang baik, unsur-unsur menawan hati pelanggan, memujuk, mendesak tetapi kalau sekiranya ada unsur-unsur paksaan maka di sini ada konotasi-konotasi yang negatif. Tetapi yang menyedihkan saya ialah ‘ulat-ulat’ ini. Rawatan untuk mencegah ‘ulat-ulat’ ini kita gunakan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tadi Yang Berhormat kata ‘ulat’ tidak betul sekarang Yang Berhormat guna ‘ulat’.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Yalah saya pinjam perkataan itu tadi. Rawatan untuk mencegah ‘ulat-ulat’ ini adalah dikenakan hukuman RM50,000 dengan lima tahun penjara dan tadi dicadangkan supaya disebut pula ‘ulat-ulat’ ini. Saya terharu..... yang menimbulkan senario ‘ulat-ulat’ ini adalah punca lain, ada unsur-unsur lain. Barangkali perkhidmatan *service* kita di *airport* ke di mana-mana tempat pengkalan kereta ke, bas ke, feri ke tidak memuaskan yang menimbulkan munculnya ‘ulat-ulat’ ini. Sedangkan punca sebenar yang menimbulkan ‘ulat-ulat’ ini tidak ada dikenakan tindakan-tindakan. Pada ‘ulat-ulat’ ini seolah-olah kita hendak tembak dengan peluru berpandu sedangkan naga-naga yang menyebabkan punca yang melakukan angkara ini

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ketereh bangun Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Dia tidak habis lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia baru habis kempen dia....

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Nanti dahulu, nanti dahulu sekejap lagi.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Sekejap, sekejap sahaja. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat yang mengatakan timbulnya ‘ulat’ ialah kerana ada benda yang menyebabkan ‘ulat’ itu hidup dan istilah ‘ulat’ ini saya tahu ‘ulat’ hanya hidup di tempat yang busuk dalam daging busuk, sampah busuk, benda busuk so mana ada sesuatu yang busuk yang hendak dikatakan di bawah Akta Kementerian Pengangkutan ini. Jadi saya rasa kalau di KLIA tempat yang busuk ini ialah masalah *transport*, busuk itu maksudnya tidak bagus perjalanannya. Tetapi saya tahu di Kota Bharu, Airport Kota Bharu tidak ada ‘ulat’ ini tidak ada. Di Pasir Mas, di Pengkalan Pasir pun dia banyak. Terima kasih. [Ketawa]

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Yang Berhormat sebenarnya selari dengan rakan saya Ketereh tadi. Jadi inilah yang saya maksudkan bahawa yang membuatkan, menimbulkan masalah ‘ulat-ulat’ ini adalah daripada sumber yang lain. Yang saya sebut di sini istilah dengan izin ‘naga-naga’, ‘naga-naga *monopolistic*’, ‘naga-naga kapitalis’. Dan apabila *monopolistic* dan membolot ini berlaku maka akan berlaku unsur bolosnya, dia bolot ada unsur

kapalistik di situ hendak membolot monopolinya itu maka adalah laluan-laluan lain, bolos, daripada kebolsan itulah 'ulat-ulat' ini timbul.

Saya rasa sepatutnya ditalakan kepada 'naga-naga' ini, kapitalis-kapitalis ini dengan peluru berpandu. Tetapi yang saya nampak di sini yang hendak ditalakan kepada 'ulat-ulat' ini peluru berpandu. *[Ketawa]* Maka di sinilah tadi sebenarnya saya hendak berdialog dengan Santubong tadi dari segi keadilannya. Maka di sini saya kira rang undang-undang ini harus diberi jawapan kepada kita. Malah daripada Kemaman tadi apakah kita bersidang di sini untuk mempertahankan kepentingan yang menimbulkan masalah, sedangkan yang masalahnya itu adalah cukup. Dia hendak mencari sara hidup dia sahaja.

Saya juga hendak sentuhkan di sini, saya kira tidak timbul di Kuala Terengganu, tidak timbul masalah-masalah merayu, masalah-masalah 'tout' yang disebut ini kerana di situ ada perkhidmatan yang selesa kepada semua orang. Di sini ada punca-punca yang membawa kepada ketidakselesaian. Kalau sekiranya kementerian ini dapat melaksanakan apa yang disebut sebagai *customer centric*, yakni memberi kepuasan kepada *customer*, pelanggan-pelanggan ini untuk menggunakan perkhidmatan *transport* ini saya rasa tidak timbul masalah ini. Demikian juga dengan Hari Raya misalnya, ketika orang berlonggok-longgok tetapi kita tidak memberi kepuasan kepada pelanggan-pelanggan kita hendak balik. Maka itulah timbulnya 'prebet sapu', 'kereta sapu', 'bas sapu' dan macam-macam lagi di jalanan.

Maka di sini harus kita ambil perhatian yang serius, kita harus lihat ke dalam diri kita sendiri, meneropong dalam diri sendiri daripada kita teropong jauh di sana itu yang, "kuman di seberang laut nampak, tetapi gajah di pingiran mata kita tidak nampak". Maka itulah saya kira kita harus ambil perhatian dan ini beberapa pertanyaan saya kepada kementerian ini.

Saya hendak mencadangkan juga supaya kalau boleh 'ulat-ulat' ini biarlah mati dengan keadaan yang *natural death*, maksud saya ini adalah dengan kita memberi keutamaan kepada kemudahan-kemudahan kepada pelanggan dengan kadar yang berpatutan, dengan keselesaan kepada pelanggan-pelanggan kita. Mari kita cuba memberi meraikan pelanggan-pelanggan ini. Sebab sekarang ini *touting* ini juga tidak akan mendapat *response*, reaksi daripada pelanggan-pelanggan kalau sekiranya ada pilihan-pilihan yang lain. Tetapi sebenarnya kita menyekat peluang-peluang sebab itulah *touting* ini ataupun (ulat-ulat) menyubur. Maka dalam konteks ini saya sekali lagi mengajak iaitu memikirkan semula strategi yang sedang kita hendak buat dan hendak putus pada petang ini. Juga saya hendak tarik perhatian tentang aktiviti-aktiviti kereta prebet sapu ataupun *pick up* yang terdapat di Sabah di kawasan pedalaman, di Sarawak kita itu. Sebenarnya timbulnya aktiviti serupa ini saya tidak tahulah sama ada dia termasuk atau tidak dalam rang undang-undang ini kerana tidak adanya, tidak masuk, kalau tidak masuk saya tidak mahu panjang lagi. Saya ingat sekadar itu dahulu terima kasih banyak mohon penjelasan.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Puchong lepas itu Jasin lepas itu kementerian jawablah.

5.07 ptg.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang saya untuk membahaskan sedikit mengenai rang undang-undang ini kerana banyak hujah telah dibangkitkan dan juga dibahas oleh rakan-rakan saya tadi. Saya memang setuju punca utama mengapa 'ulat' ini berlaku terutama di KLIA yang saya telah bangkitkan di Dewan yang mulia ini beberapa kali adalah kerana beberapa sebab yang telah dibincang, telah dibahas tadi. Tetapi bagi saya sebab yang utama ialah mengenai seolah-olah monopoli *business* ini oleh teksi-teksi *limousine* yang terdapat di KLIA ini. Kerana kalau tidak silap saya hanya di Malaysia sahaja yang ada teksi khas untuk *airport* kalau dibandingkan negara-negara lain yang.....

Datuk Douglas Uggah Embas [Betong]: Minta maaf Yang Berhormat. Kalau kita terus berbincang mengenai teksi kerana ia.....

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: 'Ulat' ada berkaitan ini.

Datuk Douglas Uggah Embas [Betong]:keluar dari tanggungjawab kementerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Saya tahu, saya tahu, ada, saya akan masuk nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jangan panjang Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: So ini memang mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh membawa hujah-hujah yang kita bangkitkan ini kepada Kementerian Pembangunan Usahawan kerana kadar dia dan juga *service* dia, *service* maksud saya ialah di tempat dia, maksud saya kalau seorang penumpang daripada luar negara turun dari kapal terbang dan dia hendak balik ke Melaka atau Sungai Petani, Ipoh tidak ada perkhidmatan pada masa itu hanya *transport* yang paling sesuai ialah menggunakan 'ulat' so, inilah salah satu daripada puncanya.

So, saya hendak tanya beberapa persoalan di sini mengenai rang undang-undang ialah mengenai penguatkuasaan. Di sini dia kata seorang pegawai polis atau pegawai pengangkutan jalan raya boleh menangkap dan tadi pun telah dibangkitkan kalau tidak silap Yang Berhormat Pontian juga ada bangkitkan bahawa kerana sekarang ini polis ataupun JPJ ini mungkin mereka ada tugas-tugas yang lain yang lebih penting dan sebagainya. Maka adakah ini efektif ataupun berkesan, walaupun rang undang-undang diluluskan kerana dari segi *manpower*, cukup atau tidak *manpower* untuk mengawal di KLIA. So saya cadang dan saya pun setuju dengan cadangan daripada rakan saya bahawa boleh kita *delegate authority* kepada pegawai-pegawai keselamatan yang berada di lapangan terbang dan juga pegawai-pegawai mungkin daripada MAB untuk mengawal keadaan.

Selain daripada itu, mungkin kita boleh menggunakan pegawai tanpa memakai uniform, pegawai *blank coat*. Bagi saya ini lebih *effective* untuk mencegahnya, itu satu persoalan saya nak tanya. Kedua ialah mengenai bagaimana kita boleh mendakwa seseorang ulat ini, kalau kita tangkap dia. Kalau saksi dia seorang pelancong yang mungkin tinggal di negara ini hanya beberapa hari atau pun orang Malaysia yang bermastautin tinggal di tempat yang jauh dari Kuala Lumpur dan sebagainya.

Ini saya punya persoalan bagaimana kita untuk mendakwa ulat ini dengan denda-denda yang telah dinyatakan iaitu RM50 ribu atau pun penjara tidak lebih dari lima tahun ini. So, ini mungkin satu persoalan yang teknikal ataupun praktikal tetapi saya nak tahu bagaimana cara kita nak mendakwa mereka. Ini kerana tak ada guna kalau kita ada undang-undang tetapi dari segi *practicality* susah untuk mendakwa dan sebagainya dan ini mungkin juga akan memberi, orang kata *counter productive* terhadap undang-undang ini.

Dan, persoalan yang saya nak bangkitkan ialah mengenai dengan *advance* atau pun perkembangan teknologi ICT yang ada sekarang ini. Mungkin satu hari nanti, ulat ini mungkin lebih *sophisticated*, mereka mungkin menggunakan *internet* dan sebagainya untuk membuat *e-commerce order di internet*. Adakah undang-undang ini di kawal iaitu *cyber crime* dan sebagainya. Saya pun tak tahu. Kalau ini berlaku mungkin kita membawa rang undang-undang ini balik ke sini dan kita ubah lagi. So, saya nak tanya persoalan ini dengan apakah kita mencegah ataupun kita boleh mengurangkan *possibilities* ini.

Dan, yang akhir sekali, bagi saya yang paling penting sekali ialah mungkin Kementerian Yang Berhormat boleh mencadangkan kepada pihak MAB supaya memberi banyak promosi dan sesi-sesi penerangan kepada orang ramai bahawa kalau kita gunakan ulat-ulat ini, mungkin teksi sapu dan sebagainya, pengangkutan yang tidak berlesen ini, mungkin ini mengalami risiko yang tinggi dari segi insurans kerana kereta-kereta ini memang tidak *diinsured*. Tetapi dengan menggunakan teksi-teksi yang ada lesen ini mungkin ia boleh ada insurans dan ini memang baik untuk penumpang dan sebagainya. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Jasin.

5.13 ptg.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya hendak beritahu Yang Berhormat yang di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi tidak payahlah disebut. Sila tumpukan kepada rang undang-undang ini, Akta Pengangkutan Jalan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya turut juga untuk membincangkan berkenaan dengan Akta Pengangkutan Jalan 1987, hanya beberapa perkara yang saya terus sangsi. Pertamanya, pindaan seksyen 2, mengapa ditekankan lapangan terbang. Kalau kita hendak sebutkan tempat awam, tempat awamlaah. Kalau kita masuk lapangan terbang, seolah-olah kita melihatkan perkara yang sedang teruk berlaku dan

saya pun tidak setuju dengan sahabat saya Yang Berhormat bagi Puchong ini dok pakai nama ulat-ulat, ini manusia. Janganlah menggunakan perkataan ulat dan saya harap dengan adanya rang undang-undang ini kalau diluluskan pada petang ini cara pelaksanaannya, masih saya sangsi.

Pada saya semangat yang ditunjukkan oleh perbahasan daripada kawan-kawan saya pada hari ini ialah untuk melindungi dan mengawal, monopoli yang ada di lapangan terbang hari ini, jelas. Yang itu saya tak setuju. Perkara ini tidak akan timbul kalau kita bagi pengguna *alternative lain*. Ada orang suka pakai *limousine service*, ada orang suka pakai kereta teksi yang lain. Mengapa tidak, kementerian dekat Lapangan Terbang KLIA misalnya, kalau yang hendak melalui konsortium *limousine* itu, *lane* yang tepi, tetapi kita harus juga bagi peluang kepada teksi-teksi luar yang nak cari makan ini. Kita dengar banyak rungutan daripada teksi-teksi dalam negara kita, ini kesilapan kita. Kita telah keluarkan permit terlampau banyak, masih lagi banyak yang tidak boleh cari makan. Orang-orang kecil ini kita kena lindungi. Ini kerja kitalah dalam Dewan ni. Bukan kita nak lindung konsortium yang besar-besar ni, orang ramai. Kita dah buat silap, Tuan Yang di-Pertua..

Tuan Yang di-Pertua: Ya, itu pun Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Betul, Tuan Yang di-Pertua! Ada kaitan. Kalau tak ada teksi ini, tak ada masalah teksi, tak ada undang-undang ini keluar. Kalau nak cerita tentang Kementerian Pengangkutan sahaja, nak cerita apa? Petang ni, nak cerit apa? Jadi, kita berharap supaya kementerian memikir balik...

Datuk Haji Rosli bin Mat Hassan: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Okey, minta laluan Yang Berhormat!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Memikirkan balik.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Sila, sahabat saya Dungun.

Datuk Haji Rosli bin Mat Hassan: Saya pun bangun nak bercakap tadi, ingat tak nak bercakap. Patut kita 20 minit boleh selesai masalah ini. Saya nak penjelasan Yang Berhormat bagi Jasin. Cara Yang Berhormat Jasin ini, seolah-olah nak suruh tanggung dulukah pindaan ini ataupun perkara-perkara yang dimaksudkan tentang spesifik, tentang Akta Ibu yang mana akta ini di masuk, diberi fokus kepada lapangan terbang, yang mana saya pun tak baca apakah sebenarnya dalam Akta Ibu.

Jadi, pandangan Yang Berhormat bagi Jasin, oleh kera perkara ini daripada yang bercakap tadi hanya ada satu, dua sahaja dilihat sebagai menyokong kepada cadangan akta ini, apakah pandangan Yang Berhormat supaya perkara ini dikaji semula atau di bincang dulu semula. Ini kerana jelas kepada kita bahawa cara ini seolah-olah berkemungkinan dari satu segi

untuk menjaga piawai dan standard di lapangan terbang tetapi dalam masa yang sama kita menindas usaha-usaha pengangkutan yang kecil-kecil yang tidak diberi permit sehingga kita panggil ulat.

Ia seperti ceta haram, sebenarnya kerana dia tidak ada permit. Tetapi, kalau ada permit kita panggil bank, itu kaedah kita dari segi perundangan, Yang Berhormat. Jadi, kalau ulat itu di*legalize*kan, maka ia pun mungkin kita tak panggil ulat, mungkin kita panggillah apa-apa yang sesuai sebagaimana telah dihalalkan oleh peraturan undang-undang dan sebagainya. Jadi, saya ingin penjelasan Yang Berhormat, apakah pandangan Yang Berhormat supaya akta ini diberi fokus cara mana, nak buat sedikit pindaan ke, kerana kekhuatiran kita tentang pelaksanaan kepada akta ini. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya Dungun atas pandangan. Bagaimana saya katakan tadi, saya masih sangsi yang seksyen 2 yang bawah ini, lapangan terbang, mengapa letak lapangan terbang? Kalau kita nak cerita tentang orang-orang yang ambil kesempatan daripada itu, ya! Cara umum, di mana sahaja. Biar benda itu kita cakup tempat awam, tempat awamlah, termasuklah lapangan terbang tetapi kita nak tekankan lapangan terbang. Itu saya tak faham? Dan kalau boleh kementerian kaji balik, kaji balik kerana kita pada hari ini kalau kita lihat dekat lapangan terbang, Tuan Yang di-Pertua, yang *limousine service* oleh konsortium bukan cantik benar pun, tetapi *we have no choose*, dengan izin, terpaksa menggunakan juga. Saya kira kalau kementerian memberi peluang kepada teksi-teksi luar ini, sebagai contoh teksi daripada Melaka...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Cameron Highlands.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, sila.

Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat dari Jasin kerana memberi peluang kepada saya. Saya hendak tanya sedikit baru-baru ini kita nampak seolah-olah pengenalan undang-undang baru sebagai satu cara menyelesaikan masalah. Banyak Rang Undang-Undang yang dibentangkan di Parlimen ini saya rasa ini satu budaya yang mungkin tidak betul.

Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Jasin dan saya hendak tanya, katakan ada kaitan dengan Limousin ini. Kita tengok rata-rata ada teksi haram, rata-rata Pudu Raya pun ada, mana-mana pun ada, di bandar-bandar kecil pun ada, di Cameron Highlands pun ada. Ini kerana ini ada satu sistem ketidakadilan, satu budaya ketidakadilan yang mereka hendak pantau dan lawan ini, pohon berapa tahun tidak dapat teksi permit. Mereka membuat cara ini untuk mencari rezeki macam yang dikatakan oleh Yang Berhormat Jasin, *consortium control* maka adakah segala Rang Undang-Undang ini dicetuskan dan dijuruterakan oleh golongan-golongan yang ada kepentingan tertentu melalui kementerian-kementerian berkenaan untuk memastikan bahawa

budaya kapitalis yang semakin kaya semakin kaya dapat diperkukuhkan dalam negara kita dan ini suatu yang amat berbahaya kepada keadilan sosial yang kita perjuangkan setakat ini. Minta penjelasan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih sahabat saya dari Cameron Highlands apabila dengar cakap Cameron Highlands saya sudah mula hendak mencungap ini. Kalau hendak cerita Tuan Yang di-Pertua, minta maaf Tuan Yang di-Pertua kalau hendak cerita bab teksi *consortium* ini. Hari ini kereta *consortium* teksi ini untuk Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, dia dari lapangan terbang menghantar penumpang-penumpang yang naik kapal terbang ke Kuala Lumpur.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak betul Yang Berhormat, teksi *consortium* itu di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Tidak kisah Tuan Yang di-Pertua, ini hendak cerita hal, hendak masuk ini Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua kacau sedikitlah, bagilah saya peluang Tuan Yang di-Pertua, Kepong semalam Tuan Yang di-Pertua bagi satu jam lebih, kita kecil sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Itu lain Rang Undang-Undang itu.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ini kepentingan ramai ini Tuan Yang di-Pertua, orang kecil-kecil macam saya ini, dia ada satu kompeni...

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hah yang ini Kuala Selangor apa pula?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Yang Berhormat, Yang Berhormat nanti sekejap, sekejap Kuala Selangor sekejap belum habis ini, dia ada satu kompeni di Kuala Lumpur pula mencari *passanger* daripada Kuala Lumpur untuk pergi KLIA. Bermakna daripada KLIA datang ke Kuala Lumpur dia dapat sewa, daripada Kuala Lumpur hendak balik ke KLIA pun dia dapat sewa, ada. Mana pula Rang Undang-Undang kita hendak adakan untuk mencegah orang-orang limousin yang menghantar *passanger* ke Kuala Lumpur untuk dibawa *passanger* pergi ke KLIA, ada Rang Undang-Undang esok? Saya minta menteri fikir-fikirkan balik, fikirkan balik kerana tidak menyelesaikan masalah yang sebenarnya. Bukan cara mengadakan undang-undang ini dapat menyelesaikan masalah yang kita hadapi pada hari ini, sila Kuala Selangor.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Jasin. Syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat kerana memperjuangkan pemilik-pemilik teksi yang hendak cari makan di *airport* khususnya. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Jasin, adakah Yang Berhormat yakin apabila kerajaan membuat keputusan memecahkan monopoli seperti yang diminta oleh Ahli-ahli Parlimen tadi, memberikan pemandu-pemandu teksi yang lain juga mengambil kesempatan untuk mencari

rezeki di *airport* khususnya. Adakah masalah *touting* ini tidak wujud apabila perkara ini diputuskan sedemikian? Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Kuala Selangor. Saya kira kalau diberi peluang kepada teksi luar untuk mengambil *passanger* terpulang kepada kita sebagai pelanggan, hendak pergi cara *limousin* kah ataupun teksi biasa. Saya rasa masalah *touting* ini Rang Undang-Undang ini tidak perlu, tetapi oleh kerana kita hendak *millennium* ini sangat *consortium* ini, orang-orang tertentu ini maka kita perlu pada hari ini membahaskan Rang Undang-Undang ini.

Mengapa tidak kementerian? Kita ada satu *lane* khusus di *airport* ini untuk *consortium* teksi ataupun *limousin* tetapi kita ada satu tapak lagi untuk teksi-teksi luar, teksi-teksi luar daripada Melaka, daripada kampung-kampung yang membawa *passenger* sampai ke *airport* daripada dia balik kosong, bagilah dia peluang ada satu lapangan teksi awam yang mana kalau kita tak hendak naik *limousine*, kita naik teksi awam ini.

Saya penuh yakin Tuan Yang di-Pertua, kalau ini diwujudkan *limousin* yang ada ini akan bertambah baik kerana ada sedikit *competition* tetapi sekarang ini oleh sebab tidak ada *competition* dia monopoli, kita tengok pun teksi yang dia ada pada hari ini bukannya *excellence* sangat dengan izin. Oleh demikian saya berharap, saya berharap kementerian, kita boleh luluskan Rang Undang-Undang ini macam ini kita boleh luluskan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: ...tetapi lapangan terbang ini harus dikeluarkan dahulu,

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: [*mengetuk mikrofon*]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Perkataan lapangan terbang ini....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat? Ketereh bangun Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Eh, ada dua bangun?

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Jasin dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ada persepsi yang mengatakan bahawa kalau akta ini tidak dibincangkan dengan panjang lebar dan kita tidak tengok dengan mendalam, kita dilihat seolah-olah orang yang kita hendak jaga sebenarnya ialah tauke besar yang ada di *airport*.

Itu pandangan daripada orang ramai, sekali gus kita tengok kalau tidak kena cara kita *explain*, kalau tidak kena cara kita terangkan kenapa perkara ini dibuat sebab servis belum diperbetulkan tambang belum diperbaiki, tiba-tiba kita hendak tangkap orang yang buat kerana adanya keburukan-keburukan sistem. So, dilihat seolah-olah undang-undang ini dibuat hendak jaga tauke besar dan kita boleh dilihat dalam Dewan yang mulia ini sebagai satu pasukan orang

yang cuba hendak jaga dan bukan hendak bantu rakyat sebenarnya tetapi hendak jaga tauke, bersetuju atau tidak pandangan itu dengan saya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat, benda ini saya ingat lebih dari lima orang sudah cakap benda itu juga ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas ingatan Yang Berhormat, memang betul. Biar sepuluh orang pun bercakap benda yang sama Tuan Yang di-Pertua tetapi ini yang kami rasakan, kami tidak hendak jadi Ahli Parlimen yang melindungi orang-orang besar. Kita yang membela rakyat, kita yang membela rakyat, Tuan Yang di-Pertua esok bertanding rakyat hendak memilih kita Tuan Yang di-Pertua. Pemandu teks yang akan membantu kita, kalau mereka tidak dapat mencari makan macam mana? Ini masalah yang kita hadapi.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Hah, Sabak Bernam ada masalah?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Tuan Yang di-Pertua terima kasih, benda yang sama tetapi ada cadangan Tuan Yang di-Pertua, dengan maaf Tuan Yang di-Pertua, dengan maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Kita sebenarnya bila istilah ulat ini disebut, sebenarnya saya daripada awal lagi sangat bimbang kerana sebenarnya kalau melihat dalam konteks ini orang ini adalah orang yang sebenarnya teraniaya. Oleh kerana itu setelah kita mendengar dan berhujah dengan begitu banyak kita dapat maklumat yang begitu banyak, apakah pandangan Yang Berhormat Jasin? Kita tangguhkan dahulu akta itu, boleh atau tidak? Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya kira saya akan kalau minta pendapat saya seolah-olah saya sudah jadi Tuan Yang di-Pertua dewan. Maka kita berharap kita berharap Tuan Yang di-Pertua, *[Dewan menjadi riuh dengan ketawa]*

Kita berharap Tuan Yang di-Pertua.....

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Soalan saya tidak jawab lagi, hendak tangguh atau tidak?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya kira Tuan Yang di-Pertua, kita kena fikir-fikirkan balik masalah ini. Kita boleh terima tetapi perkataan lapangan terbang itu dikeluarkan di dalam Seksyen 2 ini. Kita keluarkan Seksyen 2 lapangan terbang, sebut sedikit lapangan terbang, *no, totally no*, ini yang kita harapkan dan saya minta kementerian mengkaji balik dan kita minta lain kali Kementerian Pengangkutan kalau ada Rang Undang-Undang yang penting-penting macam ini *supplykan* sekali, Akta Ibu itu. Akta Ibu ini kami tidak tahu hanya hendak buat pindaan bagi sehelai macam ini ha *[sambil menunjukkan sehelai kertas]*

Kita tidak faham dan jumpalah dahulu dan *explain* kepada kami, mengapa Rang Undang-Undang ini harus di pinda barulah kita ada haluan yang sebenar, kita tahu masalah yang ada. Tetapi saya tak hendak bersubahat dengan lulusnya Rang Undang-Undang ini kita menolak peluang rezeki kepada pemilik-pemilik teksi individu yang pada hari ini sudah cari makan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila. Sila ya.

5.31 ptg

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan tetapi saya minta izin kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana saya ingin berbincang dengan menteri yang menjaga Parlimen kalau dapat bagi lima minit? *[Dewan menjadi riuh seketika]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, saya boleh tangguh Dewan yang mulia ini selama 15 minitlah. Dewan ditangguhkan.

[Mesyuarat dtempohkan selama 15 minit untuk perbincangan]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 6.01 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan mesyuarat]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula. Saya jemput Timbalan Menteri meneruskan jawapan.

6.03 ptg.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tetapi sebelum saya meneruskan jawapan saya, saya pertama ingin mengucap tahniah kepada rakan saya Yang Berhormat bagi Ketereh atas kemenangan BN di Pangkalan Pasir baru-baru ini. *[Tepuk]* Inilah satu kebanggaan kepada kita semua.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Minta penjelasan! Pasal apa Yang Berhormat bagi Ketereh sahaja, kami pun kerja juga.

Datuk Douglas Uggah Embas: Okey, semua, semua. *[Ketawa]*

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih, terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat, tahniah kepada BN. Pertama saya ingin ucap terima kasih kepada semua beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, cadangan, dalam perbincangan mengenai rang undang-undang satu akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan semua pandangan yang diberi akan diambil perhatian oleh kementerian.

Yang pertama, saya ingin menegaskan di sini bahawa matlamat rang undang-undang ini adalah untuk mengatasi masalah *touting* di tempat-tempat awam seperti mana ditaksirkan di dalam Bahagian III, rang undang-undang kita iaitu bagi maksud ini tempat awam adalah ditafsirkan sebagai termasuk semua bahagian dalam suatu lapangan terbang yang boleh dimasuki secara bebas oleh orang awam, mana-mana jalan atau mana-mana tempat yang telah diwartakan sebagai sesuatu perhentian bagi kenderaan perkhidmatan awam.

Ini bermakna ada sedikit berselisih faham tadi mengenai tempat yang ditumpukan mengenai masalah ini kerana ada beberapa pihak memikirkan ia tertumpu khas kepada lapangan terbang tetapi itu bukanlah maksud rang undang-undang ini. Ia merangkumi tempat-tempat perhentian bas seperti Pudu Raya, ataupun tempat-tempat perhentian feri dan sebagainya di seluruh negara. Kita masukkan pindaan kepada seksyen 2, di mana kita mentafsirkan lapangan terbang, ini perlu kerana dalam akta asal, Akta Pengangkutan Jalan 1987 tidak ada tafsiran apa dia lapangan terbang.

Jadi, kalau tidak ada tafsiran mengenai apa dia lapangan terbang maka ada masalah apabila kita membaca seksyen 110A.3 kerana di situ ada disebut di antara tempat-tempat yang ditafsirkan sebagai tempat awam adalah satu lapangan terbang. Itulah sebabnya perkataan lapangan terbang dimasukkan dalam pindaan seksyen 2 ini. Saya harap ini dapat menjelaskan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Penjelasan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dengan penjelasan tadi apakah ianya bermakna boleh saya katakan bahawa pindaan ini tidak sekali-kali bertujuan untuk menjaga monopoli yang berada di *airport* atau KLIA. Tidak bermakna ia untuk menjaga monopoli pengangkutan awam di KLIA, terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat, memang saya hendak sampai ke situ nanti, satu isu yang saya perlu utarakan di sini. Tadi ramai kita menyentuh mengenai perkhidmatan-perkhidmatan teksi, masalah-masalah monopoli dan kesan-kesan, perkara-perkara yang ditimbulkan mengenai masalah pengangkutan awam seperti bas dan teksi. Tetapi saya pada hari ini bertuah kerana saya ada dua Pengerusi LPKP di sini yang telah pun membantu saya untuk memberi jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Hulu Langat.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi saya mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri maksud yang dinyatakan di bawah subseksyen 3 kepada seksyen 110, akta yang dipinda ini ia mendefinisikan lapangan terbang. Saya *stand to defer* dengan pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebenarnya apa yang dikatakan di bawah subseksyen 3 ini ialah definisi tempat awam termasuk lapangan terbang dan menyatakan selebihnya daripada itu satu tempat yang boleh dimasuki oleh orang awam. Lapangan terbang tak semua tempat boleh dimasuki oleh orang awam.

Jadi, definisi yang dimaksudkan oleh subseksyen 3 ini ialah tempat awam bukan lapangan terbang. Saya ingin mendapat penjelasan sekali lagi mengapakah hanya lapangan terbang disebut di bawah subseksyen 3? Mengapakah ia tidak juga menyebut terminal perhentian bas? Mengapakah ia tidak menyebut stesen kereta api? Mengapakah tidak menyebut feri, stesen LRT misalnya atau lain-lain tempat awam? Boleh atau tidak perkara lapangan terbang ini dikeluarkan? Lagi satu Tuan Yang di-Pertua, minta maaf.

Satu lagi ialah berkenaan dengan Seksyen 110A, subseksyen 1. saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah yang dimaksudkan dengan tanpa kuasa yang sah pada baris yang pertama *clause* itu. Tanpa kuasa yang sah, adakah ini bermakna satu hari nanti 10 tahun akan datang, 15 tahun akan datang, ada ketikanya pihak kerajaan ingin memberi kebenaran, memberi *authority* kepada mana-mana pihak untuk membenarkan *touting* ini. Saya mohon penjelasan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Okey, yang pertama mengenai seksyen 3. Seksyen 3 memang bukan mendefinisikan lapangan terbang. Seksyen 3 jelas mendefinisikan apa dia tempat awam. Itu didefinisikan dalam seksyen 3. Tetapi dalam akta asal Akta Pengangkutan Jalan 1987 tidak ada definisi apa dia lapangan terbang, itu sebab seksyen 2 perlu. Jelaskan Yang Berhormat? Di depan.

Tuan Markiman bin Kobiran: Seksyen 2 yang mendefinisikan lapangan terbang, Tuan Yang di-Pertua, ialah yang mempunyai sama ertinya kepada akta yang didefinisikan di bawah Akta Penerbangan Awam yang didefinisikan sama. Oleh itu, ia tidak ada keperluan untuk mendefinisikan tempat awam sebagai *include* lapangan terbang *because it already* terjumlah dalam definisi lapangan terbang mengikut Akta Penerbangan Awam. Ia sudah membahagikan di antara tempat yang boleh dimasuki orang awam.....

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat, ini adalah satu keperluan.....

Tuan Markiman bin Kobiran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Douglas Uggah Embas:kerana kita tidak pun menggariskan apa dia lapangan terbang dalam seksyen ini tetapi kita menggunakan definisi yang dikeluarkan oleh Akta Penerbangan Awam 1989 supaya kita tidak perlu tulis yang terlalu panjang apa maknanya. Saya harap Yang Berhormat faham. Yang tanya tadi tanpa kuasa yang sah, memang betul. Kalau sesuatu kumpulan diberi kebenaran untuk menjalankan apa yang, menjual tiket dan sebagainya dia bukan dinamakan *tout* lagi, dia sudah dapat kebenaran. Jadi, saya harap Yang Berhormat jelaslah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Hulu Langat.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Tuan Yang di-Pertua, saya melihat kalau Seksyen inilah dibaca dengan menggugurkan perkataan 'tanpa kuasa yang sah', dia adalah lebih cantik, perkataannya berbunyi, "mana-mana orang yang memujuk atau mendesak", kita gugurkan perkataan 'tanpa kuasa yang sah'. Ini menggambarkan bahawa kalau tanpa kuasa yang sah,

ada satu ketika nanti atau mungkin esok atau lusa selepas Akta ini diluluskan, kita akan mengesahkan, memberi *authority*, memberi kebenaran kepada mana-mana kumpulan untuk membuat kerja *soliciting*, memujuk, mendesak dan sebagainya. Adakah ini hasrat kerajaan sebenarnya?

Datuk Douglas Uggah Embas: Itulah satu kemungkinan bahawa sesuatu kumpulan mungkin dibenarkan untuk menubuhkan satu kaunter untuk menjual tiket. Jadi kalau itu dibenarkan dia telah dapat kuasa yang sah dari kuasa yang diberi kepada dia. Ini bukan soalan *tout* lagi, dia bukan dinamakan *tout* kerana *tout* sudah didefinisikan ini tadi yang menjalankan, memujuk dan mendesak tanpa kuasa yang sah. Saya harap Yang Berhormat fahamlah.

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebut tadi banyak Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai perkhidmatan teksi, mengenai perkhidmatan awam yang tidak memuaskan. Saya memberi jaminan di sini Kementerian akan membawa perkara ini dan berbincang dengan Kementerian berkenaan kerana saya tidak dapat menjawab dengan teliti mengenai pesalah-pesalah ini kerana ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian yang lain. Tapi seperti saya sebutkan di awal tadi saya bertuah pada petang ini kerana ada dua pengerusi LPKP di sini yang telah pun membantu saya untuk menjawab pelbagai soalan-soalan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan masalah teksi, masalah kereta haram dan sebagainya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nampaknya ada dua masalah, satu masalah ialah mengenai *tout* yang di bawah bidang Yang Berhormat Menteri, yang satu masalah monopoli yang dikatakan di bawah Kementerian yang lain ialah perusahaan *entrepreneur*. Tetapi bolehkah satu saya percaya tadi ada satu perbincangan, kita tentulah tidak harap bahawa atau *expect* satu keputusan yang muktamad tetapi pada sekurang-kurangnya adakah satu persefahaman disampaikan bahawa perlulah untuk memecahkan monopoli dan usaha akan diambil untuk memecahkan monopoli supaya eksploitasi yang berlaku, yang dikemukakan dalam perbahasan tidak berlaku. Apa cara, bentuk itu kita boleh nanti mengenai tindakan-tindakan yang akan diambil tetapi pada prinsipnya untuk memecahkan monopoli dalam perkara ini.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat, setakat petang ini saya hanya dapat memberi jaminan kita akan berbincang dengan Kementerian berkenaan mengenai sentimen dan perasaan yang kuat dari Ahli-ahli Parlimen bahawa monopoli inilah satu masalah yang besar yang harus kita bincang.

Perkara yang ketiga yang saya nak tekankan adalah bahawa kita juga terkejut kerana apabila ada pendirian bahawa dari persepsinya Rang Undang-undang ini nampaknya nak menekankan beberapa pihak. Jadi ingin saya menjelaskan di sini, ini bukan hasrat dan bukan tujuan Kementerian, kita akan memberi jaminan bahawa kita akan menentukan tidak ada mana pihak yang dianiaya apabila undang-undang ini dijalankan. Undang-undang ini dijalankan

dengan matlamat dan dengan tujuan untuk mengatasi masalah taut yang berleluasa di seluruh negara. Jadi kalau dalam kita menjalankan tugas, dalam kita menjalankan kuasa yang diberi oleh undang-undang ini, kita menentukan tidak ada sesiapa, mana-mana kumpulan akan ditindas ataupun dianiaya hasil dari kelulusan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Larut tadi mencadangkan kaunter tiket *airport Limo* di tempatkan di sebelah dalam balai tiba. Ini adalah satu cadangan yang baik.

Timbalan Yang Di-pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kemaman.

Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi yang mengatakan jaminan diberikan supaya soal monopoli tidak dilindungi. Saya rasa Dewan yang mulia ini perlukan penjelasan yang lebih kukuh tentang isu yang disebutkan dalam perbincangan tadi. Saya kira di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat semua setuju tentang masalah *tout* di Puduraya, masalah *tout* di stesen kereta api, masalah *tout* di tempat feri adalah satu perkara yang mesti dibanteras kerana jelas dinyatakan ada unsur penipuan, ada unsur penindasan, ada unsur pelbagai perkara yang negatif yang berlaku di sana.

Yang menjadi persoalan tadi ialah di lapangan terbang, jadi jangan menganggap bahawa kami tidak faham bahawa undang-undang ini untuk semua. Tetapi bila dimasukkan perkataan lapangan terbang itulah yang menimbulkan persepsi bahawa sekarang ini kerajaan semakin ingin mengukuhkan, menggunakan Dewan yang mulia ini untuk mengukuhkan kedudukan *business* kepada mereka yang telah diberikan kuasa monopoli, lesen monopoli untuk beroperasi teksinya di lapangan terbang. Itu pandangannya ya. Tadi disebutkan dengan cara yang menyeluruh tentang isu, masalah kereta-kereta sewa ataupun teksi yang menghantar orang tapi tak boleh mengambil dan sebagainya, dinyatakan secara menyeluruh.

Kita kadang-kadang melihat bagaimana pihak JPJ, pihak polis menahan sebaik sahaja kalau ada teksi yang ada penumpang dalam perjalanan balik, mereka ditahan dekat dengan *airport* dan sebagainya yang dilihat ada penumpang sahaja. Perkara-perkara yang beginilah yang menjadi isu kami semua di mana kita melihat bahawa antara masalah rakyat ialah kos di lapangan terbang itu, kos menaiki kapal terbang bertambah bukan sahaja tiket kapal terbang memang semakin naik tetapi kos hendak ke *airport* itu sahaja naik dan menjadikan *airport* kita antara yang mahal kosnya dalam *relative* secara *relative*, kalau orang nak pergi perjalanan dari Kuala Lumpur ke KLIA, tambang kapal terbangnya lebih kurang sama dengan tiket kapal terbang daripada KLIA ke Kuantan misalnya. Kosnya menjadi *double*, menjadi dua kali ganda kerana kos teksi itu adalah tinggi.

Mungkin ada kata kita ada ERL, ERL sebagaimana disebutkan tadi, seorang boleh, bila sudah dua orang, tiga orang, satu *family* sudah tidak praktikal lagi. Ini yang disebutkan rasa prihatin rakan-rakan Ahli Yang Berhormat tentang, sekarang undang-undang ini dibuat tidak ada lagi teksi, tidak ada lagi yang lain yang dapat menawarkan perkhidmatan di sana dan pihak yang

mendapat monopoli di sana mempunyai monopoli 100%. Tidak ada jaminan ia tidak akan naikkan lagi tambangnya di masa akan datang kerana sekarang mereka sudah dapat monopoli.

Jaminan diberi kita ucapkan terima kasih banyak tetapi bukan sekadar satu *line* sahaja, satu ayat sahaja, sekurang-kurangnya ada sedikit perancangan, ada sedikit buah fikiran daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri kita untuk memberi jaminan kita akan pecahkan supaya *airport* kita sebagaimana *airport* yang lain dalam dunia, tidak ada monopoli. Hendak naik teksi, seberang jalan itu teksi yang sedang beratur, tidak ada kos yang terlalu tinggi yang dibuat dalam sistem yang ada sekarang kerana teksi kita menjadi mahal kerana ada monopoli yang beroperasi satu hala tetapi rakyat kena bayar untuk dua hala. Saya minta satu jaminan yang lebih kukuh lagi daripada Timbalan Menteri.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih kepada Yang Berhormat atas kefahaman mengapa kita membentangkan Rang Undang-undang ini mengenai masalah *tout*. Mengenai masalah teksi, mengenai masalah monopoli seperti yang saya sebut tadi, saya minta maaf kerana saya tidak boleh memberi jawapan lebih panjang kerana kuasa ini adalah di bawah kuasa Kementerian yang lain. Tetapi hanya dapat memberi jaminan bahawa selepas ini kita akan menyampaikan semua aduanAhli-ahli Yang Berhormat kepada Kementerian yang berkenaan, mungkin kita mengadakan perbincangan dan mesyuarat kerana sebelum ini pun kita telah mengadakan mesyuarat dengan semua pihak-pihak berkenaan, polis, LPKP dan sebagainya.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: [*Bangun*]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, dua yang bangun Yang Berhormat, Yang Berhormat Bera.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih, tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa jika mahu membuka lorong lain dan sebagainya untuk teksi, itu bukan di bawah kementerian Yang Berhormat, mungkin itu di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan.

Tetapi seperti yang kita tahu bahawa MAB adalah di bawah Kementerian Pengangkutan dan saya cadangkan tadi untuk memecahkan monopoli ini kita perlu membuka terminal teksi di *airport* itu sendiri. Pangkalan teksi untuk teksi-teksi luar di *airport* itu sendiri dan saya rasa oleh kerana MAB di bawah kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri, tidak ada salahnya kalau kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri mengarahkan kepada MAB membenarkan membuka pangkalan. Dengan itu saya kira masalah *tout* tidak akan timbul, sebab wujudnya *tout* kerana teksi tidak dibenarkan mengambil penumpang di *airport*. Tetapi kalau teksi ada pangkalan di *airport* boleh menunggu penumpang, penumpang diberi pilihan untuk naik teksi lain daripada *airport limo*, saya rasa tidak ada masalah *tout* pun tidak ada lagi. Sebenarnya *roots of the problem* yang kita mesti selesaikan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat, ada dua perkara di sini, yang satu adalah dalam lapangan terbang sama ada kita boleh menyediakan tempat untuk mereka ini kalau diperlukan.

Saya rasa ini tidak ada masalah, MAB memang sentiasa memberi ruang kepada mana-mana kumpulan yang ada kuasa yang sah untuk operasi di lapangan terbang, tetapi sama ada teksi itu dapat mengambil orang di *airport* itu, itu terpulung kepada Kementerian Pembangunan Usahawan, jadi saya hanya dapat memberi jaminan kalau kementerian tersebut bersetuju, bagi kita MAB tentu tidak ada masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya jarang bersetuju dengan Yang Berhormat daripada Kemaman, tetapi dalam perkara ini saya bersetuju dengan Yang Berhormat daripada Kemaman.

Yang Berhormat Bera pernah tanya berkenaan MAB, bukankah rang undang-undang ini digerakkan oleh MAB? Antara agensi-agensi yang lain dan dalam perbincangan, kajian yang dibuat oleh MAB dan kemudian Kementerian Pengangkutan sebelum rang undang-undang ini dikemukakan di Dewan yang mulia ini untuk menghapuskan masalah *tout*. Adakah masalah monopoli yang mengakibatkan masalah ini ditimbang, dikaji atau langsung tidak pernah dikaji sungguhpun ini di bawah kementerian yang lain? Yang pertama.

Kedua, bolehkah kita tahu siapa memiliki/monopoli teksi di KLIA atau Yang Berhormat tidak tahu? Saya percaya tentu tidak tahulah sungguhpun perkara ini di kementerian yang lain, tetapi fakta maklumat mengenai perkara ini bolehkah Yang Berhormat beritahu di Dewan ini, siapa punya? Apa syarikat dan siapa yang sebenarnya memiliki monopoli itu?

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat kita memang berbincang mengenai beberapa masalah dan kita mendapati bahawa kita harus mencari jalan untuk menangani masalah *tout* ini, itulah sebab rang undang-undang ini dibentangkan pada hari ini.

Mengenai siapa yang memegang konsesi yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, itu di bawah kementerian yang lain jadi saya tidak ada faktor, tidak ada jawapan untuk Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Larut juga mencadangkan supaya orang yang bersahabat dengan *tout* kena banyak protes mengenai nama 'ulat' tadi jadi kenakan tindakan, ini memang sudah ada dalam undang-undang. Yang Berhormat Larut juga ada menanya mengenai penguat kuasa undang-undang tangkap waran dan sebagainya terpakai di luar kawasan lapangan terbang,

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: [Bangun]

Datuk Douglas Uggah Embas: Rang undang-undang ini memang seperti saya sebut tadi adalah untuk awam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Hulu Langat bangun.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin menyentuh berkenaan dengan perkara penguatkuasaan yang baru sahaja dibangkitkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Berkenaan dengan kuasa untuk menangkap tanpa waran yang diberikan kepada pegawai polis dan pegawai pengangkutan jalan. Menangkap tanpa waran dalam kes-kes *sizable offences* yang jika memerlukan tahanan lebih lanjut, satu permohonan mestilah dibuat untuk melengkapkan kertas siasatan dan perkataan-perkataan orang yang telah melakukan atau disyaki telah melakukan sesuatu kesalahan. Apakah *degree*, apakah darjah pembuktian atau *element of suspicions*, dengan izin yang perlu ada pada setiap fikiran pegawai polis atau setiap fikiran pegawai pengangkutan jalan untuk membolehkan mereka menggunakan kuasa untuk menangkap? Adakah perlu laporan polis di bawah Seksyen 106 Kanun Acara Jenayah dibuat, sebelum satu tangkapan dibuat untuk membuktikan adanya maklumat awal berkenaan dengan satu-satu kesalahan. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat itulah sebab kita memberi kuasa kepada pegawai polis dengan JPJ untuk menangkap tanpa waran, jadi matlamat kita juga dalam rang undang-undang ini untuk membolehkan kita membawa mereka ini ke mahkamah, dan kalau dapat cukup bukti bahawa mereka akan disabitkan kesalahan dan dikenakan denda.

Pada masa sekarang tidak ada peruntukan-peruntukan yang seperti ini, so ini haruslah diambil kira oleh pegawai polis dan pegawai JPJ. Dia akan menentukan bahawa sama ada orang yang dia tangkap nanti ada cukup bukti yang dapat dipertahankan di mahkamah, tetapi tidak perlu ada satu aduan.

Tuan Yang di-Pertua, ada cadangan dari Yang Berhormat Pontian tadi supaya pegawai keselamatan Malaysia Airport Berhad diberi kuasa untuk menangkap *tout* di lapangan terbang. Memang pegawai keselamatan Malaysia Airport Berhad telah diberi kuasa polis bantuan mengikut Akta Polis 1967. Dengan kuasa ini pegawai keselamatan akan meneruskan tangkapan terhadap *tout* teksi yang mereka kemudian serahkan kepada polis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya habis sudah Yang Berhormat?

Datuk Douglas Uggah Embas: Ya saya sudah habis, jadi dengan itu.....Oh ya tadi Yang Berhormat dari Santubong ada menyentuh mengenai, ada menyeru bahawa Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2005 ini haruslah dikaji dengan lebih teliti dan direview dengan seberapa yang boleh.

Memang kementerian sekarang melihat, sedang mengkaji pelbagai peruntukan dalam Akta ini untuk menentukannya dapat memainkan peranan lebih berkesan untuk menangani masalah yang terkini, termasuk kita perlu mengenakan pelbagai syarat-syarat yang baru, meningkatkan denda ataupun memasukkan pelbagai seksyen-seksyen yang perlu bagi kita membetulkan banyak masalah yang dihadapi oleh kita di jalan raya kita dapat diatasi dengan

akta yang lebih *updated* tadi. Dengan itu saya sekali lagi ucap terima kasih kepada semua Yang Berhormat atas kefahaman Yang Berhormat untuk memahami mengapa Kementerian bantangkan rang undang-undang ini, dan untuk kita sama-sama menyelesaikan masalah *tout* yang kita sama-sama fikir adalah satu masalah yang kita hadapi. Dan dalam masa yang sama saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa dalam pelaksanaan rang undang-undang ini kita menentukan tidak ada pihak yang teraniaya ataupun rasa ditekan kerana itu bukanlah matlamat Kerajaan Barisan Nasional.

Kita memang sentiasa mencari jalan bagaimana kita dapat membela semua pihak khususnya rakyat yang kurang bernasib baik, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya-saya nak bahas.

Timbalan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, saya bagi Yang Berhormat, sila Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih. Saya ada sedikit keraguan, seksyen baru 110A, "*Mana-mana orang yang, tanpa kuasa yang sah....*", boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri beri tahu, di situasi manakah ada orang-orang yang ada kuasa atau akan diberi kuasa dan di situasi manakah mereka tidak ada kuasa, saya hendak keterangan mengenai perkara ini.

Timbalan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Santubong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya masih berpendapat, sepatutnya undang-undang ini membezakan *tout* ini kena macam buat kelas *tout*. Umpamanya saya seorang pemandu teksi dan saya pergi ke lapangan terbang atau Pudu *station* dan sebagainya dan mencari *passengers*, saya *doing marketing for me*. Sepas itu saya jumpa seorang pelanggan dan saya bawa pergi ke teksi. Jadi, dia masuk ke teksi saya dan saya bawa dia pergi. Jadi, dalam undang-undang ini berkemungkinan saya didapati salah, tapi saya melaksanakan lebih daripada menunggu, duduk dulu dalam teksi - *passenger*. Itu satu situasi, satu lagi situasi yang mana saya *tout*, profesionallah, macam *professional*. Saya mencari orang - *passengers*. Selepas itu, bila sudah dapat *passengers* itu,

hantar kepada teksi, hantar kepada bas, hantar kereta sewa dan mungkin ada juga dihantar kepada teksi atau pun kereta sapu. Jadi, dalam situasi kereta sapu ini sudah satu yang lebih serius lagi.

Jadi, sepatutnya *tout* ini dibezakan, *tout-tout* yang menghantar kepada kereta, yang dilesenkan dan *tout* yang tidak dilesenkan. *Tout* yang buat kerja sendiri sebagai *marketing*, sebagai yang saya sebut pertama dan *tout* yang membuat kerja sebagai profesional orang lain. Tapi semua *tout* ini akan diklasifikasikan di bawah satu saja. Walau pun saya menerima hakikat bahawa sebenarnya ada undang-undang hal *tout* ini di bawah *Minor Offences Ordinance*, tiap-tiap negeri undang-undang *Relic of the British* dulu, di Sarawak masih dilaksanakan, tapi kita tidak guna pakai, sebab keadaan dia tidak sesuai. Jadi, Tuan Pengerusi, saya minta jawapan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila. Ya, satu lagi, Hulu Langat.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan dua perkara dalam hal ini. Perkara yang pertama, adakah kesalahan yang dikatakan dilakukan di bawah seksyen 110A, satu kesalahan *strict liability* iaitu andaian yang dikenakan kepada pesalah, *burden of proof* - beban membuktikan, kesalahan ini terletak kepada orang kena tuduh atau sebaliknya. Perkara yang kedua ialah berkenaan dengan perkataan-perkataan dalam bahasa Inggeris Tuan Pengerusi, baris ke 5 dan ke 6: “.....*in the vicinity of such place*”, atau dalam bahasa Melayunya: “..atau di sekitar tempat itu”. Saya mohon penjelasan, di sekitar tempat itu atau “*vicinity of that place*” adalah satu tafsiran yang terlalu subjektif, luas - berapa kaki, berapa meter, berapa kilometer daripada tempat itu. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan perkara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila Timbalan Menteri.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Terima kasih Tuan Pengerusi, yang pertama mengenai ‘*tanpa kuasa yang sah*’ tadi saya telah jelaskan kepada Yang Berhormat. Mengenai *tout* yang tiada dibezakan, saya telah pun sebut dalam huraian saya tadi, ada tiga perbezaan mengenai ini saya tidak perlu mengulangi sekali lagi.

Mengenai pertanyaan dari Yang Berhormat bagi Hulu Langat, satu andaian, ini juga seperti saya sebut tadi, pegawai-pegawai memang dia tentukan bahawa sebelum dia menangkap, dia tentukan bahawa bukti cukup dan inilah penting kerana di sini saya pun faham apa matlamat Yang Berhormat

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Tuan Pengerusi, sebenarnya apa yang ingin saya katakan ialah beban pembuktian, siapa yang harus membuktikan. Dalam kes-kes *strict liability*, apabila berlaku andaian di bawah sesuatu peruntukan, beban membuktikan diletakkan kepada orang yang kena tuduh, *you are guilty until proven innocent*. Saya hendak bertanya,

sama ada konsep sedemikian, amalan sedemikian terpakai di bawah seksyen ini. Terima kasih. Tuan Pengerusi.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tidak, tidak terpakai. Jadi, itu sahaja Tuan Pengerusi.

Fasal-fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL-USUL MENTERI

AKTA PERSATUAN PEMBANGUNAN ANTARABANGSA

**Dana Tambahan Keempat Belas Kepada
Persatuan Pembangunan Antarabangsa (IDA 14) Sebanyak USD64,300 (RM244,340)
Dan Caruman Kepada Interim Trust Fund (ITF) Sebanyak USD11,496.05 (RM43,685)**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan mengikut seksyen 5 Akta Persatuan-Persatuan Pembangunan Antara bangsa 1960 atau pun *International Development Association Act* 1960, Dewan ini membuat ketetapan bahawa sumbangan Malaysia sebanyak RM244,340 atau pun USD64,300 sebagai sumbangan kepada tambahan modal ke 14 bagi Persatuan Pembangunan Antara bangsa (IDA 14) dan caruman kepada *Interim Trust Fund* (ITF) yang ditubuhkan oleh Persatuan Pembangunan Antara bangsa berjumlah RM43,685 atau pun USD11,456.05 diluluskan.

Tujuan ketetapan ini adalah untuk mendapat kelulusan Dewan Rakyat bagi Malaysia membuat sumbangan berjumlah RM244,340,000.00 atau pun USD4,300 sebagai sumbangan sebagai tambahan modal ke 14 bagi Persatuan Pembangunan Antara Bangsa (IDA 14) dan caruman kepada *Interim Trust Fund* (ITF) yang ditubuhkan oleh Persatuan Pembangunan Antara bangsa berjumlah RM43,685 atau pun USD11,456.05.

IDA ialah sebuah institusi gabungan Bank Dunia yang ditubuhkan pada tahun 1960 untuk membantu negara-negara ahli yang miskin dengan memberikan pinjaman dengan syarat-syarat yang longgar dan tanpa faedah. Hanya 81 daripada 164 buah negara ahli IDA yang mempunyai

pendapatan negara kasar atau pun *gross national income* kurang daripada USD 895 dalam nilai USD tahun 2003, layak menerima bantuan IDA.

IDA membiayai program dan aktivitiinya melalui caruman tambahan modal pindahan sebahagian pendapatan *International Bank for Reconstruction Instruction dan Development* (IBRD), pendapatan bersih IDA sendiri dan sumbangan khas yang dibuat oleh negara-negara penderma.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga Mei, 2005, IDA dianggotai oleh 144 buah negara ahli yang dibahagikan kepada dua kategori, iaitu bahagian satu, meliputi negara-negara maju dan bahagian dua meliputi negara-negara membangun dan kurang membangun. Malaysia tergolong di dalam bahagian kedua dan biasanya terlibat di dalam tambahan modal IDA bagi tujuan mengekalkan peratusan kuasa undi di IDA. Perjanjian tambahan modal IDA 14 telah dimeterai di London, United Kingdom pada 22 Februari 2005 di mana sebanyak USD18 bilion sumbangan daripada negara-negara penderma telah dicadangkan. Manakala ITF telah ditubuhkan pada tahun 1996 oleh Lembaga Gabenor IDA sebagai sebahagian daripada tambahan modal IDA yang ke-11.

Lembaga Gabenor IDA telah bersetuju supaya ahli IDA membuat caruman tambahan sebanyak USD2.8 bilion sebagai langkah *contingency* bagi menampung kekurangan dana pada tahun tersebut. IDA telah memutuskan supaya caruman Malaysia bagi ITF adalah berjumlah RM43,655. Tambahan modal ke-14 mempunyai beberapa objektif iaitu untuk membantu pertumbuhan sosioekonomi negara-negara ahli, membangunkan sektor swasta, membantu dalam usaha negara-negara ahli mencapai *debt sustainability*, mengukur tahap keberkesanan IDA 14 dan meningkatkan tahap kerjasama IDA dan negara-negara ahlinya.

Bagi membiayai keperluan IDA untuk tempoh tiga tahun akan datang, sumbangan khas daripada negara penderma akan menjadi sumber utama kepada IDA 14 di samping pembayaran semula pinjaman IDA yang terdahulu dan pendapatan bersih IPRD.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini disyorkan supaya Malaysia mencarum sebanyak RM244,340 ataupun USD64,300 sebagai sumbangan kepada tambahan modal ke-14 bagi Persatuan Pembangunan Antarabangsa (IDA 14) dan mencarum sebanyak RM3,695 ataupun USD11,496.5 kepada *Interim Trust Fund (ITF)* di bawah Persatuan Pembangunan Antarabangsa IDA. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Untuk menyokong. Ada menyokong?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu tadi terbuka untuk di bahas.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kepong, cukuplah Kepong.

Beberapa Ahli: *[Bising]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, ya. Saya ada janji tidak akan mengambil masa Tuan Yang di-Pertua di atas usul ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila Yang Berhormat bagi Kepong.

6.42 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Cuma, ini sahajalah. Kita hendak menyumbang hampir RM300,000 sekarang ya dan saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, pada satu ketika tahun ini, pihak negara-negara G7 sudah pun mencadangkan kita menghapuskan hutang negara-negara yang termiskin ini di dunia. Kalau itu dibuat, saya nampak kita ini hendak memberi pinjaman kepada negara-negara pula daripada ini, adakah ini bermakna hutang daripada negara-negara ini kepada IDA ini akan dihapuskan sama sekali? Iaitu kita minta beri sumbangan sahajalah, tidak ada pinjaman langsung dan sebagainya. Banyak lagi, saya ada janji hendak pendekkan ucapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Setiausaha Parlimen sila.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Malaysia ini adalah sebagai sebuah negara yang kategori kedua iaitu negara membangun ataupun kurang membangun. Jadi, negara penderma adalah negara-negara yang maju. Jadi Malaysia tidak pun menyumbang kepada penderma itu sebagai penderma. Malaysia sebenarnya memberi sebagai untuk hendak memastikan Malaysia ada undi, maka kita bayar sedikitlah. Itu sahaja yang diperlukan oleh Malaysia. Jadi tidak timbul Malaysia hendak memberi pinjaman kepada tabung ini dan beri pinjaman kepada luar negara kepada negeri-negeri miskin, itu tidak timbul sebenarnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Sumbangan amat sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri itu tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan dan disetujui.

Usul disetujui.

AKTA TATACARA KEWANGAN 1957**Penukaran Pinjaman Kerajaan Persekutuan Kepada Malaysian
Venture Capital Management Berhad (MAVCAP) Yang Dimiliki Oleh Menteri Kewangan
(Diperbadankan) Kepada Ekuiti****6.45 ptg.****Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan satu resolusi berkaitan ketetapan mengenai penukaran pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada syarikat *Malaysian Venture Capital Management (MAVCAP) Berhad* kepada ekuiti. Resolusi ini dibentangkan mengikut keperluan sub perenggan 8(3)(a)(iv) Akta Tatacara Kewangan. Resolusi ini dibentangkan berikutan keputusan Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya sejumlah RM50 juta daripada jumlah pinjaman kerajaan sebanyak RM500 juta ditukarkan kepada ekuiti. Jumlah ekuiti sebanyak RM50 juta ini akan dipegang oleh Menteri Kewangan Diperbadankan. Keputusan ini telah diambil untuk memperkukuhkan kedudukan kewangan MAVCAP.

Bagi melaksanakan resolusi ini, MAVCAP telah menerbitkan saham biasa yang baru sebanyak RM50 juta. Tuan Yang di-Pertua bernilai RM1 setiap satu yang kesemuanya dipegang oleh Menteri Kewangan Diperbadankan. Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini memohon mencadangkan supaya resolusi berkaitan dengan ketetapan mengenai penukaran pinjaman kepada ekuiti seperti yang dijelaskan diluluskan oleh Dewan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, minta seorang penyokong. Penyokong?

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu tadi terbuka untuk di bahas. Puchong.

6.46 ptg.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. MAVCAP ini kita tahu, ia salah sebuah syarikat yang *venture capitalist* di mana selalu ia untuk membantu syarikat-syarikat yang berasaskan kepada teknologi baru atau teknologi yang tinggi. Tetapi di sini ada beberapa persoalan.

Yang pertama ialah mengapa pinjaman itu akan ditulis sebagai ekuiti? Adakah bermakna MAVCAP ini tidak mampu untuk membayar balik kepada Kerajaan Malaysia di bawah Kementerian Kewangan kerana kemungkinan harga tukaran dari segi *business decision* dia untuk memberi kepada banyak syarikat yang telah dilabur dalam Malaysia ini. Saya tidak membantah untuk mengadakan satu syarikat macam MAVCAP ini kerana memang memberikan

banyak kemudahan dan juga kesenangan kepada syarikat-syarikat baru terutama yang berasaskan kepada teknologi tinggi.

Persoalan yang kedua ialah selepas komisennya, saya hendak tahu berapa peratus ekuiti akan dipegang oleh Kementerian Kewangan ataupun Menteri Kewangannya. Pada masa yang sama, saya juga hendak tahu secara ringkasnya, setakat ini berapa *company* ataupun syarikat yang telah dibantu oleh *Malaysian Venture Capital Management Berhad* ini dan jumlah pelaburan yang telah dilaburkan sehingga hari ini dan juga apakah kejayaan-kejayaan yang telah dicapai sehingga ini, di mana untuk mewujudkan satu keadaan untuk kita membantu banyak syarikat di negara ini yang telah mewujudkan perkhidmatan ataupun produk-produk yang telah dicipta oleh orang Malaysia melalui skim ini supaya MAVCAP ini adalah relevan di masa-masa yang akan datang. Saya juga hendak tahu berapakah syarikat yang ada kalau boleh, yang telah dibantu oleh MAVCAP ini, yang terlibat di dalam perancangan atau di dalam skim MSC ini? Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Secara ringkasnya Tuan Yang di-Pertua, di sini saya pun bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Puchong, iaitu kita perlu tahu dengan lebih teliti apakah yang dibuat oleh pihak kementerian terutamanya mengapa kita hendak tukarkan cara, pinjaman daripada yang ada sekarang kepada ekuitinya dan ini memang penting kerana kita hendak menggalakkan syarikat-syarikat mengambil bahagian di dalam pembangunan terutamanya di ICT dan di dalam MSC, dan setakat ini kita belum tahu lagilah bagaimana kita akan berjaya. Cuma, kita tahu iaitu Pengerusi Microsoft, Bill Gates itu walaupun dia ada satu syarikat di sini pun, yang kecil sekali tetapi dia sangguplah iaitu perisian raksasa ini sanggup melaburkan USD1.7 bilion di India.

Dan menambahkan kakitangan profesionalnya di India daripada 4,000 profesional kepada 7,000 profesional. Inilah kita di dalam cara untuk menukar kepada ekuiti, adakah ini bermakna *venture capital* ini di Malaysia akan lebih berjaya untuk menggalakkan syarikat-syarikat supaya kita satu hari pun hendak menarik Bill Gates datang ke sini juga. Bukan sahaja melepaskan batuk di tangga sahaja masa ini. Kalau kita boleh dapat RM1.7 bilion pelaburan daripada *Microsoft* ke sini lebih baik. Itu sahaja, sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Setiausaha Parlimen, sila. 6.50 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah kepada Yang Berhormat bagi Kepong dan Yang Berhormat bagi Puchong kerana telah membangkitkan satu dua perkara. Berkenaan dengan kenapa pinjaman ditukar kepada ekuiti, sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, Syarikat MAVCAP Sdn. Bhd. ini adalah syarikat dua ringgit sebenarnya dan mendapat pinjaman daripada kerajaan tanpa faedah sebanyak RM500 juta. Jadi memanglah *logical* dan memang adalah kena pada

tempatya kalau sebahagian daripada pinjaman itu ditukar kepada ekuiti. Jadi maknanya ia menjadi satu syarikat seratus peratus kerajaan, bukan ada orang lain yang terlibat.

Sebab itu dikeluarkan modal RM50 juta dan dua unit dan semuanya dipegang oleh MOF Incorporated, Tuan Yang di-Pertua. Syarikat ini sebenarnya membuat untung sedikit dan setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, ada maklumat pada saya sini, syarikat ini telah menubuhkan empat syarikat yang lain, subsidiari untuk sebenarnya mengambil bahagian menjalankan aktivitiya dan selain daripada itu syarikat ini juga telah pun mengeluarkan pinjaman-pinjaman kepada 72 syarikat. Saya sebut di sinilah syarikat yang telah ditubuhkan sebagai subsidiari syarikat induk ini iaitu Mavcap Sdn. Bhd., Mavcap Technology Sdn. Bhd., Mavcap Biotech Sdn. Bhd. dan Mavcap Photonic Sdn. Bhd. Ini empat syarikat yang telah ditubuh sebagai subsidiari kepada syarikat Mavcap yang induk.

Selain daripada itu MAVCAP induk ini telah mengeluarkan pinjaman kepada 72 syarikat yang lain dan di dalam bidang-bidang yang berisiko tinggi sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua seperti yang bank lain tidak berani hendak masuk hendak menceburi. Misalnya dalam *telecommunication*, dalam *networking*, dalam *software*, dalam grafik dan sebagainya. Jadi setakat ini memang syarikat telah pun buat untung. Lima syarikat telah pun pergi ke *listing*, empat di MESDAQ ya dan dua telah pun dimasukkan untuk *listing* pada tahun ini dan 40% peratus adalah syarikat yang telah pun diberi pembiayaan oleh Mavcap ini, 40% adalah di bawah MSC, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat itu menjawab soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul seperti mana yang dibacakan oleh Yang Berhormat menteri Kewangan, hendaklah diluluskan.

Usul kemukakan bagi diputuskan, dan di setujukan.

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI INTEGRITI – PENUBUHAN

6.54 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 81(1), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat mengambil ketetapan yang berikut:

Bahawa majlis ini mengambil ketetapan bahawa:

- (a) Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai integriti ditubuhkan bagi membincangkan isu-isu pengukuhan nilai, etika dan integriti di kalangan masyarakat berlandaskan pelaksanaan Pelan Integriti Nasional;

(b) Jawatankuasa Pilihan tersebut hendaklah terdiri daripada anggota-anggota yang berikut:

- i. Yang Berhormat Tan Sri Bernard Giluk Dompok. Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebagai Pengerusi;
- ii. Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang, DAP (Ipoh Timor);
- iii. Yang Berhormat Dato' Dr. Wan Hashim bin Wah Teh, Barisan Nasional (Gerik);
- iv. Yang Berhormat Puan Rosnah binti Haji. Abd. Rashid Shirlin, Barisan Nasional (Papar);
- v. Yang Berhormat Tuan Teng Boon Soon, Barisan Nasional (Tebrau);
- vi. Yang Berhormat Dr. James Dawos Mamit, Barisan Nasional (Mambong)
- vii. Yang Berhormat Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy, Barisan Nasional (Cameron Highlands);
- viii. Yang Berhormat Cik Tan Lian Hoe, Barisan Nasional (Bukit Gantang);
- ix. Yang Berhormat Datuk Richard Riot anak Jaem, Barisan Nasional (Serian);
- x. Yang Berhormat Tuan Eric Enchin Majimbun Barisan Nasional (Sepanggar);
- xi. Yang Berhormat Ir. Edmund Chong Ket Wah, Barisan Nasional (Batu Sapi); dan
- xii. Yang Berhormat Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman, PAS, (Pengkalan Chepa).

Jika Pengerusi tidak dapat hadir dalam sesuatu mesyuarat, jawatankuasa itu boleh memilih seorang pengerusi dari kalangan anggota-anggota jawatankuasa yang hadir yang akan memegang jawatannya hanya pada hari ia dipilih itu sahaja.

(c) Tempoh masa pelantikan Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut selama dua tahun;

(d) Jawatankuasa pemilihan tersebut hendaklah mengkaji perkara-perkara berikut:

- i. Meneliti dan membincangkan isu-isu etika dan integriti di kalangan masyarakat dan ahli-ahli majlis;
- ii. Merancang dan melaksanakan pelan tindakan integriti berdasarkan Pelan Integriti Nasional terutamanya sasaran utama Tekad 2008;
- iii. Mencadangkan penambahbaikan program dan aktiviti pelaksanaan Pelan Integriti Nasional yang mempunyai kaitan dan impak terhadap kesejahteraan sosial masyarakat dan negara khususnya ke arah pencapaian cabaran ke-4 Wawasan 2020;

- iv. Mengkaji dan meneliti akta-akta dan peraturan yang berkaitan dengan usaha pengukuhan nilai, etika dan integriti dan membincangkan pandangan serta syor yang berkaitan oleh pihak awam;
 - v. Mengemukakan cadangan dan perakuan perubahan dasar, semakan dan pindaan akta-akta dan peraturan tertentu kepada Parlimen untuk diperhalusi, dipertimbangkan dan diluluskan serta diambil tindakan oleh pihak-pihak yang berkaitan; dan
 - vi. Meneliti dan melaksanakan strategi dan agenda integriti yang telah digariskan dalam Pelan Integriti Nasional untuk institusi politik.
- (e) Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut hendaklah menyiapkan dan membentangkan laporan itu serta syor-syor berkaitan diserahkan kepada Majlis untuk dipersetujui atau mengikut apa cara yang diperintahkan oleh Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, agenda pemantapan integriti merupakan antara cabaran besar negara dan menjadi suatu keutamaan pelaksanaannya oleh kerajaan. Sebagaimana kita sedia maklum Malaysia telah mencapai kejayaan cemerlang sebagai sebuah negara membangun dan terus berusaha menjadi sebuah negara maju menurut acuan sendiri. Ini merupakan gagasan dan wadah murni kerajaan dan negara melalui sembilan cabaran dalam Wawasan 2020.

Justeru dengan pelancaran Pelan Integriti Nasional (PIN) dan penubuhan Institut Integriti Malaysia (IIM) oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 23 April 2004, ia menjadi pemangkin utama ke arah merealisasikan azam dan iltizam kerajaan. Semangat dan prinsip Perlembagaan Persekutuan, falsafah dan prinsip Rukun Negara serta aspirasi dan cabaran Wawasan 2020 menjadi pedoman semasa penggubalan dan pelaksanaan PIN. Bahkan objektif umum PIN adalah bagi mencapai cabaran ke-4 Wawasan 2020 iaitu membentuk sebuah masyarakat yang kukuh, ciri-ciri moral dan etikanya dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur.

Pembentukan Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai integriti ini dilakukan tepat pada masa dan ketikanya. Sebagaimana ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk kita melangkah ke masa hadapan yang lebih cemerlang negara perlu bijak menguruskan kejayaan. Di samping itu kita perlu dengan tegas dan berkesan mengatasi sebarang kelemahan dan kekurangan. Antara cabaran besar yang perlu dilaksanakan dalam usaha tersebut ialah memantapkan nilai-nilai murni, etika dan integriti. Dalam masa yang sama elemen-elemen negatif dan perosak masyarakat perlu ditangani. Justeru itu, kerajaan telah menggubal, melancar dan melaksanakan Pelan Integriti Nasional atau ringkasnya PIN yang berperanan sebagai suatu pelan induk yang memberikan bimbingan kepada keseluruhan sektor masyarakat ke arah menjayakan wadah dan gagasan pembangunan negara dan masyarakat yang membudayakan integriti.

PIN ialah sebuah Pelan Integriti yang lahir daripada aspirasi masyarakat dan negara Malaysia. Dibentuk mengikut acuan Malaysia dan dimiliki bersama oleh rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama. PIN digubal dengan mengambil kira keseluruhan pandangan dan cadangan yang melibatkan perwakilan hampir kesemua sektor masyarakat dan negara Malaysia. Justeru itu PIN mencerminkan hasrat bersama dan *synergy* pemimpin-pemimpin dan rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, usaha pembudayaan integriti masyarakat memerlukan suatu proses jangka panjang. Usaha ini telah dilakukan sebelum ini dan dimantapkan dengan pelaksanaan PIN oleh semua sektor masyarakat. Namun begitu bagi memastikan gerakan pemantapan integriti berjalan lancar dan mencapai matlamatnya, PIN menyusun keutamaan dan menetapkan sasarannya secara berfasa bagi tempoh lima tahun pertama iaitu bermula tahun 2004 hingga 2008 sebagai fasa pertama. PIN menetapkan lima sasaran keutamaan yang hendak dicapai, sasaran ini dikenali sebagai tekad 2008 iaitu;

- i) mengurangkan gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa secara berkesan;
- ii) meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengatasi kerenah birokrasi;
- iii) meningkatkan tadbir urus korporat dan etika perniagaan;
- iv) memantapkan institusi keluarga dan komuniti; dan
- v) meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat.

Dalam usaha untuk mencapai tekad 2008, pendekatan dan strategi umum yang digunakan oleh PIN ialah menggerakkan semua sektor di seluruh negara dan masyarakat supaya mendukung dan menghayati semangat PIN. Semua sektor masyarakat ini juga perlu bekerjasama dan berkoordinasi di antara satu sama lain untuk melaksanakan pelbagai program seperti digariskan oleh PIN dan boleh ditambah baik dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, gerakan pemantapan integriti memberi tumpuan kepada peningkatan integriti daripada peringkat akar umbi hingga ke peringkat atas. Kesemua komponen dan sektor seperti keluarga, komuniti dan masyarakat *civil* yang di dalamnya terdapat pelbagai badan bukan kerajaan dan seterusnya sektor agama, sosiobudaya seperti aspek pendidikan, kesihatan, sukan dan rekreasi, media, kesenian, sastera dan warisan, ekonomi, politik dan pentadbiran. Jika kita telitikan gerakan ini benar-benar bersifat menyeluruh atau *holistic* dan kolektif dengan meliputi semua lapisan dan sektor negara dan masyarakat. Oleh sebab pendekatan pelaksanaan agenda integriti ini dilakukan dengan penglibatan penjalinan kekuatan pelbagai institusi dari bawah ke atas dan atas ke bawah yang tujuan memperkukuh dan memantapkan integriti. Maka ia mempunyai dinamisme dan keampuhannya yang tersendiri. Pendekatan ini juga adalah selaras dengan pelan tindakan pelaksanaan Pelan Integriti Nasional di mana sektor politik juga merupakan antara sektor penting.

Justeru dengan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai integriti di Parlimen maka hasrat dan gagasan negara ke arah membudayakan integriti masyarakat diyakini dapat dijayakan dengan lebih berkesan. Pemilihan Yang Berhormat Tan Sri Bernard Giluk Dompok, Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebagai salah seorang Menteri yang senior sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas ini dan penglibatan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada parti politik kerajaan dan bukan kerajaan dalam Jawatankuasa Pilihan Khas ini juga merupakan suatu *synergy* bersama bagi membincangkan isu pengukuhan integriti di kalangan masyarakat.

Adalah diharapkan Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai integriti ini akan dapat memberikan sumbangan dan idea yang bernas ke arah pengukuhan dan pemantapan integriti, di samping peranan dan sumbangan semua Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini untuk bersama-sama menjayakan usaha ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sokong.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya sekarang ini terbuka untuk dibahas. Satu pun tidak ada tidak payahlah.

Dr. Tan Seng Giaw: Jangan, jangan, jangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kata satu, Yang Berhormat bukan satu.

6.57 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, ya, itu saya janji tidak sampai lima minit, itu betul. Tuan Yang di-Pertua, memang saya bersetuju dengan Yang Berhormat tadi apa yang disebutkan dia ambil lebih dari lima minit dan dia sudah hadkan masa saya. Itu bukan cara dan bukan integriti itu. Yang Amat Berhormat sudah mengatakan bahawa beliau berhasrat untuk menyaksikan integriti di Malaysia ini berjaya. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat berkata:

"My resort to pursue an anti corruption agency has never wavered even for a moment. Those who claim to see a lack of movement...". Ini yang penting, *"...lack of movement in this direction maybe limiting their view to particular aspects of the anti corruption agency namely arrest and convictions of people. Perhaps this is understandable given that it is for many people the most visible and sensational aspect of an anti corruption drive however as I am sure many of you in the audience can attest too, the fight against corruption is not a quick and simple process but one that is highly complex especially if it is to be affective and sustainable in a long run"*. Dan banyak lagi yang dia berharap, *"... even transparency international well known for its work in promoting good governance as well as for fighting corruption, highlights this complexity when they refer to the National Integrity System as necessary to advance in ethics and integrity."* Yang penting sekali itu saya ada dengar dan Yang Berhormat Menteri pun mestilah membantu Yang Amat Berhormat.

Saya sering dengar, dia cakap sahaja, tetapi bila dibawa ke atas, dari atas ke bawah tidak ada integriti langsung, itu cakap sahaja. Kita bersama-sama, Arau tidak tahulah... [Ketawa] tidak tahulah...cakap sahaja itu!

Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bahas sedikit, cepat sedikit Yang Berhormat!

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, ya, ya....baik, baik, hendak bahas pun baik, saya hendak habiskan cadangan saya dan saya ada dengar, memang ada dengar dan semalam pun ada dengar, dia cakap Yang Amat Berhormat dia cakap sahaja dan sekarang - hari ini mungkin dia anggap itu Yang Berhormat Menteri Parlimen dia cakap sahaja tetapi yang berlaku di seluruh negara pun dari atas ke bawah, bawah ke atas, kita boleh nampak itu dan saya berharap dengan adanya usul ini, ditubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan Khas, di sini kita boleh bersama-sama membantu Yang Amat Berhormat mencapai satu negara yang bersih, yang cekap dan beramanah, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cameron Highlands.
6.59 ptg.

Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya benar-benar menyokong Usul Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai integriti. Sesungguhnya dalam tempoh beberapa minggu ini dan beberapa bulan ini setiap kali kita baca surat khabar di muka depan yang dipaparkan adalah perkara-perkara negatif, penyakit-penyakit sosial sehingga *glory* dan juga kemenangan Nicol David pun telah dikelabui oleh masalah-masalah di rata-rata negara. Maka saya rasa paradigma sebegini yang sentiasa dikecapi oleh generasi muda akan melahirkan satu minda yang salah kepada kerajaan, jentera kerajaan dan juga masyarakat umumnya dan kita tidak sangkal bahawa dalam nubari, dalam nubari...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tangga Batu bangun.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya *for the sake of curiosity*. Yang Berhormat tadi nama dalam senarai yang dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat pula menyokong. Tidak cantiklah Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Tidak apalah.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Itu hati saya dan hasrat saya kerana integriti tidak ada satu sistem, dia keikhlasan dan niat dengan ikhlas.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Itulah nama sendiri ada hendak sokong, itu yang tidak cantik itu.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Okey, tidak apa. Tidak apa saya hendak ceritakan luahan perasaan saya kepada Menteri kita dan saya ingin mengatakan bahawa sudah tiba masanya untuk kita memberi teladan kepada generasi muda bahawa kita bukan seteruk seperti mana yang digambarkan. *Nation* ini dengan izin *is a very good nation*. Kita pergi ke luar negara baru kita tahu. Maka sudah tiba masanya untuk kita membuat kerja untuk memberitahu kepada *nation* ini bahawa *this is a very beautiful nation* dan itulah hasrat kita dan saya minta supaya media kurangkan sedikit yang negatif. Biarlah yang positif bermaharajalela di paparan surat khabar dan media. Itu hasrat saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bentong.
7.11 mlm.

Dato' Liow Tiong Lai [Bentong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri di sini mohon menyokong penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas ini kerana ia amat perlu untuk kita melaksanakan inspirasi dan juga cita-cita rakyat kita membina satu negara yang betul-betul mempunyai integriti, *transparent* dan melaksanakan tugas-tugas, dasar-dasar kerajaan dengan cekap dan amanah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada menyokong saya juga ingin mengambil kesempatan di sini menyeru semua pemimpin daripada menteri sampailah ahli-ahli Parlimen dan juga pegawai-pegawai kerajaan sebagai pemegang manah daripada rakyat untuk menjalankan tugas kita dengan cekap dan amanah kerana hendak hapuskan rasuah ini terutamanya rasuah ini adalah punca kepada segala maksiat yang wujud pada hari ini dan kita perlu menghapuskan rasuah dengan sedaya-upaya kita sampailah ke peringkat akar umbi kerana melalui usaha gigih kita menghapuskan rasuah kita yakin dapat meningkatkan keberkesanan pentadbiran negara kita.

Seperti yang kita lihat masalah yang ada pada hari ini kita mempunyai pemimpin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang begitu disanjung tinggi dan dihormati di peringkat dunia merupakan seorang pemimpin yang ingin melihat negara kita terus maju ke hadapan, bebas dari segala rasuah dan cekap untuk menjalankan dasar-dasar kerajaan. Apa yang menjadi masalah kepada kita sekarang adalah pelaksanaan pelan integriti kita. Bagaimana kita hendak memastikan pelan ini dilaksanakan dengan berkesan di semua peringkat terutama di sistem penyampaian negara kita kerana sistem penyampaian negara kita adalah satu sistem yang cukup besar dan cukup penting untuk melaksanakan dasar-dasar kerajaan.

Oleh itu saya berharap kita dapat melihat kembali bagaimana hendak meningkatkan sistem penyampaian negara seperti yang dicadangkan meningkatkan sistem informasi kita, meningkatkan komputer, menggunakan sistem komputer dan juga memudahkan lagi birokrasi dalam sistem pentadbiran awam kita. Saya berharap MAMPU dan juga agensi-agensi lain dapat mempercepatkan lagi penggunaan sistem komputer yang berkesan untuk mengurangkan lagi masalah-masalah kerenah birokrasi dalam negara kita. Dengan itu saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Johor Bahru.

7.14 mlm.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin juga turut menyokong usul yang telah dibawa oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas yang bermaya dengan tempoh pelantikan selama dua tahun.

Namun demikian saya berharap bahawa tempoh itu tidak membuat kita menunggu sampai dua tahun, malahan perlulah saya rasa Jawatankuasa Pilihan Khas ini bergerak dengan seberapa yang boleh untuk membuat laporan kepada Dewan ini dengan kejayaan-kejayaannya atau pendekatan-pendekatannya dalam pada masa-masa yang tertentu sebelum habis tempoh pelantikan Jawatankuasa Pilihan Khas ini.

Yang kedua, saya juga menyokong sangat Jawatankuasa Pilihan Khas ini kerana ianya merupakan satu usaha yang patut disokong oleh kita semua sebagai Ahli-ahli Parlimen yang sememangnya saya rasa dalam perbincangan kita dan tumpuan kerja kita selama ini memang ingin melihat kepada satu suasana dan budaya etika dan integriti di peringkat kerajaan dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi kerajaan khususnya dari segi melaksanakan undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan ini secara terbuka dan secara berkesan dan mengikut semangat di sebalik setiap undang-undang itu.

Kedua dengan juga membelanjakan wang ringgit yang telah diluluskan oleh Dewan dengan cara yang begitu bersesuaian dengan hasrat sokongan yang telah kita semua beri kepada permintaan daripada pihak kerajaan dan juga bagi tujuan dan matlamat yang ditetapkan itu. Sudah tentulah bahawa Parlimen sendiri merupakan satu institusi yang penting kerana di sinilah saya berpendapat bahawa terletaknya mandat rakyat daripada satu pilihan raya kepada satu pilihan raya dan dalam tempoh kita masih lagi memegang kepada mandat rakyat itu Parlimen merupakan badan yang sesuai sangat untuk ditingkatkan prestasinya, untuk ditingkatkan keupayaannya. Malah pihak Parlimenlah yang patut menjadi badan atau institusi yang mengetuai dan mempelopori isu-isu etika dan integriti di semua lapangan kegiatan kita sama ada di peringkat kita sebagai Dewan mahupun di peringkat kerajaan dan badan-badan kerajaan.

Oleh itu, saya juga berharap bahawa dalam perbincangan dan dalam segi pertimbangan Jawatankuasa Pilihan Khas ini akan dapat juga melihat kepada kekesanan kita sendiri sebagai sebuah Dewan dan Jawatankuasa Pilihan Khas ini tidak harus sahaja mendengar pandangan daripada membukakan peluang kepada orang ramai dan masyarakat tetapi patut juga membuka peluang kepada Ahli-ahli Parlimen untuk bertemu rakan-rakan mereka yang duduk dalam Jawatankuasa Pilihan Khas ini untuk membincangkan tentang soal-soal integriti dan etika yang mungkin dapat dicapai bagi institusi Parlimen itu sendiri. Oleh sebab itu saya percaya bahawa kalau benar-benar negara ingin mencapai matlamat Pelan Integriti Nasional di sinilah saya rasa

patut mulanya usaha-usaha integriti dan etika sebelum kita meminta kepada pihak-pihak yang lain sama ada rakyat dan sebagainya untuk pula mengamalkannya atau menyokong kepada budaya etika dan integriti di peringkat masing-masing.

Jadi oleh itu Parlimen sendiri saya rasa mempunyai peranan dan kedudukan yang penting untuk menjayakan pelan Integriti Nasional dan sebagai kumpulan yang kecil daripada kalangan kita dari segi Ahli-ahli Parlimen tidak sampai pun 300 orang hanya 200 lebih dan juga kakitangan pentadbiran kita yang juga merupakan sebagai sebuah badan yang begitu besar.

Oleh itu, ke arah mencapai isu-isu etika, mencapai dan membentuk budaya etika dan integriti, peranan Parlimen dan kedudukan Parlimen harus terus menerus menjadi sebuah badan, sebuah institusi yang terbuka kepada orang ramai dan juga mendapat pujian dan sanjungan daripada orang ramai kerana sebenarnya kita masih dan terus memegang mandat yang telah mereka berikan kepada kita pada pilihan raya yang lalu. Oleh itu, saya berharap bahawa Jawatankuasa Pilihan Khas ini akan dapat memberikan perhatian kepada soal-soal integriti dan soal-soal etika dan membuka luas pendengaran mereka dan penerimaan mereka kepada pandangan dan pendapat yang bakal disampaikan oleh pihak awam.

Dan, sekali lagi saya menyokong hasrat penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas ini dan saya berharap bahawa sambil kita sudahpun menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas ini untuk tujuan integriti, kita juga di peringkat Parlimen turut mengutamakan gerakan dan usaha kita sendiri bagi mencapai dan menjadi contoh pula kepada masyarakat dan negara dari segi soal budaya etika dan budaya integriti. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, kemudian Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

7.21 ptg.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sabak Bernam ingin mengemukakan beberapa pandangan dan pertanyaan. Yang pertama, sepanjang perbahasan di peringkat Parlimen di Dewan yang mulia ini, hampir majoriti atau majoriti Ahli Parlimen telah menegur ataupun memberikan pandangan mengenai beberapa kekurangan dan kelemahan di peringkat jabatan. Hampir semua jawatan. Jadi, dalam konteks ini, kita dapati aspek manusia ataupun pegawai dalam satu-satu institusi itu adalah sangat penting.

Jadi, Sabak Bernam hanya ingin berikan pandangan dari segi mereka yang ingin dikembalikan integriti ini adalah mereka yang biasanya sudah berusia lebih dari 40 tahun, 45 dan 50 tahun yang sebenarnya sukarlah untuk diubah sikap mereka. Oleh kerana itulah, maka Sabak Bernam ingin bertanya setakat manakah kuasa jawatankuasa ini, untuk umpamanya apabila Ahli Parlimen mengemukakan laporan tentang satu-satu kelemahan. Apakah jawatankuasa ini mempunyai satu kuasakah untuk melaporkan di peringkat atas untuk satu tindakan yang segera diambil terhadap satu-satu penyelewengan sama ada di peringkat kementerian ataupun jabatan.

Perkara kedua yang terakhir, Sabak Bernam sebenarnya sangat-sangat mengalu-alukan jawatankuasa ini kerana sebenarnya Kerajaan Malaysia ini sebenarnya satu kerajaan yang cukup baik di semua peringkat dan memberi perhatian kepada kebajikan rakyat di semua peringkat.

Oleh kerana itu, kita yakin sebab penuh yakin dengan kepimpinan yang ada, ini sangat penting kepimpinan melalui teladan yang dipelopori oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita yakin bahawa masa akan datang, negara kita akan menjadi lebih baik dengan adanya jawatankuasa pilihan khas ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri.

7.23 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak kerajaan ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada lima orang yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan bagi menyokong usul ini. Mereka ialah Yang Berhormat bagi Kepong, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, Yang Berhormat bagi Bentong, Yang Berhormat bagi Johor Bahru, dan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Yang Berhormat bagi Kepong sebenarnya, tidak ada apa-apa sebenarnya yang dibangkit. Tidak bernas dan sebenarnya integriti pun tidak ada, sebab dia bercakap bahasa Inggeris tidak minta izin pun. *[Ketawa]* Jadi, itu integriti tidak ada.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bercakap tanpa pembesar suara].*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak, saya menggulung ini. Saya menggulung. Bila kita dalam Dewan Rakyat, integriti kita, kita kena ikut peraturan. Kalau bercakap dalam bahasa Inggeris kena minta izin. Jadi, dia tidak minta tadi, saya lihat. Kemudian juga buat tuduhan tanpa memberi bukti mengata, saya pun tidak faham apa yang dia kata atas bawah, atas bawah. Apa benda yang atas bawah, atas bawah itu? Yang saya sebut atas bawah itu dalam ucapan saya ialah berkenaan dengan institusi, ya? Institusi di atas dan di bawah. Jadi, tidak ada apa-apa yang dibangkit oleh beliau yang perlu saya komenlah.

Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, saya ucap terima kasih kepada beliau. Saya setuju iaitu bahawa sebenarnya dalam soal apa yang kita lakukan ini, media memainkan peranan yang penting. Sebenarnya, seperti yang kita tahu iaitu bahawa apa yang berlaku kepada pihak polis *force*, yang dibangkit itu cuma *back head* sahaja tetapi saya rasa kalau perkara-perkara baik yang dilakukan oleh polis itu juga dapat diberikan siaran dalam media sama banyak dengan laporan-laporan jenayah yang dilakukan, saya rasa polis juga akan mendapat coverage yang baik. Jadi, saya rasa media memang mempunyai peranan yang penting untuk juga menyiarkan berita-berita baik seperti dapat menyelesaikan kes-kes dengan cepat. Ini juga akan memberikan imej yang baik kepada pihak polis.

Kemudian, Yang Berhormat bagi Bentong, saya mengucapkan terima kasihlah kepada beliau di atas sokongan yang telah diberikan dan Yang Berhormat bagi Johor Bahru juga mengambil bahagian dalam perbahasan. Saya ingin menyatakan di sini, iaitu pertama

berkenaan dengan tempoh. Memang betul. Kita kalau boleh, walaupun diberikan dua tahun, tidak bermakna ia mesti menggunakan keseluruhan dua tahun. Kalau Yang Berhormat lihat dalam cadangan kita ini, kita tidak memberikan satu ruang untuk mereka menambahkan tempoh, ya! Kita tidak benarkan. Seperti ada juga satu *Select Committee*, yang kita ada masukkan iaitu bahawa kalau mereka perlu kepada masa yang lebih kita benarkan.

Tetapi di sini, kita tidak memberi ruang kepada mereka pertambahan tempoh. Jadi, ia diberi hanya dua tahun dan sememangnya kita harap supaya tidaklah ia menggunakan dua tahun itu sebelum sampai ke satu program yang hendak dilaksanakan. Dan, apa yang menggembirakan, kita telah mempercepatkan usul ini dan saya difahamkan iaitu pada 12 Disember 2005 ini, Pengerusi Jawatankuasa ini akan mengadakan perbincangan di IAM dan mendapat *first hand information* daripada pihak IAM serta merancang hala tuju dan strategi jawatankuasa ini. Kita telah dimaklumkan juga iaitu bahawa IAM ini akan menjadi urus setia kepada jawatankuasa ini.

Kemudian, Yang Berhormat juga sebut bahawa Parlimen mesti memainkan peranan yang utama. Memang betul. Sebab itulah kerajaan tidak memikirkan untuk mewujudkan suruhanjaya atau apa-apa badan yang lain di luar Parlimen untuk membincangkan tentang perkara integriti ini. Sebab itu penubuhan jawatankuasa pilihan khas mengenai integriti ini kita lakukan di Parlimen. Kita lakukan di Parlimen. Bermakna, Parlimen mesti memainkan peranan yang penting.

Saya juga telah mencatat tentang permintaan Yang Berhormat bagi Johor Bahru iaitu selalunya kita kadang kala, kita ada *select committee* ini kita selalu pergi ke *grass root*, dengar pandangan orang ramai tapi kita tidak mendengar sendiri pandangan Ahli Parlimen kita. Jadi sebab itu, saya mencatat dan maklumkan kepada pihak jawatankuasa iaitu jangan lupa untuk juga berhubung dan berunding dan mendengar pandangan Ahli-ahli Parlimen dan tidak hanya mendengar apa yang dibangkitkan oleh orang ramai sahaja. Ini telah saya catat dan akan saya maklumkan kepada beliau. Jawatankuasa ini bersama-sama IAM akan membawa isu, syor dan perakuan berdasarkan resolusi, pandangan daripada pelbagai program yang telah, sedang dan akan diadakan. Ini menyokong Parlimen di dalam isu-isu ini.

Kemudian, saya juga cuma untuk menyatakan di sini, iaitu bahawa oleh kerana Yang Berhormat bagi Bentong dan Yang Berhormat bagi Cameron Highlands bangkit berkenaan dengan rasuah, saya ingin menyatakan di sini bahawa persoal integriti ini bukan sahaja soal rasuah tetapi integriti ini termasuk soal amanah, kecekapan, keberkesanan, penyampaian, khidmat awam, tadbir, urus korporat atau sektor swasta, soal kebersihan alam sekitar, integriti di jalan raya dan sebagainya. Jadi, dia cukup luaslah, ya! Dan oleh kerana itu, ianya tidaklah terhad sahaja kepada rasuah tetapi merangkumi ini semua. *The scope is very wide*, dengan izin. Cakap orang putih pun minta dengan izin, dalam Dewan ini.

Kemudian Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bangkit dengan banyak-banyak perkara yang telah dibahas dan dibincangkan dalam Dewan ini dirasakan seolah-olah iaitu bahawa pandangan ini pergi begitu sahaja dan tidak disampaikan kepada Jabatan dalam kementerian yang berkenaan untuk di laksanakan. Sebab itu saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa perkara ini penting sebab itu kita juga skopnya itu termasuklah di *delivery system*. Sistem penyampaian, jadi ini semua diambil kira seperti mana yang dikehendaki oleh Yang Berhormat bagi Sabak Bernam sebentar tadi.

Akhirnya pembinaan integriti adalah berdasarkan unsur-unsur pembudayaan integriti, penguatkuasaan penting tetapi bagaimana usaha-usaha pencegahan awal ataupun *persuasion* adalah lebih penting, kita akan laksanakan. Kita ambil kira semua yang telah dibangkitkan dan sememangnya kita mengharapkan iaitu bahawa Parlimenlah akan menjadi institusi utama dalam kita menegakkan ataupun mementingkan integriti di negara kita. Dengan itu saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada mereka yang telah mengambil bahagian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahasa usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengikuti Peraturan Mesyuarat 81(1) itu tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Usul disetujui.

AKTA KASTAM 1967

2. **Perintah Duti Kastam (Pindaan) 2005 (ST.189/2005)**
-P.U. (A) 208 bertarikh 26 Mei 2005
2. **Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.2) 2005 (ST.190/2005)**
-P.U. (A) 209 bertarikh 26 Mei 2005
5. **Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN Dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) 2005 (ST.191/2005)**
-P.U. (A) 210 bertarikh 26 Mei 2005
6. **Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN Dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.2) 2005 (ST.192/2005)**
-P.U. (A) 211 bertarikh 26 Mei 2005
5. **Perintah Duti Kastam (Duti Anti-Lambakan Sementara) 2005 (ST.193/2005)**
-P.U. (A) 242 bertarikh 23 Jun 2005
7. **Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.3) 2005 (ST.133/2005)**
P.U. (A) 370 bertarikh 30 September 2005

7. **Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN Dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (NO.4) 2005 (ST.134/2005)**
- P.U. (A) 371 bertarikh 30 September 2005
8. **Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (No.2) 2005 (ST.194/2005)**
- P.U. (A) 414 bertarikh 20 Oktober 2005

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam Pindaan 2005 (ST. 8189) P.U. (A) 208 bertarikh 25 Mei 2005. Perintah ini adalah bertujuan untuk menurunkan kadar duti import ke atas *fully ethylene PE.having especially graviti of less then 0 94* di bawah kod tarif 3901.1000 dan *fully ethylene PE having especially gravity of point 0 94 or more*.di bawah kod tarif 3901.2000 dari 30% kepada 25% mulai 26 Mei 2005. Industri PE ini telah diberi perlindungan takrif sebanyak 30% mulai 1993.

Penurunan duti ini yang dibuat secara beransur-ansur adalah bertujuan supaya pengeluar tempatan bersedia menghadapi persaingan di pasaran terbuka di bawah Akta ASEAN *Free Trade Agreement* dan *FTA Retread Agreement* yang melibatkan penurunan duti import.

Yang kedua Perintah Duti Kastam Pindaan 2005 (ST. 190) P.U. (A) 209 bertarikh 26 Mei 2005. Perintah ini adalah bertujuan untuk menurunkan kadar duti import ke atas *poli etelin resin* (PP) di bawah kod 3902.10300 dan *poli etilin* kod polimus di bawah kod tarikh 3902.30000 dari 30% kepada 35% mulai 26 Mei 2005. Sama seperti Industri PE industri PP juga telah diberi perlindungan takrif sebanyak 30% melebihi 10 tahun.

Duti import ini wajar diturunkan untuk tidak membebankan pengeluar komponen plastik tempatan terutamanya industri berteknologi tinggi seperti *electrical* dan *electronic* serta *automotive* yang perlu mengimport gred PP Engineering kebanyakannya dari negara Jepun dan Korea.

Yang ketiga Perintah Duti Kastam Barangan berasal dari negara-negara Asean data nama tarikh berharmonis Asean dan tarif keutamaan sama rata pindaan 2005 (ST. 191) P.U. (A) 210 bertarikh 26 Mei 2005. Perintah ini merupakan Pindaan susulan *consequential*.yang berbangkit daripada Perintah Duti Kastam Pindaan 2005 bertujuan untuk menurunkan kadar duti import ke atas *poly ethylene* .yang berasal dari negara ASEAN.

Yang keempat Perintah Duti Kastam Barang-barang Berasal Dari Negeri-negeri ASEAN Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata Pindaan No.2 2005 (ST. 192) P.U. (A) 211 bertarikh 26 Mei 2005. Perintah ini juga merupakan pindaan susulan *consequential* yang berbangkit daripada Perintah Duti Kastam Pindaan No. 2 2005 bertujuan untuk menurunkan kadar duti import ke atas *poly ethylene resin*.PP.

Yang kelima, Perintah Kastam Duti Import Anti Lambakan Sementara 2005 P.U. (A) 242 bertarikh 23 Jun 2005 (ST. 193)

Perintah ini adalah bertujuan untuk mengenakan satu duti anti lambakan sementara ke atas pengikutan *poli ethylene* ... PET yang berasal atau diimport dari Chinese Taipie, Republik Indonesia, Republic Korea dan Thailand. PT yang terlibat adalah *poli ethylene .. of more than point seven...pergram... generally for use in the manufacturing of plastic bottles seeds and strap* dan ia tidak meliputi PET yang digunakan di dalam pengeluaran *polyester fiber*

Kadar yang dikenakan adalah di antara 19.13 peratus dan 32.55 peratus bagi Chinese Taipei, di antara 3.1 peratus dan 17.69 peratus bagi Republik Indonesia, 17.09 peratus bagi Republik Korea dan di antara 5.24 peratus dan 67.9 peratus bagi Thailand. Duti anti-lambakan sementara ini dikenakan memandangkan penentuan awal selaras dengan peraturan yang ditetapkan oleh *World Trade Organization (WTO)* mendapati PET yang berasal dari negara-negara berkenaan dilambakkan dan telah mengakibatkan kemudaratan material kepada industri tempatan.

Dalam erti kata lain, PET yang diimport dari negara-negara tersebut dijual dengan harga yang begitu rendah hingga menjejaskan industri tempatan. Dengan itu pengenaan duti anti-lambakan ini akan membendung kesan negatif akibat daripada lambakan tersebut. Walau bagaimanapun dua syarikat pengeksport masing-masing dari Thailand dan Indonesia tidak dikenakan sebarang duti anti-lambakan ini memandangkan ianya didapati tidak melambakkan pasarannya di pasaran tempatan. Duti anti-lambakan sementara ini dikenakan sehingga penentuan muktamad dibuat dalam tempoh 120 hari dari tarikh perintah duti anti lambakan sementara ini diperkuat kuasa.

Yang keenam, perintah Anti Kastam (Pindaan) No.3 205, ST133 PUA 370 bertarikh 30 September 2005. Perintah ini bertujuan untuk menurunkan kadar duti import ke atas produk terpilih iaitu *glass* dan *glassware*, produk kertas, produk *non-metallic*, produk-produk ICT, produk-produk *electrical* dan elektronik di mana duti import diturunkan antara 25 peratus dan 30 peratus kepada di antara 20 peratus dan 25 peratus. Perintah ini juga untuk meminda struktur duti import ke atas minuman keras supaya diselaraskan dengan struktur duti eksaisnya. Di samping itu perintah ini juga bertujuan menyelaraskan kadar duti ke atas tiga jenis produk kertas daripada tidak berduti kepada berduti import 10 peratus untuk mengelakkan pengisytiharan produk menggunakan kod produk yang tidak berduti.

Yang ketujuh, perintah duti kastam barang-barang berasal dari negara-negara Asean atas nama Tarif Berharmoni Asean dan Tarif Keutamaan (Pindaan) No.4 05 ST 134, PUA 371 bertarikh 30 September 2005. Perintah ini adalah pindaan susulan *consequential* berbangkit daripada perintah Duti Kastam (Pindaan) No.3 205 berkaitan penurunan dan penyelarasan kadar dan struktur duti import ke atas produk terpilih dan minuman keras yang berasal dari negara-negara Asean.

Yang kelapan, perintah kastam, Duti Anti-Lambakan No.2 205 ST 194 PUA 414 bertarikh 24 Oktober 2005. Perintah ini adalah bertujuan untuk mengenakan duti anti lambakan muktamad

ke atas pengimportan Polyethylene (PET) yang mempunyai *Intrinsic Viscosity more than 0.7 vial per gram* yang umumnya digunakan dalam pengeluaran botol plastik, *sheet* dan *strap* yang berasal atau diimport dari Chinese Taipei, Republik Indonesia, Republik Korea dan Thailand.

Duti anti lambakan muktamad ini dikenakan selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 yang telah dimuktamadkan bahawa kadar duti di antara 5.13 peratus dan 30.74 peratus bagi Chinese Taipei, 2.17 peratus dan 17.69 peratus Republik Indonesia, 17.09 peratus bagi Republik Korea dan 5.33 peratus dan 49.25 peratus bagi Thailand. Sebanyak tiga pengeksport masing-masing dari Chinese Taipei, Republik Indonesia dan Thailand tidak dikenakan sebarang duti anti lambakan ini kerana ianya didapati tidak melambakkan keluaran di pasaran tempatan. Pengeunaan duti anti-lambakan adalah bagi tempoh lima tahun dan akan dikaji semula pada akhir tempoh tersebut. Dengan pengenaan duti ini, kesan negatif dan kemudaratan material akibat lambakan barangan tersebut ke atas industri tempatan akan dapat dibendung. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sekarang ini terbuka untuk di bahas. Kepong, tak letih kah?

7.43 ptg

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kerana ini penting melibatkan berbilion-bilion ringgit, saya tak akan melepaskan itu. Cuma Yang Berhormat Menteri Parlimen tidak ada di sini tetapi saya bagi dia peluang sedikit dia membidas.

Tuan Yang di-Pertua, di sini ada lapan perkara yang dibentangkan cuma itulah semua untuk elektronik untuk *electricity* dan sebagainya, *Polyethylene* yang penting sekali di empat dan lapan saya nampak mengapa kita ada dua-dua ini dan yang pertama itu mengenai ini

Timbalan Yang di-pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cadangkan apa yang bagus.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cadangkan apa yang bagus.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, memang. Ini memang satu perkara yang rumit Tuan Yang di-Pertua. Nama pun rumit juga, Polyethylene 'terephthalate'. Nama rumit. Ini yang penting untuk plastik, elektronik dan sebagainya. Saya hendak tahulah dari segi ini saya nampak nama Taipei, Indonesia, Thailand yang disebutkan tetapi ada dua syarikat, tetapi Thailand dan Indonesia dikecualikan dan juga yang di dalam lapan itu PUA 414 itu tiga syarikat dikecualikan dan adakah kerana lima syarikat ini ada berkaitan dengan syarikat tempatan juga dan sebab saya sebutkan di sini Tuan Yang di-Pertua, saya takut jugalah. Walaupun kita mesti mempertahankan negara kita, syarikat-syarikat kita daripada lambakan itu memang penting. Kita tidak mahu orang yang menyusahkan syarikat kita tetapi walau bagaimanapun saya berpendapat semua tindakan yang diambil ini mestilah adil pada semua pihak. Mestilah adil kepada semua

pihak, tidak ada pilih kasih dan sebagainya sebab apa lima syarikat sahaja dikecualikan dan syarikat-syarikat yang lain dikenakan duti anti lambakan dan sebagainya, memang teruk duti itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai industri PE, industri PP dan sebagainya dengan adanya CEPT, nama Tarif Berharmoni, dan Tarif Keutamaan Efektif Sama Rata - (CEPT) dengan ininya, adakah ini bermakna yang kita kenakan duti import kepada minuman arak dan sebagainya - adakah ini bermakna, kalau ini daripada anggota Asean kita tak payah dan kenakan duti yang berat ini. sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada *detail* di sini tentang syarikat-syarikat yang tidak dikenakan duti anti-lambakan ini. Kalau ikut prinsipnya mana-mana syarikat yang daripada mana-mana negara yang menjual barangannya lebih rendah harganya daripada harga yang dijual di negaranya, maka maknanya dia telah melambakkan barangannya ke negara kita negara Malaysia. Sebab itu ada syarikat-syarikat yang daripada negara-negara tersebut yang tidak menjual pada kadar yang lebih rendah daripada negara dia, maka mereka ini diberi tidak dikenakan duti anti-lambakan. Itu prinsip dia Tuan Yang di-Pertua, tentang sama ada syarikat itu ada hubungan dengan syarikat-syarikat di Malaysia itu saya tidak ada maklumatlah.

Tentang tadi saya sudah sebut dan baca tadi berkenaan dengan duti-duti yang dikenakan ke atas minuman keras dan rokok ini, memang sudah ada kadarnya yang disebut tadi, *range* yang ada yang mana tiap-tiap tahun makin nampaknya dikenakan lebih meningkat duti ke atas rokok dan minuman keras, tidak kira daripada negara yang mana, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 8 yang telah dibentangkan sebagai kertas-kertas ST. 189 hingga 194 dan ST. 133 dan ST. 134 Tahun 2005 disahkan hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Usul disetujui.

AKTA EKSAIS 1976**Perintah Duti Eksais (Pindaan) 2005 (ST. 135/2005) - P.U. (A) 372
bertarikh 30 September 2005****Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) Seksyen 6, Akta Eksais 1976 Perintah berikut:

1. Perintah Duti Eksais (Pindaan) 2005 (ST. 135/2005) - P.U. (A) 372 bertarikh 30 September 2005

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bil. ST. 135 disahkan.”

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Eksais Pindaan 2005, ST 135 PUA 372 bertarikh 30 September 2005, perintah ini adalah bertujuan untuk melaksanakan kenaikan dan penyelarasan duti eksais ke atas rokok, tembakau dan minuman keras. Bagi rokok kenaikan duti eksais adalah dari RM81.00 per kilogram kepada RM110.00 per kilogram dan memperkenalkan duti eksais *ad valorem* pada kadar 20 peratus.

Bagi produk tembakau pula, kenaikan duti eksais dari di antara RM5 dan RM20 per kilogram pada di antara RM7 dan RM25 serta memperkenalkan duti eksais *ad valorem* pada kadar 5%. Mengenai minuman keras pula, bagi produk beer, duti eksais dinaikkan dari RM6 kepada RM7.40 per liter dan memperkenalkan duti eksais *ad valorem* pada kadar 15%. Manakala bagi produk arak, duti eksaisnya dinaikkan dari di antara RM1 dan RM28 per liter kepada di antara RM1.10 dan RM42.50 serta memperkenalkan duti eksais *ad valorem* pada kadar 15%.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk di bahas. Apa hendak tambah Yang Berhormat Kepong?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Nak tambah ya, banyak itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya berjanji nak meringkaskan, tapi sebenarnya banyak di sini. Cuma secara ringkasnya dengan tambahan duti eksais ini ke

atas rokok, tembakau dan minuman keras termasuk beer itu, bukan daripada itu Arau, Arau tak ada beer langsung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Arau letih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Memang dia sentiasa letih, itu masalah dia. Dengan mengadakan duti eksais yang tambah ini ke atas benda-benda yang saya sebutkan tadi dianggarkan apakah jumlah wang yang kita dapat untuk eksais ini, untuk benda-benda ini, kerana di dalamnya banyak perkara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh bacalah balik.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ada 31 sub adding's, 31 bukan main.

Seorang Ahli: [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: Itulah macam masa itu, dia seorang sahaja jalan ke situ, yang lain tidak menunjukkan keistimewaan. Saya berharap Yang Berhormat dapat kerana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memang ada buat kerja baik dan dia dapat menjawab tidak seperti Yang Berhormat Menteri Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tak ada apa-apa nak tambah ya?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi saya nampak yang Jasin sudah balik?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Eh, belum Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Belum, okey baik.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua tidak nampak ini Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak nampak tadi.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [Ketawa] Ini berkenaan dengan duti eksais pindaan ini. Kita dijangkakan oleh kerana kenaikan harga rokok, oleh kerana kenaikan harga minuman keras yang mana Yang Berhormat bagi Kepong susah hati, beer naik harga, apa semua naik harga.

Tetapi yang ini, kalau tidak dijaga atau dikawal dengan cara betul, *on paper* dengan izin memang nampak cantik kerana ia akan membuka ruang kepada penyeludup-penyeludup untuk menyeludup. Rokok pada hari ini oleh kerana kenaikan harga rokok harga biasa sudah RM7 tetapi di Indonesia *brand* yang sama tidak sampai RM3 Tuan Yang di-Pertua dan maklumat saya, saya ini orang di pelabuhan bukan penyeludup Tuan Yang di-Pertua, saya orang di pelabuhan.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Maklumat saya sekarang ini di pulau di Indonesia itu di hadapan Dumai, kalau wujud satu kilang yang mana kilang ini akan apabila barang-barang rokok ini keluar sampai ke pulau ini, dibuang plastiknya dan akan di *repack* balik sebagaimana yang dikehendaki oleh kerajaan Malaysia, contoh rokok “Amaran Kerajaan Malaysia”, di *pack* di pulau itu.

Ini satu usaha, satu industri yang besar, dan kita berharap supaya pihak kastam bagaimana saya sebut yang lepas, motobot ataupun kelengkapan dari pihak kastam ini tidak berapa cukup, bot dia tak cukup laju, yang penyeludup punya bot dengan *horse power* yang begitu besar sekali, dia jalan sampai 4 enjin, yang kastam punya 2 enjin, jadi kastam tak boleh kejar. Jadi yang demikian, kita berharap kita sayang kepada cukai yang akan kita dapat kerana untuk pembangunan negara. Tetapi kalau kita tak jaga betul-betul, oleh kerana sempadan kita begitu panjang, penyeludupan ada akhirnya kita tak dapat apa-apa.

Nombor dua saya minta pihak kastam kaji balik satu perkara yang telah di *enjoy* oleh Bahagian Preventif Kastam dulu, yang mana telah memberi kakitangan dia macam *reward*, kalau dia kerja lebih, dia dapat tangkap berapa peratus diberi kepada pegawai sebagai insentif. Tetapi 2, 3 tahun kebelakangan ini, *reward* ini telah ditarik balik oleh pihak kastam dan diganti dengan elaun RM350 untuk mereka yang jaga Bahagian Preventif ini. RM350 ini tak cukup, kata oleh pegawai kastam yang bertemu saya, RM350 ini untuk membayar belanja makan orang-orang yang memberi maklumat kepada mereka pun, belanja minum kopi pun tak cukup.

Oleh yang demikian kita minta kastam, kerajaan mengkaji balik supaya *reward* ini diberi kepada pegawai kastam Preventif supaya mereka akan bekerja dengan lebih rajin, mereka sanggup kerja lebih masa kerana mereka juga apabila dapat tangkap barang-barang yang cuba di seludup ini, mereka dinilai dan mereka akan dapat *reward*.

Oleh yang demikian kita berharap supaya kerajaan dapat mengkaji balik dan kita minta supaya kerajaan lihat perkara ini, kelengkapan mereka, *reward* mereka, apa semua supaya Jabatan Kastam akan lebih efisien di masa akan datang untuk kita melaksanakan pindaan yang akan kita lulus pada petang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kepong dan Yang Berhormat Jasin. Kepong memang berminat bagi tiap-tiap Usul yang telah saya bawa, terima kasih lah. Mengikut anggaran kerana pertambahan duti eksais ini bagi *liquor* ialah lebih kurang, tambahan ya, yang bakal boleh dikutip ialah lebih kurang RM100 juta setahun. Bagi rokok, saya tidak ada maklumatnya.

Kemudian Ahli Yang Berhormat bagi Jasin, pandangan beliau memang cukup baik iaitu bahagian pencegahan dan juga kelengkapan kastam perlulah dipertingkatkan, ini saya setuju sangatlah dan saya minta pihak kastam mengambil perhatian dalam perkara ini. Memang

pernah dibincangkan di Dewan ini dulu berkenaan dengan bahagian pencegahan ini, penguatkuasaan pencegahan di mana ialah *informer* mendapat *reward* tetapi pegawai kastam sendiri tidak dapat *reward*, dia dapat elaun sahaja, ini mungkin dalam menjalankan tugas memang beban yang berat. Jadi ini pun satu pandangan yang baik saya kira yang boleh diambil perhatian.

Selain daripada itu, pihak kastam juga mengenakan setem sekarang ini tiap-tiap kotak rokok dan tiap-tiap botol minuman keras ada setemnya. Dewan ini juga telah meluluskan peruntukan yang baik, saya ingat kalau tidak silap saya lebih kurang RM20 juta untuk pembelian setem di mana dan bila dijual setem ini, ia dapat pulangan dan *removing* duit ini. Ini satu cara untuk nak mencegah, nak mengenal pasti sama ada produk itu adalah produk yang di seludup ataupun dikenakan duti. saya ingat itu saja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah Usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 9 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Statut Bil. 135 Tahun 2005 disahkan dan hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Usul disetujui.

AKTA CUKAI JUALAN 1972

Perintah Cukai Jualan (Kadar-kadar Cukai) (Pindaan) 2005 - P.U. (A) 373 bertarikh 30 September 2005

7.50 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diletakkan kepadanya oleh subseksyen 2 Seksyen 15 Akta Cukai Jualan 1972 perintah berikut:

1. Perintah Cukai Jualan (Kadar-kadar Cukai) (Pindaan) 2005 -
P.U. (A) 373 bertarikh 30 September 2005

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut Bil. ST 136 Tahun 2005 disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, perintah ini adalah bertujuan untuk menyelaraskan cukai jualan ke atas rokok, produk tembakau serta beer dan minuman keras untuk dikenakan pada kadar *ad valorem* 5%.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Saya mohon menyokong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kepong, saya belum beri kebenaran. *[Dewan riuh seketika]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sekarang ini terbuka untuk di bahas, Kepong sila.

Seorang Ahli: Tidak ada integriti!

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

8.01 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua akhir sekalilah, saya pun ada *appointment* juga.

Seorang Ahli: *[Bersorak]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Janganlah kita di sini tiap-tiap sen kita hendak kutip, hendak diluluskan di dalam Dewan ini bukan kita hendak kacau sahaja. Ini amat penting sekali kena tanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, dia memang sangat arif dari hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, *ad valorem* 5% ini, nampak dia bukan sahaja *beer, sparkling wine* dengan *grape must with fermentation prevented or arrested by additional alcohol* dan sebagainya ini memang. Saya sebutkan hal ini, saya nampaknya bukan semua yang masuk di sini itu digunakan dengan orang yang tidak begitu mementingkan kesihatan. Ada yang minum dan sebagainya ini bukan untuk merosakkan badan kerana arak kalau kita minum sedikit memang ia baik untuk badan. Saya sebagai doktor saya tahu, ya. Tetapi kalau lebih... *[Disampuk]* bukan sahajalah - kita doktor semualah.

Seorang Ahli: *[Membuat bunyi]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Ketawa]* Ya, ya memang kalau kita minum sedikit memang dia baik untuk badan kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sekarang mengenai cukai jualan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, ya, jualan saya tahulah, dia jualan ini....

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Dia doktor kulit!

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dia kena 500 *ad volarem* dan saya hendak tahulah, kita mestilah membeza-bezakan minuman ini, ada minuman yang sungguh keras itu kita mestilah kenakan cukai yang lebih *because* saya tidak mahu orang itu minum dengan banyak. Cuma minum untuk kesihatan, saya setuju. Walau bagaimanapun dengan cukai jualan ini bolehkah.....

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, ya, ya saya setuju dengan Yasin. Yang Berhormat Jasin bukan Yasinlah, Yang Berhormat Jasin itu dia belum yasin lagi. Jasin sahaja itu.

Dengan mengenakan cukai ini pun kita memang menggalakkan penyeludupan dan tiap-tiap kali saya sebutkan tiap kali kita bagi Yang Berhormat bagi Jasin jugalah untuk membangkitkan. Tiap-tiap tahun saya bangkit mengenai penyeludupan tetapi malangnya masih ada, masih ada dengan itu kerana tabiat manusia ini kalau perbezaan harga yang banyak sangat memang dia ada penyeludupan, kita tidak boleh elakkan. Cuma kita mestilah melengkapkan pasukan kita dengan kapal dan kemudahan yang lebih canggih untuk menentang penyeludup-penyeludupnya. Saya berharap Yang Berhormat dapat menjawab dengan ringkasnya iaitu apakah jumlah yang kita akan dapat daripada cukai jualan *ad volarem* ini. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu sahajalah ya? Baiklah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Itu sahaja.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua sudah tengah malam, saya maklumat tidak sampailah lagi. Tuan Yang di-Pertua memang cadangan oleh pihak Yang Berhormat bagi Kepong untuk membeza-bezakan kadar cukai jualan ini.

Perkara ini telah pun dilaksanakan pada 30 September 2005 jadi sekarang tidak boleh diubah lagi kecuali pada masa akan datang kalau hendak diubah, cadangan diubah boleh dibuatlah. Tetapi sama ada akan diterima oleh pihak kastam itu terpulang kepada perbincangan. Jadi, yang penting untuk memudahkan perkiraan sebenarnya. Sebab itu diadakan kadar yang begini, yang *ad volarem* begini 5 peratus, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah perkara 10 yang telah dibentangkan sebagai kertas statut bilangan 136 tahun 2005 disahkan hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Usul disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Selesai urusan kita untuk hari ini. Sekarang jam 8.06 malam. Tahniah dan syabas ingin saya ucapkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang masih boleh berada di Dewan yang mulia ini.

[Dewan riuh seketika]

Seorang Ahli: Tahniah kepada speaker juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat, kita telah selamat bersidang selama 41 hari sejak 19 hari bulan September lalu dan hari ini merupakan hari terakhir bagi sidang tahun 2005 ini.

Kami berasa bangga dan gembira kerana persidangan Dewan kali ini juga dapat di jalankan dengan licin dan rancak. Inilah saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih ke atas sokongan dan kerjasama dari semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga pihak-pihak yang terlibat termasuk pegawai-pegawai kerajaan dan kakitangan Parlimen. Setelah persidangan Dewan diselesaikan sudah tentu Ahli-ahli Yang Berhormat akan pulang balik ke kawasan masing-masing untuk meneruskan tugas kerja kawasan, selamat pulang ke kawasan diucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Pada 25 Disember akan datang hari Krismas, jadi bagi rakan-rakan kita yang akan menyambut hari Krismas ingin saya mengucapkan selamat meraikan Hari Krismas kepada mereka. Bajet 2006 telah pun diselesaikan, tahun 2006 akan menjelang tiba tidak lama lagi.

Saya mengambil kesempatan ini bagi pihak Yang Berhormat Tan Sri Speaker, rakan sejawat saya Timbalan Speaker dan saya sendiri mengucapkan selamat menyambut Tahun Baru kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan dan kakitangan Parlimen sekalian. Dengan ini Ahli-ahli Yang Berhormat saya tangguhkan Dewan yang mulia ini sehingga suatu tarikh yang tidak ditetapkan lagi, sekian.

Dewan ditangguhkan pada jam 8.08 malam.